

BAB 3 :AKIDAH LEMBAGA DAKWAH ISLAM INDONESIA (LDII)

3.1 Pengenalan

Perbahasan objek akidah secara amnya ialah wujud atau idea yang bersifat menyeluruh meliputi; alam, manusia, kehidupan serta yang wujud sebelum dan selepas kehidupan. Oleh itu, objek perbahasan akidah merangkumi keimanan kepada Allah, malaikat, rasul, hari kiamat serta keimanan kepada *qada'* dan *qadar*, termasuk juga permasalahan yang dijelaskan oleh nas *qat'i*, yang harus diyakini. Kesemua bentuk keyakinan tersebut tersimpul dalam perbahasan *Ilahiyyat*, *al-Nubuwwat* dan *al-Sam'iyat*.

Berhubungkait dengan skop perbahasan akidah, maka sebagai analisis pengaruh keyakinan dan kefahaman terhadap ahli LDII maka bab ini, membentangkan akidah dalam pemikiran aliran Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) yang merangkumi asas berakidah, aspek ketuhanan (*Ilahiyyat*), aspek kenabian (*al-Nubuwwat*) dan aspek *al-Sam'iyat*.

3.2 Sumber dan Asas Akidah LDII

Sumber¹ akidah di sini dimaksudkan sebagai kaedah yang harus dilalui dalam menetapkan kandungan-kandungan akidah Islam. Menurut al-Ghazalī, bahawa *taklid* tidak akan menghasilkan ilmu terhadap aspek *uṣul* (akidah), maka setiap orang mukalaf wajib membangun keyakinannya berdasarkan dalil baik '*aqli* mahupun *naqli*.²

Merujuk daripada pandangan al-Ghazalī, LDII membangun faham akidah berasas kepada tiga sumber akidah iaitu: al-Qur'ān, Hadith dan '*aql* sehat. Sumber akidah LDII akidah itu sebagai berikut:

¹ Dalam bahasa Arab sumber berasal dari kata '*asl* atau *uṣul* bererti sesuatu perkara dan ianya digunakan untuk menunjukkan sesuatu yang terawal. Lihat Imām Ibn Manzur Jamaluddin Muhammad Ibn Mukram al-Ansari (t.t.), *Lisān al-Arab*, al-Qahirah al Muassasah al-Misriah al-Ammah li al-Ta'lif, h.16

² Al-Ghazalī (2000), *al-Mustafa fi 'Ilm al-Uṣul*, ed. Muhammad 'Abd al-Salām, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 370-371

3.2.1 al-Qur'an

Menurut istilah pengertian al-Qur'an di kalangan ulama dijumpai adanya perbezaan pendapat baik dari segi bahasa mahupun istilah. Ash-Shafi'i, mengemukakan bahawa al-Qur'ān dieja dengan (القران) *al-Qur'ān* bukannya dengan ejaan *al-Qur'ān*. Iaitu dieja tanpa huruf Hamzah (ء) pada perkataan al-Qur'an. Ash-Shafi'i dalam pandangan ini mengertikan al-Qur'ān ialah suatu nama yang khas bahagi perkataan al-Qur'ān, iaitu sama juga seperti nama bahagi kitab Samawi lain, antaranya; Taurat dan Injil.³

Al-Farra' (m.207 H.) dan al-Qurtubi, mentakrifkan bahawa kata al-Qur'an berasal kata *al-Qarā'in* (القرائن). Ia membawa erti tanda-tanda atau petunjuk. Mereka berpendapat kerana sebahagian daripada ayat-ayat al-Qur'ān menunjukkan maksud dan pengertian yang sama dengan sebahagian ayat-ayat lain serupa itu. Menurut mereka huruf *nun* (ن) di dalam perkataan *al-Qarā'in* (القرائن) merupakan huruf *nun* (ن) yang asal dan bukan tambahan.⁴

Menurut Al-'Ash'āri (m.324 H), kata al-Qur'ān berasal dari kata *Qarana* (قرن) yang bermaksud menggabungkan. Menurut al-Ash'āri kerana ayat-ayat al-Qur'ān dan sūrah-sūrahnya dihimpun serta digabungkan dalam satu Mushaf.⁵ Selanjutnya menurut Manna al-Qaṭṭan, secara ringkas mengutip pandangan ulama pada amnya menyatakan bahawa al-Qur'an adalah Ia merupakan Kalam Allah yang azali, diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui perantaraan malaikat Jibril secara berperingkat, ia diriwayatkan secara mutawatir, menjadi mukjizat serta merupakan ibadat bahagi sesiapa yang membacanya.⁶ Pengertian sedemikian selaras pula dengan yang dikemukakan al-

³Jalal al-Dīn 'Abd al-Rahmān al-Suyuti (1978), *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'an*, Juz. 1, Kaherah: t.t., h. 67

⁴Badr al-Dīn Muḥammad Ibn 'Abd Allah al-Zarkasyi (1972), *al-Burhan fī 'Ulūm al-Qur'ān*, Juz. 1 Kaherah: t.t., h.h. 277-278

⁵Lihat Jalal al-Dīn 'Abd al-Rahman al-Suyuti, *op.cit.*,h. 68

⁶Manna' al-Qaṭṭan (1983), *Mabahith fī 'Ulūm al-Qur'ān*, Cet. 19, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, h. 20-21

Zarqani bahawa al-Qur'an adalah lafaz yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. diawali dari awal surah al-Fātihah, sampai akhir surat al-Nās.⁷

Abd. Wahhab al-Khallaf dengan lebih lengkap mentakrifkan bahawa al-Qur'an adalah firman Allah yang diturunkan kepada hati Rasulullah Muḥammad bin Abdullāh, menjadi *hujjah* bahagi Rasul, bahawa ia benar-benar Rasulullah, menjadi undang-undang bahagi manusia, memberi petunjuk kepada mereka dan menjadi sarana untuk melakukan pendekatan ibadah kepada Allah dengan membacanya. Ia terhimpun dalam mushaf, di awali dari sūrah al-Fātihah dan di akhir dengan sūrah al-Nās, disampaikan kepada secara mutawatir dari generasi-ke generasi, baik secara lisan mahupun tulisan terjaga dari perubahan dan pergantian.⁸

Berdasarkan takrif-takrif al-Qur'an di atas, diketahui bahawa al-Qur'an adalah kitab suci yang isinya mengandungi firman Allah, turunnya secara berperingkat melalui malaikat Jibril, pembawanya Nabi Muhammad s.a.w., dan susunanya di awali dari al-Fātihah dan diakhir dengan sūrah al-Nās, bahagi yang membacanya bernilai ibadah, fungsinya sebagai hujjah dan bukti kerasulan Nabi Muhammad s.a.w., kedudukannya terpelihara dengan baik sehingga kini.

Kedudukan al-Qur'an dalam hukum Islam merupakan sumber yang pertama dan hujah paling kukuh. Kehujahan al-Qur'an dan kelebihannya tidak dapat ditandingi oleh mana-mana pihak. Oleh itu, al-Qur'ān juga sebagai sumber dan jalan menetapkan akidah.⁹ Iaitu dengan keterangan ayat-ayatnya yang yakin dan benar.¹⁰ Sehingga sesiapa yang mengingkari mana-mana ayat al-Qur'an adalah kafir.¹¹ Menurut Muḥammad Hasan al-Yasin, al-Qur'an juga sebagai agama, akidah dan hukum syarak,¹² kerana al-

⁷ Al-Zarqani (t.t.), *Manahil al-Arḥan fi 'Ulūm al-Qur'ān*, Mesir: Isa al-Baby, h.21

⁸ Abd al-Wahhab al-Khallaf, *Ilmu Uṣūl al-Fiqh*, Jakarta: Al-Majelis al-'Ala al-Indonesia li al-Da'wah al-Islāmiyah, cet. IX h. 23

⁹ Muhammad Hasan al-Yasin (t.t.), *al-Īmān: Arkānuhu, Haqiqatuhu, Nawaqiduhu*, Jordan: Maktabah Dār al-Furqan, h. 33

¹⁰ Abū Hasan al-'Ash'ārī (1977), *al-Ībānah 'an Uṣūl al-Diyānah*, Juz. 2 Cet. 1 Kaherah: Dār al-Ansar, h. 97

¹¹ Alī al-Tantawi (1971), *Ta'rif al-'Am bi Dīn al-Islām*, Beirut: t.tp, h. 34

¹² Muhammad Hasan al-Yasin, *op.cit.*,h. 39

Qur'an diwahyukan daripada Allah, dijamin terpelihara dan kitab suci yang lengkap, sebagaimana firman Allah:

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

Ertinya: “Kitab al-Qur’an ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bahagi orang-orang yang (hendak) bertakwa”.

Sūrah al-Baqarah (2): 2

Memandangkan al-Qur’an sebagai sumber hukum Islam dan hujah yang paling kukuh, LDII menjadikan al-Qur’an sebagai sumber dan asas akidah. Kedudukan al-Qur’an sebagai sumber hukum dan akidah menjadi kemestian setiap ahli LDII wajib mempelajari dan mengamalkannya. Kefahaman LDII terhadap al-Qur’an berpedoman daripada ayat-ayat al-Qur’an sebagai berikut:

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ ۗ وَلَا تَتَّبِعُوا السَّبِيلَ فَتَفْرَقَ بِيكُم مِّنْ سَبِيلِهِ ۗ ذَٰلِكُمْ وَصَّاكُم بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Ertinya: “Dan bahawa sesungguhnya Inilah jalanKu (ugama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah, dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa. Surah al-An’ām (6): 153

وَاتَّبِعُوا أَحْسَنَ مَا أُنزِلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ مِّن قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَكُمُ الْعَذَابُ بَغْتَةً وَأَنْتُمْ لَا تَشْعُرُونَ

Ertinya: "Dan turutlah--al-Quran--sebaik-baik (panduan hidup) yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu, sebelum kamu didatangi azab secara mengejut, sedang kamu tidak menyedarinya.

Sūrah al-Zumar (39): 55

اتَّبِعُوا مَا أَنْزَلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ وَلَا تَتَّبِعُوا مِن دُونِهِ أَوْلِيَاءَ ۗ قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ

Ertinya: “Katakanlah kepada mereka (wahai Muhammad): "Turutlah apa yang telah diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu dan janganlah kamu menurut pemimpin-pemimpin yang lain dari Allah; (tetapi sayang) amatlah sedikit kamu mengambil peringatan".

Sūrah al-A'raf (7): 3

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا لِمُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَن يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا ﴿٦٦﴾

Ertinya: “Dan tidaklah patut bagi laki-laki yang mukmin dan tidak (pula) bagi perempuan yang mukmin, apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan suatu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka. dan Barangsiapa mendurhakai Allah dan Rasul-Nya Maka sungguhlah Dia telah sesat, sesat yang nyata.

Surah al-Ahzab 33:36

LDII menguatkan faham al-Qur'an sebagai sumber dan asas akidah menerusi hadith yang direkodkan oleh Jābir, r.a., sebagai berikut:

عَنْ جَابِرِ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الْقُرْآنُ شَافِعٌ مُشَفَّعٌ، وَمَا حِلٌّ

مُصَدَّقٌ، مَنْ جَعَلَهُ أَمَامَهُ فَادَّهُ إِلَى الْجَنَّةِ ، وَمَنْ جَعَلَهُ خَلْفَ ظَهْرِهِ سَاقَهُ إِلَى النَّارِ ¹³

Ertinya: “Dari Jābir r. a. dari Nabi s.a.w. bersabda: “Al-Qur'an adalah syafaat yang memberikan syafaat kepada yang membenarkan dan sesiapa menjadikan al-Qur'an sebagai imam membimbingnya ke syurga, dan sesiapa yang melalaikan dan membelakangi al-Qur'an menghantar ke neraka”

LDII menyakini al-Qur'an sebagai sumber dan asas akidah amnya sama dengan keyakinan majoriti umat Islam Indonesia, tetapi dalam kewajipan mempelajari al-

¹³Al-Ṭabari (t.t.), *Tafsir al-Ṭabari; Jamī' al-Bayān 'at-Ta'wily al-Qur'ān: Taqrīb wa-Tahdhīb*, Juz 16 Dār al-Qalām h. 394

Qur'an, LDII memiliki cara yang berbeza. LDII lebih mengutamakan mempelajari al-Qur'an dengan kaedah *manqul*. Kaedah *manqul* menurut LDII bertujuan menjaga kemurnian kandungan al-Qur'an serta mencegah dari kepentingan-kepentingan “elit agama”, yang bercanggah dengan al-Qur'an itu sendiri. Sehingga bukan perintah agama yang diamalkan tetapi justeru pemikiran dan kepentingan ulama. Oleh itu, kaedah *manqul* digunakan LDII supaya memahami al-Qur'an tetap di jalan yang benar, dalam mengamalkan ajaran Islam.

Kaedah *manqul* yang dipergunakan LDII berasas daripada sahabat Nabi s.a.w. dalam mendapatkan ilmu agama mengutamakan *manqul*. Adapun dalil yang dijadikan asas dalam kaedah *manqul* LDII adalah nas al-Qur'an dan hadith Nabi s.a.w., sebagai berikut:

لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ (16) إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ (17) فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ (18) ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ (19)

Ertinya: “Janganlah engkau gerakkan lisanmu (mendahului Malaikat jibril) untuk membaca Al-Qur'an karena tergesa-gesa dengan bacaan. Sesungguhnya tanggungjawabKu mengumpulkan pengertian Quran (dalam hatimu) dan bacaannya. Maka ketika Kami telah selesai membacanya maka ikutilah bacaannya. Kemudian sesungguhnya pada kami penjelasan Quran itu”.

Surah Al-Qiyāmah 75; 16-19

عَنْ كَثِيرِ بْنِ قَيْسٍ ، قَالَ : كُنْتُ جَالِسًا مَعَ أَبِي الدَّرْدَاءِ ، فِي مَسْجِدِ دِمَشْقَ فَجَاءَهُ رَجُلٌ ، فَقَالَ : يَا أَبَا الدَّرْدَاءِ : إِنِّي جِئْتُكَ مِنْ مَدِينَةِ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِحَدِيثِ بَلْعَنِي ، أَنْتَ تُحَدِّثُهُ ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا جِئْتُ لِحَاجَةٍ ، قَالَ فَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَطْلُبُ فِيهِ عِلْمًا سَلَكَ اللَّهُ بِهِ طَرِيقًا مِنْ طُرُقِ الْجَنَّةِ ، وَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ لَتَضَعُ أَجْنِحَتَهَا رِضًا لِطَالِبِ الْعِلْمِ ، وَإِنَّ الْعَالَمَ لَيَسْتَعْفِرُ لَهُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ ، وَمَنْ فِي الْأَرْضِ ، وَالْحَيَاتَانِ فِي جَوْفِ الْمَاءِ ، وَإِنَّ فَضْلَ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ ، كَفَضْلِ الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ عَلَى سَائِرِ الْكَوَاكِبِ ، وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرِثَةُ الْأَنْبِيَاءِ ، وَإِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورَثُوا دِينَارًا ، وَلَا دِرْهَمًا وَرَثُوا الْعِلْمَ ، فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحِطِّ وَافِرٍ

Ertinya: Dari Katsir bin Qais: Saya pernah duduk di sisi Abu Dardā' di Masjid Damaskus. Tiba-tiba seorang pria datang menghadap padanya untuk berkata, “Ya Aba Darda’, saya benar-benar datang dari Madinah Rasul SAW semata-mata kerana ada Hadits yang sampai padaku. Sungguh engkau menceritakan Hadith itu dari Rasulullah SAW, saya datang kemari bukan kerana ada urusan.” Memang sungguh saya pernah mendengar Rasulullah bersabda ‘barang siapa melewati jalan untuk mencari ilmu, maka Allah menjalankan dia pada sebuah jalan menuju surga. Dan niscaya sungguh para malaikat meletakkan sayap mereka kerana ridha pada para pencari ilmu. Sungguh makhluk yang di beberapa langit dan bumi hingga ikan-ikan di dalam air niscaya memintakan ampun pada orang alim. Sungguh keutamaan orang alim atas orang beribadah; bagai keutamaan bulan di malam purnama mengalahkan seluruh bintang-bintang. Sungguh para ulama pewaris para nabi. Sungguh para nabi tidak mewariskan uang dinar maupun uang dirham, mereka mewariskan ilmu. Barang siapa mengambil ilmu itu berarti telah mengambil bahagian yang sempurna’.”

حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي عُمَرَ قَالَ: حَدَّثَنَا سُفْيَانُ، عَنْ عَبْدِ الْمَلِكِ بْنِ عُمَيْرٍ، عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ، يُحَدِّثُ عَنْ أَبِيهِ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «نَضَرَ اللَّهُ امْرَأً سَمِعَ مَقَالِي فَوَعَاَهَا وَحَفِظَهَا وَبَلَّغَهَا، فَرُبَّ حَامِلٍ فِقْهِ إِلَى مَنْ هُوَ أَفْقَهُ مِنْهُ»

Ertinya: Diceritakan oleh Ibn Abī ‘Umar berkata: diceritakan dari Sufyān, dari ‘Abdi Malik ibn ‘Umair, dari ‘Abdi al-Rahman ibn ‘Abdullah ibn Mas’ud telah diceritakan dari ayahnya dari Nabi s.a.w. bersabda: “Semoga Allah mencerahkan orang yang mendengar ucapanku, memahaminya, menghafalnya lalu menyampaikannya (kepada orang lain).”¹⁴

Manqul ialah sistem pembelajaran berangkai dan turun temurun (*muṭṭasil*) mulai dari Nabi s.a.w., para sahabat, para *tabi’īn*, *tabi’ tabīn* dan seterusnya sampai kepada seorang guru. Sehingga LDII menganjurkan kepada ahli-ahlinya supaya memahami kitab suci secara *manqul* kepada salah seorang mubaligh atau guru yang telah manqul kepada ulama terdahulu dan seterusnya bersambung kepada Nabi s.a.w. Pengajian dengan sistem *manqul* ini bertujuan agar kefahaman agama tetap di jalan wahyu, tidak terjejas daripada pemikiran yang salah dan supaya tetap dalam barisan “jamaah”.

¹⁴ Muhammad ibn ‘Isa Al-Tirmidhī (1983) *Sunan Tirmidhī wa huwa al-Jami’ al-Ṣāhih*, Juz. 5 Bayrut: Dār al-Fikr, hadith no. 2658, h.34

LDII menggunakan kaedah *manqul* sebagai pendekatan memahami al-Qur'an kerana kaedah *manqul* menurut majoriti ulama mempunyai peringkat tertinggi dalam proses penyampaian hadith (*tārīqa al-tahammul*), berbanding kaedah mendengar (*al-simā'*) iaitu seorang guru membacakan hadith baik dari hafalan mahupun dari kitabnya sedang yang hadir mendengarnya dengan baik majlis itu *imla'* atau bentuk lain.¹⁵ Walaupun LDII berbeza dalam mempelajari al-Qur'an dengan kaedah *manqul* tetapi tidak bererti mengembangkan faham liberal dalam memahami dan menafsirkan kitab suci. Menurut LDII mengamalkan agama mesti dalam konteks syari'at (wahyu). Dalam perkataan yang lain, LDII dalam menafsirkan al-Qur'an mengikut daripada yang telah ditetapkan oleh para ulama antara lain:

1. Menafsirkan al-Qur'an dengan al-Qur'an sendiri¹⁶
2. Haram untuk menafsirkan dengan hanya berpedoman kepada pendapat akal sahaja¹⁷
3. Tidak boleh membawa atau berpedoman tafsir ayat-ayat al-Qur'an pada aliran atau mazhab tertentu
4. Hakikat-hakikat syari'at didahulukan atas hakikat-hakikat bahasa
5. Lafaz-lafaz al-Qur'an yang *musykil* harus dirujuk daripada lafaz-lafaz yang lebih jelas makna-maknanya.¹⁸

Menganalisis paham LDII dalam mempelajari dan memahami al-Qur'an dengan ketentuan *manqul* mempunyai persamaan daripada pandangan Salaf bahawa al-Qur'an adalah Kalamullah, berasal dari Allah berupa perkataan tanpa dapat diketahui caranya. Al-Qur'an diturunkan kepada Rasulullah sebagai wahyu. Sebagai Kalamullah, maka al-Qur'an bukan makhluk, tidak seperti ucapan manusia. Sesiapa mendengar al-Qur'an dan menyangkanya sebagai perkataan manusia, sungguh ia telah kafir. Oleh itu LDII menjadikan Kitabullah dan wahyu dari Allah S.W.T. sebagai landasan utama dalam menetapkan akidah dan pengambilan dalil.

¹⁵ Muhammad 'Ajaib al-Khatib (1985), *Uṣūl al-Hadīth* Kaheerah: Dār al-Fikrh. 204

¹⁶ Lihat "Supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka." Sūrah al-Nahl: 44

¹⁷ Al-Tirmidhī, *op.cit.*, hadith no. 2950 Juz .5 h. 183

¹⁸ Lihat, "Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi Al-Qur'an? kalaulah Al-Qur'an itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya. Sūrah al-Nisā: 82

3.2.2 Al-Hadith

Menurut bahasa *hadīth* bererti yang baharu dari segala sesuatu. Makna ini sinonim dengan al-Sunnah yang ertinya jalan hidup yang dibiasakan terkadang jalan tersebut ada yang baik dan ada pula yang buruk.¹⁹ Sementara oleh Jumhūr ‘Ulama mengertikan al-Sunnah, al-hadīth dan *al-athar* sama sahaja iaitu segala sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad saw baik dalam bentuk ucapan, perbuatan mahupun ketetapan.

Menurut istilah *hadīth* ialah segala sesuatu yang bersumber dari Rasulullah s.a.w baik perkataan, perbuatan, ketetapan, sifat, kelakuan, perjalanan hidup baik sebelum Nabi s.a.w. dibangkitkan menjadi Rasul, mahupun sesudahnya.²⁰ Takrif ini memberi makna bahawa hadith meliputi biografi Nabi, sifat-sifat nabi baik yang berupa fizik mahupun fsikis dan akhlak nabi dalam keadaan sehari-hari, baik sebelum mahupun sesudah *bi'thah* sebagai Nabi.

Hadith merupakan sumber hukum Islam kedua setelah al-Qur’an kerana hadith berfungsi sebagai penerang dan penghuraian apa yang ada dalam al-Qur’an. Oleh itu, al-Qur’an dan Hadith adalah sumber syariah Islam serta menjadi kemestian setiap Muslim merujuk kepada kedua sumber ajaran tersebut secara bersamaan.²¹ Dalam hal ini para ulama sepakat bahawa hadith Nabi s.a.w. adalah sumber hukum Islam yang kedua setelah al-Qur’an²², kerana sunnah juga merupakan salah satu wahyu Tuhan yang disampaikan Allah kepada Nabinya dan umat Islam wajib melaksanakan isinya.

LDII sependapat dengan ‘Ulama Jumhūr menjadikan hadith sebagai sumber hukum yang kedua setelah al-Qur’an dan dasar dalam menetapkan akidah. Kefahaman LDII menerusi ayat-ayat sebagai berikut:

¹⁹ Muhammad ‘Ajaj al-Khatib, *op. cit.*, h. 17

²⁰ *Ibid.*, h.9

²¹ *Ibid.*, h. 35

²² Al-Imam Muḥammad Ibn Idrīs al-Shāfi‘ī, *Al-Risālah*, tahkik Ahmad Muḥammad Shakir (1940M/1358 H.), Mishr: Mustfā al-Halabī, cet. Ke-1, h. 78

Ertinya: “Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. dan bertakwalah kamu kepada Allah.”.

Sūrah al-Hasyr (59): 7

Ertinya: “Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, supaya kamu diberi rahmat”.

Sūrah Ali ‘Imrān (3): 132

Ertinya: “Janganlah kamu jadikan seruan atau panggilan Rasulullah di antara kamu seperti seruan atau panggilan sesama kamu; Sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang di antara kamu yang menarik diri ke luar (dari majlis nabi) secara berselindung dan bersembunyi. Oleh itu, hendaklah mereka yang mengingkari perintahNya, beringat serta berjaga-jaga jangan mereka ditimpa bala bencana, atau ditimpa azab seksa yang tidak terperi sakitnya”.

Sūrah an-Nūr (24): 63

Ertinya: “Dan tidaklah harus bahagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka Sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata”.

Sūrah al-Ahzāb (33) : 36

Asas LDII menerima hadith sebagai sumber akidah ialah kerana dalam ayat-ayat al-Qur’an sebagai asas pemikiran itu ditemukan beberapa kata *al-Ḥikmah* yang menyertai kata *al-Kitāb*, yang bermakna al-Sunnah, dan makna ini lebih logik, kerana setelah kata al-kitāb adalah al-Qur’an, maka al-Ḥikmah tidak lain ialah al-Sunnah yang dijadikan sebagai penjelasan, penafsiran ataupun penambahan dari makna *al-kitāb*.²³ Keyakinan LDII dalam menerima hadith seperti penggunaan kitab hadith “Kutub al-Sittah” sebagai rujukan dalam hukum Islam mahupun memahami akidah. Adapun hadith yang menjadi rujukan LDII sebagai berikut:

²³Lihat Surah al-Baqarah 2: 231 “Dan kenanglah nikmat Allah yang diberikan kepada kamu, (dan kenanglah) apa yang diturunkan kepada kamu iaitu Kitab (Al-Quran) dan ilmu hikmat, untuk memberi pengajaran kepada kamu dengannya”.

عن مالك بن أنس رحمه الله بَلَّغَهُ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمُ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ رَسُولِهِ .

Ertinya: “Mālik bin Anas raḥima Allāh, menyampaikan bahawa Rasūlullah s.a.w bersabda : Aku tinggalkan padamu dua perkara, apabila kamu berpegang teguh kepada keduanya, nescaya kamu tidak akan tersesat selama-lamanya iaitu Kitab Allah dan Sunnah Rasul”²⁴.

حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَهَّابِ بْنُ نُجْدَةَ حَدَّثَنَا أَبُو عَمْرٍو بْنُ كَثِيرٍ بْنُ دِينَارٍ عَنْ حَرِيْزِ بْنِ عُثْمَانَ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي عَوْفٍ عَنِ الْمُقْدَامِ بْنِ مَعْدِي كَرِبَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ أَلَا إِنِّي أُوتِيتُ الْكِتَابَ وَمِثْلَهُ مَعَهُ

Ertinya: “Telah menceritakan kepada kami Abdul Wahhāb bin Najdah berkata, telah menceritakan kepada kami Abū Amr bin Katsīr bin Dinār dari Harīz bin Utsmān dari 'Abdurrahman bin Abū Auf dari al-Miqdām bin Ma'dī Karib dari Rasūlullah s.a.w bersabda: "Ketahuilah, sesungguhnya aku diberi al-Qur'an dan yang semisal bersamanya (al-Sunnah).”²⁵

Pertimbangan dan faham LDII terhadap hadith sebagai asas akidah, kerana penyelidikan dan penulisan kitab-kitab hadith telah melalui proses yang begitu teliti yang meliputi; *Pertama*, bahawa Rasulallah s.a.w memerintahkan para sahabatnya untuk menyampaikan sunnah beliau. *Kedua*, kesungguhan para sahabat dalam menyampaikan sunah Rasulallah. Mereka juga dikenali sangat giat dan tekun mencari jejak Sunah Rasul mereka. *Ketiga*, pengetahuan tentang para perawi dan sikap kritis yang tinggi dalam menerima riwayat-riwayat mereka. *Keempat*, penyusunan ilmu “*al-Jarh wa al-Ta'dil*”. *Kelima*, pengumpulan dan penyusunan *illat-illat* hadith dengan pembahasan yang lengkap. *Keenam*, penyusunan kaedah-kaedah yang menjelaskan kriteria penerimaan atau penolakan suatu hadith. *Ketujuh*, penyusunan biografi para perawi hadith dengan pembahasan yang lengkap tentang pelbagai perkara yang berkait

²⁴ Imam al-Haramayn al-Juwayni, `Abd al-Malik ibn `Abd Allah, *Muwatha`*, Juz 5 Hadith Nomor 3338 h. 1323

²⁵ Abu Dāwūd, *op. cit.*, Hadith no 4604 h. 1561

dengan kesamaran, persamaan atau perbezaan dalam nama dan kun-yah mana yang harus didahulukan dan mana yang dibelakangkan.²⁶

Walau bagaimanapun penyelidikan dan pembukuan kitab-kitab hadith telah menghasilkan kitab-kitab Hadith yang muktabar baik dari aspek *matn*, *sanad* mahupun keluasan ruang lingkup permasalahannya. Kitab-kitab hadith yang muktabar seperti yang tergabung dalam *Kutub al-Sittah* iaitu enam kitab hadith yang meliputi; Şahih al-Bukhāri, Şahih al-Muslim, Sunan Abu Dāwud, Sunan al-Tirmidhī, Sunan al-Nasā'i dan Sunan Ibn Majah.

Hadith sebagai sumber hukum Islam dan akidah di tengah-tengah komuniti umat Islam terdapat permasalahan, mengingat sejarah penulisan hadith pada awal penyampaian hadith pernah dilarang oleh Nabi s.a.w.²⁷ Demikian pula dengan peringkat kesahihan hadith. Terhadap permasalahan hadith ini, di kalangan kaum Muslim terdapat perselisihan seperti; perselisihan mengenai *ḥadith ahad* sebagai dasar hukum dan penggunaan hadith *dha'if* untuk meningkatkan *fadhā'il al-A'mal* (keutamaan amal). Di samping itu ditemukan adanya perorangan atau kumpulan yang menolak hadith (*ingkar al-Sunnah*) sebagai sumber hukum kedua atau menolak hadith sebagai sumber ajaran Islam sesudah al-Qur'an, baik pada abad pertama Hijriyah mahupun masa kini.

Selain daripada al-hadith, LDII mempergunakan tradisi para sahabat Nabi s.a.w. berupa ucapan (*qaul al-ṣahabat*) mahupun tindakan-tindakan mereka. Tradisi sahabat yang diterima itu tentunya yang tidak bercanggah dengan *lafaz mantuq* (tekstual) dari al-Qur'an dan Sunnah Rasul serta para ṣahabat itu telah diakui kesalihannya seperti; *Khulafā' al-Rasyidīn*.

²⁶ Ibrahim bin Muhammad (1998), *Al-Madkhalu lidirasātil 'aqidati Islāmiyah*, (Terjemah) Muhammad Anis Mata, Jakarta:Robbani Press, h. 34

²⁷ M.H. Allamah Thabathaba'i (1993), *Islam Syi'ah, Asal Usul dan Perkembangannya*, Jakarta: Grafiti, h. 111 Lihat Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri, *Şahih Muslim*, "Jangan penulis apa-apa selain al-Qur'an dari saya, barang siapa menulis dari saya selain Qur'an (yakni: Hadith), hendaklah menghapuskannya" Hadith riwayat Muslim dari Abū Sa'id al-Khudri.

Asas menerima tradisi sahabat, kerana para sahabat adalah orang yang *manqul* secara langsung dengan Nabi, mereka menyaksikan langsung turunnya al-Qur'an kepada Rasulullah saw, mengetahui sebab-sebab, berbagai situasi dan peristiwa di mana al-Qur'an diturunkan. Di samping itu, mereka merupakan generasi yang lebih memahami pelik-pelik bahasa Arab, sebab ia diturunkan dengan bahasa mereka. Dan di atas semua itu mereka telah beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, percaya pada seluruh kandungan dan makna al-Qur'an, serius dan bersungguh-sungguh dalam memahami dan istiqamah dalam mengamalkan sepanjang hayat.

Rujukan LDII terhadap *qaul ṣaḥābat* seperti hadith yang direkodkan Ibn Majah:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ بَشِيرٍ بْنُ دَكْوَانَ الدِّمَشْقِيُّ حَدَّثَنَا الْوَلِيدُ بْنُ مُسْلِمٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْعَلَاءِ حَدَّثَنِي يَحْيَى بْنُ أَبِي الْمُطَاعِ قَالَ سَمِعْتُ الْعُرْيَانَ بْنَ سَارِيَةَ يَقُولُ قَامَ فِيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ فَوَعظَنَا مَوْعِظَةً بَلِيغَةً وَجَلَّتْ مِنْهَا الْقُلُوبُ وَذَرَفَتْ مِنْهَا الْعُيُونُ فَقِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَعَظْتَنَا مَوْعِظَةً مُودِعَ فَأَعْهَدَ إِلَيْنَا بِعَهْدٍ فَقَالَ عَلَيْكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ وَالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ وَإِنْ عَبْدًا حَبَشِيًّا وَسْتَرُونَ مِنْ بَعْدِي اخْتِلَافًا شَدِيدًا فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ عَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِدِ وَإِيَّاكُمْ وَالْأُمُورَ الْمُحَدَّثَاتِ فَإِنَّ كُلَّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ²⁸

Ertinya: "Telah menceritakan kepada kami 'Abdullah bin Ahmad bin Bashir bin Dhakwan al-Dimashqi berkata, telah menceritakan kepada kami al-Walid bin Muslim berkata, telah menceritakan kepada kami 'Abdullah bin al 'Ala' berkata, telah menceritakan kepadaku Yahya bin Abi Al-Muta' ia berkata; aku mendengar 'Irbad bin Sariyah berkata; "Pada suatu hari Rasulullah s.a.w. berdiri di tengah-tengah kami. Beliau memberi nasihat yang sangat menyentuh, membuat hati menjadi gemetar, dan airmata bercucuran. Lalu dikatakan; "Wahai Rasulullah, engkau telah memberikan nasihat kepada kami satu nasihat perpisahan, maka berilah kami satu wasiat." Beliau bersabda: "Hendaklah kalian bertakwa kepada Allah, mendengar dan taat meski kepada seorang budak Habasyi. Dan sepeninggalku nanti, kalian akan melihat perselisihan yang sangat dahsyat, maka hendaklah kalian berpegang dengan sunnahku dan sunnah para khulafā' al-Rashidin yang mendapat petunjuk. Gigitlah sunnah itu dengan gigi geraham, dan jangan sampai kalian mengikuti perkara-perkara yang dibuat-buat, kerana sesungguhnya semua bidaah itu adalah sesat."

²⁸Imam al-Hafidh Abi 'Abd Allah Muhammad Ibn Yazid al-Rabbi'i Ibn Majah (2000), *Sunan Ibn Majah*, Hadith Nomor 42, Al-Mamlukah al-'Arabiyyah al-Su'udiyah: Dār al-Salām Linasyri wa tawzi, 'h.2479

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ وَهَنَّادُ بْنُ السَّرِيِّ قَالَا حَدَّثَنَا أَبُو الْأَحْوَصِ عَنْ مَنْصُورٍ عَنْ إِبْرَاهِيمَ بْنِ يَزِيدَ عَنْ عَبِيدَةَ السَّلْمَانِيِّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْرُ أُمَّتِي الْقُرْنُ الَّذِينَ يُلُونِي ثُمَّ الَّذِينَ يُلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يُلُونَهُمْ ثُمَّ يَجِيءُ قَوْمٌ تَسْبِقُ شَهَادَتَهُمْ بَيْنَهُ وَبَيْنَهُ شَهَادَتَهُ لَمْ يَذْكُرْ هَذَا الْقُرْنُ فِي حَدِيثِهِ وَ قَالَ قُتَيْبَةُ ثُمَّ يَجِيءُ أَقْوَامٌ

Ertinya: “Telah menceritakan kepada kami Qutaibah bin Sa’id dan Hannad bin al-Sari keduanya berkata; Telah menceritakan kepada kami Abu al-Aḥwaṣ dari Manṣūr dari Ibrāhim bin Yazīd dari ‘Abīdah al-Salmāni dari ‘Abd Allāh dia berkata; Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sebaik-baik umatku adalah pada masa setelahku, kemudian generasi setelahnya, kemudian generasi setelahnya lagi, lalu akan suatu kaum setelah mereka yang mana persaksian salah seorang dari mereka mendahului sumpahnya, atau sebaliknya.²⁹

Implikasi penerimaan *qaul ṣahabah* di tengah komuniti LDII ialah seperti; pelaksanaan konsep imamah, dan berjamaah daripada hadith ‘Umar bin Khattab dalam sistem perkumpulan LDII. Adapun di antara hadith tersebut adalah:

أَخْبَرَنَا يَزِيدُ بْنُ هَارُونَ أَخْبَرَنَا بَقِيَّةُ حَدَّثَنِي صَفْوَانُ بْنُ رُسْتَمٍ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ مَيْسَرَةَ عَنْ تَمِيمِ الدَّارِيِّ قَالَ تَطَاوَلَ النَّاسُ فِي الْبِنَاءِ فِي زَمَنِ عُمَرَ فَقَالَ عُمَرُ يَا مَعْشَرَ الْعَرَبِ الْأَرْضَ الْأَرْضَ إِنَّهُ لَا إِسْلَامَ إِلَّا بِجَمَاعَةٍ وَلَا جَمَاعَةَ إِلَّا بِإِمَارَةٍ وَلَا إِمَارَةَ إِلَّا بِطَاعَةٍ فَمَنْ سَوَّدَهُ قَوْمُهُ عَلَى الْفِقْهِ كَانَ حَيَاةً لَهُ وَهُمْ وَمَنْ سَوَّدَهُ قَوْمُهُ عَلَى غَيْرِ فِقْهِ كَانَ هَلَاكًا لَهُ وَهُمْ³⁰

Ertinya: “Telah mengabarkan kepada kami Yazīd bin Hārūn telah mengabarkan kepada kami Baqiyyah telah menceritakan kepadaku Ṣafwān bin Rustum dari Abd al-Raḥman bin Maisarah dari Tamīm al-Dāriya r.a. ia berkata: "Orang-orang berlomba mempertinggi bangunan pada zaman ‘Umar, lalu ‘Umar berkata: 'Wahai masyarakat Arab ingatlah, ingatlah, sesungguhnya tidak ada Islam kecuali dengan berjama'ah, dan tidak ada jama'ah kecuali dengan adanya kepemimpinan, dan tidak ada (gunanya) kepemimpinan kecuali dengan ketaatan. Barangsiapa yang dihormati kaumnya kerana ilmu, hal demikian membawa kebaikan untuk kehidupan dirinya dan masyarakatnya, dan barangsiapa yang dihormati oleh kaumnya bukan kerana ilmu, maka ia hancur (begitu juga dengan kaumnya”.

²⁹Muslim, *op. cit.*, Juz 4 Nomor hadith 2533 h. 1121

³⁰ Abu Muhammad ‘Abd Allah ibn ‘Abd al-Raḥman ibn al-Fadl ibn Bahram al-Darimi (1978), *Sunan al-Darimi*, Juz 1, Hadith No. 251 al-Qahirah : Dar al-Fikr, h. 91

Di samping *athar* sahabat, LDII juga mempergunakan hasil *qias*. Penerapan *qias* khususnya dalam bidang hukum Islam fikih seperti dalam pelaksanaan zakat. Sesuai dengan ketentuan *qias* tersebut, maka dalam konsep pelaksanaan zakat, LDII menetapkan ketentuan sebagaimana makanan pokok setempat.

3.2.3 Akal

Dalam Eksiklopedi bahasa Arab, *Lisān al-'Arab* akal berarti dijaga atau diikat.³¹ Dalam istilah lain kata '*aql* mempunyai beberapa erti, diantaranya; *al-Diyah* (denda), *al-Ḥikmah* (kebajikan), *husnut tasharruf* (tindakan yang baik atau tepat). Secara terminologi '*aql* dipergunakan untuk dua pengertian iaitu; *Pertama*, aksioma-aksioma rasional dan pengetahuan-pengetahuan asas yang ada pada setiap manusia. *Kedua*, kesiapan bawaan yang bersifat instinktif dan kemampuan yang matang.

Dalam perspektif syara' '*aql* adalah *instink* yang diciptakan Allah kemudian diberi muatan tertentu berupa kesiapan dan kemampuan yang melahirkan sejumlah aktiviti pemikiran yang berguna bahagi kehidupan manusia yang telah dimuliakan Allah.³² Sebagaimana Firman Allah:

Ertinya: “Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut;

Sūrah al-Isra, 13: 70.

Akal manusia dalam syariat Islam diberi nilai dan kepentingan yang amat tinggi. Perkara akal tersebut amat penting kerana; *pertama*, Allah SWT hanya menyampaikan kalam-Nya kepada orang berakal, kerana mereka yang berakal memahami agama dan

³¹Al-Imām al-'Allāmah Abī l-Faīl Jamīl al-Dīn Muḥammad ibn Mukrim ibn Mankrim Ibn Manzur, 2005, *Lisān al-'Arab*, (9 jilid), Beirut: Dār al-Ṣādir, Cetakan V, Beirut. Selanjutnya disebut Ibn Manzur

³² Ibrahim Muhammad bin Abdullah al-Buraika, *Al-Madkhal li Dirāsāt al-'Aqidat al-Islamiyyah*, (terj). Muhammad Anis Mata, Jakarta: Robbani Press, 1998, h.53

syari'at-Nya³³, dan akal merupakan satu dari lima perkara yang harus dilindungi dalam tujuan syari'at yaitu: agama, akal, harta, jiwa dan kehormatan. *Kedua*, akal merupakan syarat yang harus ada dalam diri manusia untuk mendapat taklifi dari Allah.³⁴ *Ketiga*, Allah mencela orang yang tidak menggunakan akalnya³⁵ dan *taklid*³⁶, *Keempat*, Islam memuji orang yang mempergunakan akalnya³⁷, *Kelima*, pembatasan wilayah kerja akal pikiran manusia³⁸, dan Islam memberi petunjuk penggunaan qiyas yang benar.³⁹ Selain urgensi tersebut akal sebagai salah satu dari lima perkara yang harus dilindungi yaitu: agama, akal, harta, jiwa dan kehormatan.

Akal meski mempunyai kedudukan yang amat penting namun sebagai sumber akidah terdapat perselisihan pendapat iaitu sama ada akidah Islam dan keimanan itu sabit menerusi syarak atau akal. Masalah akal bermula daripada kuasa akal dan fungsi wahyu. Kemudian daripada masalah kuasa akal dan fungsi wahyu terbahagi kepada dua masalah lagi iaitu mengetahui Tuhan dan mengetahui soal baik dan jahat (*huṣul ma'rifah Allāh* dan *wujud ma'rifah Allāh*).⁴⁰ Berlanjut daripada mengetahui Tuhan dan mengetahui soal baik dan jahat, kewujudan akal bercabang menjadi empat soalan iaitu mengetahui baik dan jahat, dan kewajiban mengerjakan perbuatan baik dan menjauhi perbuatan jahat atau yang disebut *al-taḥsin wa al-taqbih*.⁴¹

Dalam perkara ini menurut kaum Mu'tazilah segala pengetahuan diperoleh melalui akal, kewajiban-kewajiban boleh diketahui dengan pemikiran yang mendalam, dan wajib berterima kasih kepada Tuhan sebelum turunnya wahyu.⁴² Demikian wajib

³³ Lihat Sūrah Ṣād, 38 :43

³⁴ Lihat, Abu Dāwud (t.t), *Sunan Abu Dāwud*, Juz II, Dār al-Fikr, h. 339

³⁵ Lihat Sūrah al-Mulk: 10

³⁶ Lihat Sūrah al-Baqarah, 2:170

³⁷ Lihat Sūrah az-Zumar: 17-18

³⁸ Lihat Sūrah al-Anbiya: 110

³⁹ Lihat Sūrah al-Hasyr: 2

⁴⁰ Al-Shahrastani (1934), *Kitāb Nihayah al-Iqdam fi 'Ilm al-Kalām*, London: Tp., h. 371, selanjutnya disebut *al-Nihayah*

⁴¹ Lihat, Al-Shahrastāni, *al-Milal*, *op.cit.*, Jilid I, h. 45

⁴² *Ibid.*, h. 42

mengetahui terhadap perkara baik dan jahat melalui akal dan juga mengerjakan yang baik dan menjauhi yang jahat.⁴³

Abū Huzail (m. 235H) dalam perkara akal, dengan tegas mengatakan bahawa orang telah berkewajipan mengetahui Tuhan sebelum turunnya wahyu; jika tidak berterima kasih kepada Tuhan, orang sedemikian akan mendapat hukuman. Menurut Abu Huzail juga terhadap baik dan jahat dapat diketahui dengan akal sehingga orang wajib mengerjakan yang baik. Begitu juga pula terhadap kewajipan menjauhi yang jahat seperti berdusta dan bersikap zalim.⁴⁴

Pandangan Abū Huzail diikuti pula oleh pemimpin Mu'tazilah lainnya seperti; al-Nazzam (m. 231H.)⁴⁵ yang berpandangan bahawa orang awam akan menerima suatu berita tanpa praduga, tetapi kaum *khawas* akan syak dahulu kemudian mereka menerima atau menolak. Pengetahuan diperoleh melalui pengujian, khasnya dalam ilmu pengetahuan. Al-Nazzam tidak percaya akan *takhayul* dan pesimisme kerana ia selalu mempergunakan fikiran dan akalnya. Demikian juga dengan al-Jubbā'i (m. 303 H) dan Abū Ḥashīm anaknya.⁴⁶

Kedudukan akal lebih jauh dalam pandangan golongan al-Murdar (m.226H), menurut mereka bahawa kewajipan mengetahui Tuhan termasuk kewajipan mengetahui hukum-hukum dan sifat-sifat Tuhan, sungguhpun wahyu belum ada; dan orang yang tidak mengetahui hal itu dan tidak berterima kasih kepada Tuhan, akan mendapat hukuman kekal dalam neraka.⁴⁷

⁴³ *Ibid.*, h. 45

⁴⁴ *Ibid.*, h. 52 Lihat Ahmad Amīn (1962), *Duhā al-Islām*, Juz 2 Maktabah an-Nahdah al-Misriyyah h. 102

⁴⁵ Ahmad Amīn (1965), *Fajr al-Islām*, Maktabah an-Nahdah al-Misriyyah, h. 112

⁴⁶ Harun Nasution, *op.cit.*, h. 49

⁴⁷ Al-Shahrastānī, *op.cit.*, h. 70

Menurut ulama Salafiyah⁴⁸ akal tidak dapat dijadikan sebagai asas dalam menetapkan akidah. Akal hanya membenarkan penjelasan dari dalil-dalil al-Qur'ān dan bukan menjadi hujah untuk menetapkan atau menolaknya. Oleh itu, kaum Salafiyah mengakui adanya batas bahagi kemampuan daya akal dalam bidang metafizik, alam *ghaib* dan apabila dilampauinya membawa kesesatan.⁴⁹ Dalam hal ini, kerana kefahaman aqidah Salafi sentiasa mendahulukan nas, mentaati syara' dan sentiasa berusaha melaksanakan sepenuh kemampuan dan menyerahkan segala sesuatu yang belum diketahui kepada Allah s.w.t. Menerusi pendapat Abū Zahrah, mereka menghayati dalil-dalil nas dengan benar kerana mereka turut menyaksikan turunnya wahyu dan Rasūlullah s.a.w. menyampaikan langsung. Mereka mengimani yang disampaikan oleh Rasūlullah s.a.w tanpa keraguan, pertanyaan, membuat *bidaah*.⁵⁰

Menurut Salafiyah dan Ahli al-Sunnah,⁵¹ dalam hal ini kaum al-'Ash'āriah berpandangan bahawa segala kewajipan manusia hanya dapat diketahui melalui wahyu. Akal tidak dapat membuat sesuatu menjadi wajib dan tak dapat mengetahui bahawa mengerjakan yang baik dan menjauhi yang buruk adalah wajib bahagi manusia.⁵² Benar akan dapat mengetahui Tuhan tetapi wahyulah yang mewajibkan orang mengetahui Tuhan dan berterima kasih kepadaNya. Juga dengan wahyu dapat diketahui bahawa yang taat kepada Tuhan akan memperoleh ganjaran dan yang tidak taat akan mendapat hukuman.⁵³

Meskipun secara amnya Ahli al-Sunnah mengikuti pandangan al-'Ash'āriah mengenai kedudukan akal, tetapi terdapat perbezaan dengan pandangan al-Māturīdī (m. 333H /944M) yang memberikan daya dan kemampuan yang begitu besar kepada akal.

⁴⁸Qaṭan 'Abd al-Rahmān al-Dūrī dan Rusydi Muhammad 'Ilyan (1996) *Uṣul al-Dīn al-Islāmiy*, Amman: Dār al-Fikr, Cet. 1, h. 25

⁴⁹Al-Shahrastānī, *op.cit.*, h. 205

⁵⁰Abū Zahrah, *op.cit.*, h. 183

⁵¹*Ibid*

⁵²*Ibid.*, h. 101

⁵³*Ibid.*, 42

Menurut al-Māturīdī bahawa akal dapat mengetahui Tuhan dan beriman kepada-Nya⁵⁴ Kewajipan Mengetahui Tuhan dan berterima kasih kepada-Nya⁵⁵ dan mengetahui baik dan jahat.⁵⁶ Dengan demikian bahagi al-Māturīdī, akal dapat mengetahui tiga persoalan pokok iaitu mengetahui Tuhan, kewajipan mengetahui Tuhan dan mengetahui baik dan jahat. Pendapat al-Māturīdī mendapat sokongan al-Bazdawī (421-478 H.) dalam hal kemampuan akal manusia untuk “mengetahui adanya Tuhan” dan “mengetahui baik dan buruk”. Namun dalam berterima kasih kepada Tuhan tidak ada kewajipan kepada-Nya sebelum datangnya wahyu. Menurut al-Bazdawī kewajipan-kewajipan hanya ditentukan oleh Tuhan dan ketentuan Tuhan itu hanya dapat diketahui melalui wahyu.⁵⁷ Pandangan al-Bazdawī merujuk kepada firman Allah iaitu:

وَلَوْ أَنَّا أَهْلَكْنَاهُمْ بِعَذَابٍ مِّن قَبْلِهِ لَقَالُوا رَبَّنَا لَوْلَا أَرْسَلْتَ إِلَيْنَا رَسُولًا
 فَتَتَّبَعْنَا آيَاتِكَ مِن قَبْلِ أَنْ نُنزِلَ وَنُخَزِمَ

Ertinya: “Dan sekiranya Kami binasakan mereka dengan sesuatu azab sebelum datangnya rasul Kami membawa al-Qur’ān ini, tentulah mereka akan berkata pada hari kiamat: "Wahai Tuhan kami! mengapa Engkau tidak mengutuskan kepada Kami seorang Rasul supaya Kami menurut ayat-ayat keteranganMu yang dibawanya, sebelum Kami menjadi hina (dengan azab di dunia), dan mendapat malu (dengan azab di akhirat)?"

Sūrah Ṭāhā (20): 134

Fungsi akal dalam pandangan LDII mempunyai kedudukan yang amat tinggi dan mulia, kerana akal merupakan syarat yang harus ada pada diri manusia untuk dapat menerima hukum taklif dari Allah. Hukum-hukum syari’at tidak berlaku bahagi mereka yang tidak menerima taklif, seperti orang yang kehilangan akalnya. Oleh itu, akal menjadi syarat dalam beragama. LDII juga berpandangan bahawa kurang ilmu akan

⁵⁴Abū Zahrah (1971), *Tarikh al-Mazahib al-Islāmiyyah fi al-Siyasah wa al-Aqa'id*, Al-Qahirah: Dār al-Fikr al-Arabi, h. 201

⁵⁵Harun Nasution, *op.cit.*, h. 82-83

⁵⁶*Ibid.*, h.93

⁵⁷*Ibid.*, h. 87

mempengaruhi pola fikir dan langkah-langkah seseorang dalam kehidupan sehari-hari sehingga tanpa sedar telah terkeluar dari kemurnian ajaran agama Islam. Dengan dimiliki ilmu seseorang dapat membezakan yang *haq* dan batal, halal dan haram sehingga dapat memperkukuh rasa taqwa kepada Allah.⁵⁸ Firman Allah:

Ertinya: “...Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambanya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun.

Sūrah Fatir (35):28

Kedudukan akal menurut paham LDII, mempertingkatkan kualiti hidup seorang muslim, sebagaimana pandangan dalam membina generasi muda sebagai berikut:

Sebagai wujud syukur kepada Allah yang telah menganugerahkan nikmat kepada kita berupa akal sehat sehingga memungkinkan manusia boleh berfikir sekaligus berdaya upaya dirinya, maka di era yang kompetitif ini manusia dituntut untuk memanfaatkan dan memberdayakan akalnya yang merupakan indikator tinggi rendahnya kualiti sumber tenaga manusia. Baik dilihat dari sudut pandang duniawi mahupun ukhrawi, untuk mencapai kualiti hidup yang berderajat tinggi, salah satu unsur yang paling penting dibina adalah kreativiti manusia dalam mengoptimalkan akal budi sehingga nantinya akan melahirkan manusia yang gemar beribadah dan bekerja secara cerdas dengan dilandasi oleh keimanan dan ketakwaan terhadap Allah s.w.t.⁵⁹

Menurut pandangan LDII di atas, bahawa akal merupakan petunjuk taraf tinggi rendahnya kualiti sumber tenaga manusia (STM). Informasi ini diperoleh dari kata-kata “manusia yang menyukai ibadah dan bekerja secara cerdas” mengandungi erti bahawa manusia yang dapat bekerja dengan cerdas dan melaksanakan ibadah adalah lahir daripada kemampuan akal fikiran dalam memahami agama mahupun kehidupan kerana dengan akal manusia dapat memahami hukum-hakam suruhan dan tegahan dalam al-Qur’ān dan hadith. Pandangan LDII sebagaimana firman Allah:

⁵⁸ LDII (2007), *Makalah Cinta Alam Indonesia*, Jakarta:LDII, h. 59

⁵⁹ *Ibid.*, h.67

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ^ج

Ertinya: “....Supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat....”

Sūrah al-Mujādilah (58): 11

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ كَانَ
عَنْهُ مَسْئُولًا

Ertinya: “Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya”.

Sūrah al-Isrā (17): 36

Kedudukan akal yang boleh mempertingkat kualiti manusia, walaubagaimanapun menurut LDII akal wajib tunduk dan patuh kepada hukum syara' yakni al-Qur'an dan hadith. Paham LDII ini, terekam daripada rujukan hadith yang melarang kebebasan akal dalam menafsir al-Qur'an sebagai berikut:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ يَحْيَى حَدَّثَنَا يَعْقُوبُ بْنُ إِسْحَاقَ الْمُقْرِي الْحَضْرَمِيُّ حَدَّثَنَا
سُهَيْلُ بْنُ مِهْرَانَ أَخُو حَزْمِ الْقَطَعِيِّ حَدَّثَنَا أَبُو عِمْرَانَ عَنْ جُنْدُبٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ قَالَ فِي كِتَابِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ بِرَأْيِهِ فَأَصَابَ فَقَدْ أَخْطَأَ⁶⁰

Ertinya: “Telah menceritakan kepada kami Abd Allāh bin Muḥammad bin Yaḥya telah menceritakan kepadaku Ya'qūb bin Ishāq al-Muqri` al-Ḥaḍrami telah menceritakan kepada kami Suhail bin Mihrān saudara Ḥazm al-Quṭa'i, telah menceritakan kepada kami Abū 'Imrān dari Jundub ia berkata, "Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Barangsiapa berbicara tentang Kitabullah 'azza wajalla menggunakan pendapatnya, meskipun benar maka ia telah salah."

⁶⁰ Imām al-Hafīḍ Abī Dawūd Sulaimān Ibn al-Ash'as Ibn Ishāq al-Azadī al-Sijistānī (2000), *Sunan Abī Dawūd*, Juz. 11 Hadith Nombor 3654, h. 1494 Lihat Al-Ṭabari, *Tafsir al-Ṭabari*, Juz. 1 Al-Mamlukah al-Arabiyyah al-Su'udiyah: Dār al-Salam Līnasyri wa tawzī'h. 79

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ غَيْلَانَ حَدَّثَنَا بِشْرُ بْنُ السَّرِيِّ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ عَبْدِ الْأَعْلَى عَنْ
 سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
 مَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِغَيْرِ عِلْمٍ فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ⁶¹

Ertinya: “Dikatakan Maḥmud ibn Ghailān, Bishr ibn al-Sarri, Sufyān dari ‘Abd ‘A’la dari Sa’īd ibn Jubair dari Ibn ‘Abbas r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Barang siapa yang mengatakan tentang al-Qur’an dengan pendapatnya sendiri, maka hendaklah menempati tempat duduknya di neraka”.

Merujuk dalil hadith-hadith di atas LDII melarang menafsirkan ayat-ayat al-Qur’an dengan menggunakan akal semata-mata yang tidak didukung oleh ilmu alat, meskipun dalam mentafasir diperolehi kebenaran kerana menurut hadith-hadith tersebut dipandang salah. Oleh itu, menafsir al-Qur’an menurut LDII harus mengikut tata cara penafsiran yang muktabar yang telah ditetapkan oleh Jumhūr ‘Ulama, iaitu menafsirkan ayat dengan ayat dan menafsirkan ayat dengan hadith (*tafsir bi al-ma’sur*), dan menafsirkan al-Qur’an dengan perkataan sahabat. Kerana dengan kaedah penafsiran tersebut, menjauhkan dan menghindar dari kepentingan-kepentingan yang bercangah dengan syara’. Menurut LDII kebenaran yang dihasilkan oleh akal mempunyai kebenaran yang terhad. Kerana kebenaran akal belum tentu menjamin kebenaran yang Tuhan maksudkan.

Pandangan LDII tersebut selari dengan pandangan Syaikh Muhammad bin Ṣalih al-‘Utsaimin bahawa agama bukanlah dengan logika, kerana pertama kali agama tidak didasari dengan logika. Bukan sebenar dalil yang mantap dibina di atas pikiran yang cemerlang. Jika tidak maka perlu dipahami bahawa dalil sahih sama sekali tidak bercangah dengan logika yang cemerlang, kerana dalam kandungan al-Qur’an disebutkan “Tidakkah kalian menggunakan akal”.⁶² Oleh itu, siapa sahaja yang

⁶¹Al-Tirmidhī, *op.cit.*, Juz. 11, hadith nombor 2950, h. 1948

⁶²Surah Baqarah 2:44”

membangun agamanya di atas logika pasti akan membuat kerusakan daripada kebaikan.⁶³

Berdasarkan pandangan LDII di atas, bahawa kedudukan akal dalam berakidah mempunyai persamaan dengan Salafiyah dan Ahlussunnah wal-Al-Jamaah⁶⁴ yang memahami kedudukan akal dan wahyu sebagai berikut;

- a. Akal mempunyai kemampuan mengenal dan memahami yang bersifat am, tidak bersifat terperinci
- b. Syari'at didahulukan atas akal, kerana syari'at itu *ma'shum* sedang akal tidak makshum,
- c. Apa yang benar dari hukum-hukum akal pasti tidak bercanggah dengan syari'at,
- d. Yang benar dari hasil pemikiran akal itu adalah yang bercanggah dengan syari'at
- e. Yang salah dari hasil pemikiran akal itu adalah yang bercanggah dengan syari'at,
- f. Penentuan hukum-hukum tafsiliyah adalah hak penuh syari'at
- g. Akal tidak dapat menentukan hukum tertentu atas sesuatu sebelumnya wahyu, walau bagaimanapun secara am ia dapat mengenal dan memahami yang baik dan yang buruk.
- h. Balasan atas pahala dan dosa ditentukan oleh syari'at
- i. Hasil pemikiran akal yang bercanggah dengan syari'at adalah batil
- j. Hasil pemikiran akal sehat manusia yang bercanggah dengan syari'at boleh disebabkan oleh dua kemungkinan, subhat atau kelemahan dalil syari'at.⁶⁵

Dengan kecondongan dan keterikatan terhadap al-Qur'an dan hadith ertinya dalam memahami seperti mengetahui kewajipan manusia kepada Allah hanya diketahui melalui wahyu bukan melalui akal. Demikian juga dengan keterbatasan akal tidak dapat membuat sesuatu menjadi wajib dan tak dapat mengetahui bahawa mengerjakan yang baik dan menjauhi yang buruk adalah wajib bahagi manusia. Benar akan dapat mengetahui Tuhan tetapi wahyulah yang mewajibkan orang mengetahui Tuhan dan

⁶³Syaikh Muhammad bin Şolih Al-Utsaimin (1425), *Fathu Dzil Jalali wal-Ikram bi Syarh Bulughil Maram*, Madarul Waton, h. 370-374.

⁶⁴Ibrahim Madzkūr (1974), *Al-Falsafah al-Islāmīyah, Manhāj wa Tatbīquh*, Jilid II, Mesir: Dār al-Ma'arif, h. 30

⁶⁵Ibrahim bin Muhammad bin Abdullah al-Buraika (1998), *op.cit.*, h. 65-66

berterima kasih kepadanya. Juga dengan wahyu dapat diketahui bahawa yang taat kepada Tuhan akan memperoleh ganjaran dan yang tidak taat akan mendapat hukuman.

3.3 Bidang Ketuhanan (*Ilāhiyyah*)

3.3.1 Keberadaan Allah (*Wujūd Allāh*)

Telah menjadi kesepakatan Jūmhūr ‘Ulama dan para mutakallimīn bahawa manusia, dengan fitrah dan kemampuan akalinya, manusia boleh sampai kepada faham adanya Allah s.w.t.⁶⁶ Oleh itu, perbincangan akidah tentang keberadaan Allah (وجود الله) ini bukan menyangkut persoalan ada atau tidaknya Allah, melainkan bagaimana manusia sampai kepada pengetahuan atau keyakinan adanya Wujud Mutlak tersebut.

Pemerhatian Jūmhūr ‘Ulama dan mutakallimīn terhadap kewujudan Allah melalui proses pembuktian, baik secara *aqli* mahupun *naqli*. Faham demikian oleh *mutakallimīn* mulanya dimaksud untuk mempertahankan akidah umat Islam dari serangan musuh-musuh Islam yang tidak percaya dan tidak mengakui fungsi al-Qur’ān sebagai wahyu daripada Tuhan.⁶⁷ Tetapi oleh *mutakallimīn* yang datang kemudian, penggunaan alasan-alasan rasional dalam merumuskan persoalan *Uṣul al-Dīn* itu lebih ditujukan untuk memantapkan akidah umat.

Menurut LDII, manusia boleh mengenal Allah disebabkan oleh kemampuan akal budi atau pengalaman hidupnya, tetapi juga kerana Tuhan sendiri memperkenalkan diri

⁶⁶ Bukti bahawa manusia boleh mencapai pengetahuan adanya Tuhan dapat dilihat melalui bukti sejarah dan antropologi. Melalui bukti-bukti sejarah dan antropologi bahawa manusia primitive yang kepadanya tidak pernah datang informasi mengenai Tuhan, ternyata mereka mempercayai adanya Tuhan, Sungguhpun Tuhan mereka percaya itu terbatas pada daya khayalnya. Misal mereka mempertuhankan pada benda-benda alam yang member kesan mistis dan memukau. Adanya naluri bertuhan seperti yang diperjelas dalam bidang Tasawuf. Ketika mengkaji Hulus dari al-Hallaj (858-922 M) misalnya kita jumpai pendapatnya bahawa pada diri manusia terdapat sifat asas ke-Tuhanan yang disebut *Lahut* dan sifat asas kemanusiaan yang disebut *Nasut*. Sifat Lahut dan Nasut Tuhan mengacu kepada sifat-Nya sedangkan pada sifat Nasut manusia mengacu kepada unsur lahiriah dan fisik manusia, sedangkan sifat Lahut mengacu kepada unsur batiniyah dan ilahiah. Lihat Harun Nasution (1978), *Falsafah dan Mistisisme dalam Islam*, Jakarta: Bulan Bintang, h. 88

⁶⁷ Abdurrahman Badwi (1971), *Mazahib al-Islamiyyīn*, Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malayyin, h. 9

melalui wahyu yang disampaikan kepada para Rasul-Nya agar manusia tidak terus menerus mencari dan agar tidak tersesat.

Selari dengan pandangan Jumhūr ulama, LDII dalam membuktikan kewujudan Tuhan berpegang kepada dalil *naqli* juga menggunakan pembuktian melalui nalar (*burhan*). Pembuktian melalui akal kerana dalam al-Qur’ān terdapat perintah untuk melakukan aktiviti berfikir.⁶⁸ Oleh itu, LDII juga mempergunakan akal untuk membuktikan kewujudan Tuhan. Berdasarkan *naqli*, LDII membuktikan kewujudan Tuhan (*wujud Allāh*), satu di antaranya ialah melalui firman Allah dalam sūrah al-Jatsyiah sebagai berikut:

إِنَّ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٨﴾ وَفِي خَلْقِكُمْ وَمَا يَبُثُّ مِنْ دَابَّةٍ آيَاتٌ لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٦٩﴾ وَأَخْتَلَفِ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ رِزْقٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ آيَاتٌ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٧٠﴾ تِلْكَ آيَاتُ اللَّهِ نَتْلُوهَا عَلَيْكَ بِالْحَقِّ فَبِأَيِّ حَدِيثٍ بَعْدَ اللَّهِ وَآيَاتِهِ يُؤْمِنُونَ ﴿٧١﴾

Ertinya: “Sesungguhnya pada langit dan bumi terdapat tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bahagi orang-orang yang beriman. Dan pada kejadian diri kamu sendiri, serta (pada kejadian) segala binatang yang dibiakkannya, terdapat juga tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bahagi orang-orang yang meyakininya. Dan (pada) pertukaran malam dan siang silih berganti, dan juga (pada) rezeki yang diturunkan oleh Allah dari langit, lalu ia hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta (pada) peredaran angin, (semuanya itu mengandungi) tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah, kekuasaan-Nya, kebijaksanaan-Nya, serta keluasan rahmat-Nya) bahagi kaum yang mahu menggunakan akal fikiran. Itulah ayat-ayat penerangan Allah yang Kami bacakan kepadamu (Wahai Muhammad) kerana menegakkan kebenaran; maka dengan

⁶⁸ Lihat Sūrah Yunus (10): 101 Ertinya: “Katakanlah (Wahai Muhammad): "Perhatikan dan fikirkanlah apa yang ada di langit dan di bumi dari segala kejadian yang menakjubkan, yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya). Dalam pada itu, segala tanda dan bukti (yang menunjukkan kekuasaan Allah), dan segala Rasul (yang menyampaikan perintah-perintah Allah dan memberi amaran), tidak akan memberi faedah kepada orang-orang yang tidak menaruh kepercayaan kepadaNya”. Ertinya: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Aku hanyalah mengajar dan menasihati kamu dengan satu perkara sahaja, iaitu: hendaklah kamu bersungguh-sungguh berusaha mencari kebenaran kerana Allah semata-mata, sama ada dengan cara berdua (dengan orang lain), atau seorang diri; kemudian hendaklah kamu berfikir sematang-matangnya (untuk mengetahui salah benarnya ajaran-Ku)". Sūrah Saba' 34:46

perkataan yang manakah lagi mereka hendak beriman, sesudah penerangan Allah dan tanda-tanda kekuasaannya (Mereka tidak mahu memahami dan menelitinya)?”

Sūrah al-Jatsyiah (45): 3-6

Oleh LDII dalil *naqli* di atas, sebagai pembuktian kewujudan Tuhan sebagai *tawhid Rubūbiyyah*. Kepelbagaian ciptaan Allah di langit dan bumi, kejadian manusia, binatang yang dianak pinak, pergantian malam dan siang serta silih bergantinya dan rezeki yang diturunkan dari langit merupakan tanda-tanda yang membuktikan sampai kepada kewujudan Allah. Demikian juga dengan pelbagai ciptaan menunjukkan adanya Maha Pencipta iaitu Allah s.w.t. Pandangan LDII ini selari dengan pandangan Syaikh Muhammad Shalih bin Al-‘Utsaimin dalam membuktikan kewujudan Allah melalui *tawhid Rububiyah* yakni dengan memperhatikan segala ciptaan Allah S.W.T.⁶⁹ Selain asas *tawhid Rububiyah*, LDII memperkuat pandangan kewujudan Allah sebagai Tuhan yang harus disembah melalui *tawhid Ulūhiyyah*, bahawa tujuan dijadikannya manusia oleh Allah adalah untuk mengabdikan dan menyembahnya, sebagaimana firman Allah:

Ertinya: “Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Surah al-Zariat (51): 56

Pembuktian LDII mengenai kewujudan Allah melalui akal meliputi; *pertama*, disandarkan pada perenungan mendalam terhadap bukti-bukti kebaruan alam yang diciptakan oleh Allah s.w.t. (*hudus al-‘alam*). Dalam konteks *hudus al-‘alam* menunjukkan adanya Tuhan Yang Maha Pencipta dari segala yang tercipta iaitu Allah s.w.t. dan setiap yang baharu ada permulaan dan ada akhir. Sedangkan Tuhan merupakan Tuhan yang Awal dan yang Akhir.⁷⁰ *Kedua* ialah penghayatan terhadap fenomena alam dan kepelbagaian ciptaan Allah. Kaedah dengan pembuktian pertama (*hudus al-‘alam*), seluruh *mutakallimīn* dan jumur ulama bersepakat bahawa alam ini baharu atau

⁶⁹Syaikh Muhammad Shalih bin Al-‘Utsaimin, *Syarh Tsalatsatil Ushul*, h. 39.

⁷⁰Lihat sūrah al-Hadīd (57): Ertinya: “Dia lah yang Awal dan yang Akhir; dan yang Zahir serta yang Batin; dan Dia lah yang Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.

diciptakan, dari tiada kepada ada, oleh Tuhan selain Allah s.w.t. Kebaharuan alam semesta ini membawa kepada kesimpulan adanya pencipta alam semesta iaitu Allah s.w.t. Dalam perkara ini yang dijelaskan oleh LDII adalah cara menunjukkan bukti-bukti, sehingga keyakinan akan kebaharuan alam boleh dicapai terutama melalui alasan rasional, di samping alasan *naqli* atau nas. Pandangan ini selari pandangan Syaikh Muhammad bin Shalih al-'Utsaimin, yang menyatakan bahawa untuk mengenal wujud Allah ialah melalui kepelbagaian ciptaan Allah S.W.T ⁷¹

Alasan *'aqli* yang dikemukakan oleh LDII iaitu *pertama*, segala sesuatu atau benda di alam ini, terbatas atau memiliki kesudahan, *kedua* segala sesuatu yang ada secara aktual boleh dihitung dengan bilangan dan dapat dibatasi oleh tabiat masing-masing, *ketiga* sesuatu yang tidak terbatas, dalam erti tidak mempunyai permulaan dan kesudahan, tidak mungkin dapat diberi tambahan, *keempat* seandainya alam ini tidak mempunyai permulaan dan kesudahan, maka tidak mungkin membatasinya dengan bilangan dan tabiat.⁷²

Dengan merujuk dalil *naqli* dan *'aqli* dalam memahami kewujudan Allah, LDII memberi penghormatan dan ketergantungan yang besar kepada al-Qur'ān dan hadith. Kerana menurut LDII, beragama yang benar ialah beragama secara langsung dengan mempelajari dan mengerjakan kandungan kitab suci al-Qur'ān dan Hadith. Hubungkait pemahaman terhadap kepada al-Qur'ān, menyebabkan LDII dalam memahami tentang Tuhan lebih dipengaruhi oleh kandungan dari al-Qur'ān itu sendiri. Pemahaman dengan jalan lebih baik daripada pemahaman tentang Tuhan berdasarkan kepada pengalaman peribadi atau fahaman filsafat, kerana pemahaman melalui kandungan a-Qur'an lebih lengkap dan tidak mengembangkan teori kemungkinan atau fantasi-fantasi berdasarkan angan-angan subjektiviti.

⁷¹ Syaikh Muhammad bin Shalih Al-Utsaimin, *Syarah Aqidah Al Wasithiyyah*, h. 41-45

⁷² LDII (t.t.), *Khutbah*, Jakarta: LDII, h. 10

Huraian LDII mengenai kewujudan Allah di atas, mempunyai kecenderungan dengan faham Salafiyah. Iaitu bahawa untuk memahami kewujudan Allah s.w.t. dengan mendahulukan *riwāyat (naql)* daripada *dirāyah (‘aql)*, berpegang kepada penjelasan al-Qur’an dan al-Sunnah, mengamalkan al-Qur’an dengan makna lahirnya dan tidak menta’wilkannya.⁷³

3.3.2 Pemahaman Ayat Tasbih (*al-Tashbīh*)

Konsep tawhid *waḥdāniyyah al-dhāt wa al-ṣifāh* mengandungi dua pengertian pokok. *Pertama*, zat Allah itu tidak serupa dengan makhlukNya, Allah tidak berupa *jism* dan tidak tersusun dari bahagian-bahagian tertentu, dan tidak berada dalam dimensi waktu dan ruang. *Kedua*, zat Allah tidak berbilang. Pada konsep tawhid *waḥdāniyyah al-dhāt wa al-ṣifāh*, seluruh ulama dan *mutakallimin* berupaya memelihara kemurnian tawhid meskipun dalam kaedah yang dipergunakan terdapat perbezaan.

Pemurnian akidah *tawhid* daripada *waḥdāniyyah al-dhāt wa al-ṣifāh*, mempunyai pengertinya bahawa Allah itu tidak ada sesuatu pun yang menyerupaiNya, atau menolak terhadap segala bentuk penyerupaan. Kefahaman demikian disebut dengan istilah *nafy al-tasybīh*. Keharusan dalam menjaga prinsip *tanzīh* dengan jalan *nafy al-tashbīh* ini berhubungkait dengan dengan ayat-ayat al-Qur’ān yang mengandungi kata-kata yang bila difahami secara harfiah membawa kepada pengertian *tashbīh* atau *tajsim* atau faham *anthropomorphisme*, seperti kata-kata “*yad*”, “*waj*” dan “*arsy*”.

Persoalan tentang sifat pertama kali muncul pada akhir zaman ṣaḥabat, berpunca daripada golongan yang *mentashbīh* dan *mentajsimkan* Allah, yang dipelopori oleh *al-Sab’iyyah*. Golongan ini telah menyerupakan Allah dengan makhluk dan *mentajsimkan*

⁷³Ibrāhīm Madzkūr (1974), *Al-Falsafah al-Islāmiyyah Manhāj wa Tatbīquhu*, Jilid II, Mesir Dār al-Ma’ārif, h. 30 Kesimpulan Ibrahim Madzkūr adalah selari dengan kaedah yang dipergunakan ahli Salaf iaitu ‘Abdullāh bin Abbas (m.68 H), ‘Abdullāh bin ‘Umar (m.74H), ‘Umar bin Abd al-‘Azīz (m.10H), al-Zuhri (m.124H) dan Imam Mazhab yang empat iaitu; Imam Hanafi, Malīkī, Shafi’ī dan Aḥmad bin Hambalī dan sebagainya. Dimana mereka dalam menetapkan kewujudan Allah mendahulukan *riwāyat (naql)* daripada *dirāyah (aql)*.

Allah seperti makhluk. Munculnya faham ini menyebabkan ada orang yang telah *mentashbīhkan* dan *mentajsimkan*. Di lain sisi, mendorong adanya orang yang menentangnya seperti; pada zaman al-Tābi'īn iaitu Ja'd ibn Darham⁷⁴ dan Jahm ibn Ṣafwan⁷⁵ yang menafikan sifat Allah. Jahm ibn Ṣafwan berpendapat bahawa Allah tidak bersifat, kecuali sifat *Khāliq*, *Qadīr* dan *Fā'il*. Sifat ini tidak boleh disifatkan kepada makhluk.⁷⁶

Mu'tazilah dalam konteks *tanzih*, memahami ayat-ayat yang berkonotasi *tashbih* ialah menafsirkan dengan penafsiran sesuai dengan prinsip *tanzīh*. Dalam perkara ini Mu'tazilah menggunakan kaedah *ta'wil* atau memalingkan erti harfiah ayat kepada erti yang lain. Dengan cara pemahaman yang demikian, menurut mereka, prinsip *tanzīh* tetap terpelihara dan konotasi *tashbīh* dan *tajsim* dapat dihindari secara pasti. Mengenai kata *yad* misalnya, golongan Mu'tazilah metakwilkannya dengan erti “kekuatan” atau “nikmat”.⁷⁷

Menurut Salaf dalam mempertahankan prinsip *tanzīh* (kesucian zat dan sifat), mereka menyerahkan sahaja erti dan maknanya ayat-ayat tasbih kepada Allah SWT dan mengimani sebagaimana yang dimaksudkan oleh Allah. Golongan Salaf mengakui kewujudan sifat-sifat dalam ayat tersebut, tetapi mereka tidak menjelaskan secara tegas. Melalui ayat tersebut mereka percaya Tuhan mempunyai “tangan” tetapi mereka tidak mengetahui bentuk fizikal tangan Allah. “Tangan” Allah tidak seperti tangan makhluk, “wajh” Allah tidak seperti wajah makhluk, “mata” Allah tidak seperti mata dan layaknya makhluk.⁷⁸ Dengan erti lain kesemua makna sifat dikembalikan kepada Allah

⁷⁴ Ja'd ibn Darham ialah orang yang mula-mula sekali menafikan sifat Allah dan beliau juga yang mula-mula sekali mengatakan al-Qur'ān itu makhluk. Lihat Abū Fadl 'Abd al-Haq al-Aḥmad al-Hambali (t.t.), *Shadharat al-Dhahab Fi Akhbār Min al-Dhahab*, Juz 5, Qahirah: Maktabah al-Qadim, h. 69

⁷⁵ Abū al-Fidā' Ismā'il Ibn Kathīr (1960), *al-Bidayah Wa al-Nihayah*, Juz 9, Beirut: Maktabah al-Ma'arif, h. 350

⁷⁶ Muhammad 'Abd al-Karim al-Shahrastānī (t.t.), *al-Milal wa al-Nihal* Tahqiq 'Abd al-Rahman al-'Aziz al-Wakil, Juz 3, Qahirah: Muasasah al-Halabi, h. 20

⁷⁷ Lihat Muhammad Abu Zahrah, *op.cit.*, h. 218

⁷⁸ Imam Abi Hanifah al-Nu'man bin Ṭabit al-Kufiy (1995) *Syarh Kitāb al-Fiqh al-Akbar*, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah, h. 57

Dalam hal ini, sebagaimana jawapan Ibn Ḥanbal tentang penafsiran Surah Ṭāhā (20): 5⁷⁹ “*istawa* di atas ‘*arasy* terserah kepada Allah dan bagaimana sahaja Dia kehendaki dengan tiada seorangpun yang sanggup menyifati”.⁸⁰ Demikian juga, jawapan Ibn Hanbal tentang al-Hadith “*Nuzul*” (Tuhan turun ke langit dunia), *ru’yah* (melihat Allah di Akhirat) dan al-Hadith tentang *yad*, ia menjawab: “kita mengimani dan membenarkannya tanpa mencari penjelasan cara dan maknanya”⁸¹

Selari dengan pandangan Ibn Hanbal adalah kaum Ash’āirah, memahami lafaz-lafaz yang makna *tashbīh* tersebut menurut arti harfiahnya, tanpa mempertanyakan dan menjelaskan hakikatnya lebih mendalam. Mereka menyerahkan pengetahuan tentang hakikat erti harfiah ayat kepada ilmu Allah. Mengenai kata-kata *yad*, misalnya, mereka mengatakan bahawa Allah mempunyai “tangan” seperti yang dizahirkan oleh ayat. Namun, untuk menghindari penyerupaan, mereka menjelaskan bahawa “tangan” Allah itu tidak seperti tangan makhlukNya.⁸²

Dalam aspek ini, LDII sesuai dengan prinsip mempertahankan prinsip kemurnian akidah tawhid, secara *ekstrem* menolak *tashbīh*. Dalam perkara ini LDII juga mencela pandangan kaum *mujasimah* yang memandang Allah sebagai *jism*. Kerana kalau Allah bersifat *jism* dan ‘*ard*, niscaya Allah berada dalam dimensi ruang dan waktu lain dari diriNya. Pandangan tersebut, merosakkan akidah *tawhid* dan menpersekutukan Allah dengan dua hal iaitu ruang dan tempat dan meniscayakan adanya sesuatu yang tidak diciptakan bersamaNya. LDII berpandangan, kerana dalam al-Qur’ān dan hadith tidak dijumpai bahawa Allah tidak memberi nama diriNya yang dikenali dengan *jism*.⁸³

79

Ertinya: “Iaitu (Allah) al-Rahmān, yang bersemayam di atas ‘*Arash*.”

⁸⁰ Taqīy al-Dīn Aḥmad bin Taimīyah (2002), *Majmu’ah al-Fatawa*, Juz. 1-2, Beirut: Dār al-Wafā’, h. 310

⁸¹ *Ibid.* h. 299

⁸² Lihat al-Ash’ari (t.t.), *al-Ibanah ‘an Uṣul al-Dīniyah*, Mesir: Idarah at-Tiba’ah al-Munirah, h. 9

⁸³ Lihat sūrah al-Ikhlās (112):1-4

Oleh itu, LDII memahami lafaz-lafaz yang bermakna penyerupaan menurut erti harfiahnya, tanpa bertanya dan menjelaskan hakikatnya lebih jauh atau menggunakan kaedah *ta'wil* kepada erti lain. Menurut mereka, jika kefahaman diteruskan maka boleh menyesatkan, terjerumus kepada faham *anthromorfism*, iaitu penyerupaan manusia tentang Tuhan berdasarkan pengalamannya sebagai manusia, di mana wujud, sifat dan perbuatan Tuhan disamakan dengan manusia. Oleh itu, LDII menyerahkan pengetahuan tentang hakikat erti harfiah ayat-ayat *tashbih* tersebut kepada ilmu Allah. Kerananya semua sifat fizikal sebenar hanya diketahui dan layak pada zat Allah sahaja. Ianya bertepatan dengan firman Allah:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ

Ertinya: “Tidak ada sesuatu pun yang menyerupainya”

Sūrah al-Syūra (42):11

Memahami konsep *tanzih*, LDII merujuk daripada keterangan al-Qur’ān dan hadith Rasūl s.a.w, tidak menambah atau mengurangi mahupun melakukan *ta'wil* kepada erti lain. Sehingga bila berhadapan dengan ayat-ayat *tashbīh* seperti kata “*yad*” (tangan), bahawa LDII menyakini Allah mempunyai tangan tetapi tangan Allah tidak serupa dengan tangan manusia. Demikian kata-kata lain yang bermakna *tashbīh* tidak mengertikan kemakna lain (*ta'wil*), seperti; *wajh*, dan *arsy*. Pandangan LDII dalam konsep *tashbih* ini selari dengan “Utsaimin dalam memahami tawhid asmā dan sifat iaitu dengan menetapkan sifat Allah sesuai yang Allah tetapkan bagi diriNya dan menafikan nama dan sifat Allah nafikan dari diriNya, dengan tanpa *tahrif*,⁸⁴ tanpa *ta'til*⁸⁵ dan *takyif*⁸⁶

⁸⁴*Tahrif* adalah memalingkan makna ayat atau hadits tentang nama atau sifat Allah dari makna *zahir* menjadi makna lain yang batil. Sebagai misalnya kata '*istiwa*' yang artinya 'bersemayam' dipalingkan menjadi 'menguasai'

Pandangan tentang *tanzīh* melalui *nafy al-tashbīh* di atas LDII, memiliki persamaan prinsip dengan Salaf dan kaum Ash'āriah yang menyerahkan pengertian ayat-ayat yang bermakna *tashbīh* kepada erti harfiah ayat-ayat yang memiliki makna *tashbīh* kepada Allah s.w.t. Penyerahan makna ayat-ayat *tashbih* yang bersifat am seperti; ayat al-Qur'an menyerupai *satu* sama lain dalam perkara *itqan* (ketepatan), *shidq* (kebenaran), *balaghah*, kefasihan dan lainnya. Demikian pula keserupaan yang bersifat khas (*tashauh al-khas*) yang meliputi; keserupaan yang hanya diketahui oleh Allah s.w.t dan keserupaan yang hanya diketahui oleh sebahagian manusia dan tidak diketahui oleh sebahagian manusia yang lain.

3.3.3 Sifat dan Asmā' Allah (*al-Ṣifah wa al-Asmā*)

Diantara perkara akidah yang berkait rapat dengan konsep tawhid dan *tanzīh* ialah mengenai “sifat” Allah. Persoalan utama yang diperbincangkan dalam masalah sifat, ialah tentang kedudukan sifat dan hakikat sifat itu sendiri. Persoalan sifat ini telah menjadi perbincangan oleh Mu'tazilah dan al-'Ash'āriah, yang melahirkan dua macam pendapat yang berbeza dan bahkan saling bertentangan.

Menurut Mu'tazilah “sifat” ialah sesuatu yang berada di luar dan lain daripada zat” atau dengan kata lain bahawa Allah tidak mempunyai sifat. Menurut pandangan mereka, seandainya Allah mempunyai sifat, maka sifat itu tentu *qadīm* seperti halnya zat Allah itu sendiri. Hal ini akan menjejaskan adanya banyak yang *qadīm*, yang bercanggah dengan prinsip *tawhid* dan *tanzīh*.⁸⁷ Walaupun demikian, kaum Mu'tazilah tetap mengakui bahawa Allah itu, misalnya mengetahui, berkuasa, dan hidup. Tetapi

⁸⁵*Ta'thil* adalah mengingkari dan menolak sebagian sifat-sifat Allah. Sebagaimana sebagian orang yang menolak bahwa Allah berada di atas langit dan mereka berkata Allah berada di mana-mana.

⁸⁶*Takyif* adalah menggambarkan hakikat wujud Allah. Padahal Allah sama sekali tidak serupa dengan makhluknya, sehingga tidak ada makhluk yang mampu menggambarkan hakikat wujudnya. Misalnya sebagian orang berusaha menggambarkan bentuk tangan Allah, bentuk wajah Allah.

⁸⁷ Harun Nasution, *op.cit.*, h. 135

mengetahui, berkuasa, dan hidupnya Alla itu bukan dengan sifat melainkan zatNya.⁸⁸

Dengan pandangan tersebut Mu'tazilah dikenal dengan konsep *nafy al-Şifat*.⁸⁹

Menurut kaum al-Ash'airah dalam konteks "şifat" berpandangan bahawa Allah mempunyai sifat sebagaimana yang dikandung dalam al-Qur'an, sifat itu bukan zat Allah, tetapi bukan pula lain dari zat (sifat menyatu dengan zat). Abū al-Ḥasan al-'Ash'āri sendiri mengatakan bahawa Allah mengetahui dengan sifat mengetahui atau sifat ilmu (علم يعلم) Allah berkuasa dengan sifat kekuasaan, Allah hidup dengan sifat hidup.⁹⁰ Pendapat al-'Ash'airah bahawa Allah, misalnya mengetahui dengan sifat ilmu, terkesan sifat Allah itu terpisah dan berbeza dari zatNya. Menurut Harun Nasution, dikalangan Ash'arīyyah ditemukan pendapat yang mengatakan bahawa sifat-sifat Allah itu bukan Allah dan tidak pula sesuatu yang dariNya.⁹¹

Bertumpu daripada perbezaan mengenai sifat dan asmā' Allah, LDII mengenai "sifat Tuhan" berpandangan bahawa Tuhan memiliki şifat dan *asmā'*⁹² Menurutnya bahawa persaksian Tiada Tuhan melainkan Allah merangkumi *rubūbiyyah*, *uluhiyyah*, *asmā'* dan *şifat*,⁹³ Dalil yang menunjuk bahawa Allah memiliki sifat di antaranya seperti; sifat Allah *al-Awwal*, *al-Ākhir*, *al-Zāhir*, dan *al-Bāṭin*. sebagaimana yang firman Allah s.w.t.:

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Ertinya: "Dia lah yang Awal dan yang Akhir; dan yang Zahir serta yang Batin; dan Dia lah yang Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu".

Sūrah al-Hadīd (57): 3

⁸⁸ Al-Shahrastānī (t.t.), *op.cit.*, h. 44

⁸⁹ Dalam pandangan menafikan sifat seperti; Wasil ibn Atā' (80 H-130 H), 'Amrū ibn Ubayd (80-142 H) beliau mengingkarkan adanya *zat* dan *ma'nā*, kerana ini akan membawa kepada berbilang-bilang yang *qādim* (*ta'addud al-qudamā'*) dan akan membawa kepada syirik atau *polytheisme*. *Al-Ma'nā* ialah gambaran yang ada dalam fikiran manusia yang dengannya disebutkan sesuatu lafaz, atau dikatakan kepada apa yang dikehendaki dengan sesuatu atau apa yang perkataan menunjukkan ke atasnya. Lihat. Jamīl Salība, *al-Mu'jam al-Falsafī*, perkataan *Ma'nā* ialah perkataan mufrad daripada perkataan *ma'anī* yang bererti setiap yang berdiri dengan mausuf dan wajib bagi-Nya dari segi hukum. Al-Sanūsī, *Sharh 'Aqīdah Ahl al-Tawhid al-Kubrā*, h. 213

⁹⁰ Al-'Ash'āri (1955), *Kitab al-Luma'*, *op.cit.*, h. 17-31

⁹¹ LDII, *Khutbah*, *op.cit.*, h. 144

⁹² *Ibid*

⁹³ Abū Zahrah, *op.cit.*, h. 191

LDII terhadap konsep keyakinan kepada *asmā* dan *ṣifat* Allah menerusi pengkbaran al-Qur'an dan al-Hadith tidak mentakwilkan sifat-sifat Allah seperti faham Mu'tazilah. LDII mempunyai kecenderungan mengikuti kefahaman Ahlu Sunnah wal Jamaah yang membahagi ke dalam beberapa bahagian seperti;

- a. Sifat *salbiyah* iaitu *qidām, baqā, mukhālafat li hawādith, qiyāmuh bi al-nafsih* dan *wahdāniyyah*,
- b. Sifat *ma'āni*, iaitu *qudrah, irādah, samā', baṣar, ḥayāt, 'ilm* dan *kalām*.
- c. Sifat *khabāriyyah*, sifat yang diterangkan oleh al-Qur'ān dan Hadith serta
- d. Sifat *ḍafīyyah* sifat yang menyandarkan nama-nama Allah pada alam makhluk, seperti *rabb al-'ālamīn, khāliq al-kaun* dan *fāliq al-habb wa al-nawā*.⁹⁴

LDII menyakini bahawa Allah mempunyai sifat yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu *sifat ḍat* dan *sifat fi'il* (perbuatan). Pandangan ini kerana keterikatan LDII terhadap dua sumber dalam berakidah iaitu al-Qur'ān dan Hadith. Kefahaman seperti ini, kerana asma' dan sifat-sifat yang dibahagikan para mutakallimin tidak dijumpai dalam al-Qur'ān dan Hadith. *Sifat ḍat* ialah *sifat* yang lazim bahagi Allah dan tidak bercerai tanggal daripadanya. Dan *sifat fi'il* (perbuatan) iaitu sifat-sifat yang tertakluk dengan kehendak Allah dan *qudrat*Nya.

Selain menyakini Allah mempunyai sifat-sifat, LDII menyakini Allah mempunyai *al-Asmā Allāh* (nama-nama yang diberikan Allah S.W.T kepada diriNya sendiri).⁹⁵ Keyakinan *al-Asmā Allāh*, LDII mengambil dalil firman Allah dan hadith Nabi s.a.w sebagai berikut:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا ۖ

Ertinya: “Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepadanya”

Sūrah al-‘Araf (7): 180)

⁹⁴ LDII (t.t.) *Kitāb al-Ṣalāh*, LDII, T.tp., h. 126

Dalil yang dipergunakan adalah hadits dari Abu Hurairah r.a:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ لِلَّهِ تِسْعَةً وَتِسْعِينَ اسْمًا ، مَنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ ، هُوَ : اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ ، الرَّحْمَنُ ، الرَّحِيمُ ، الْمَلِكُ ، الْقُدُّوسُ ، السَّلَامُ ، الْمُؤْمِنُ ، الْمُهِيمُ ، الْعَزِيزُ ، الْجَبَّارُ ، الْمُتَكَبِّرُ ، الْخَالِقُ ، الْبَارِئُ ، الْمُصَوِّرُ ، الْغَفَّارُ ، الْقَهَّارُ ، الْوَهَّابُ ، الرَّزَّاقُ ، الْفَتَّاحُ ، الْعَلِيمُ ، الْقَابِضُ ، الْبَاسِطُ ، الْخَافِضُ ، الرَّافِعُ ، الْمُعِزُّ ، الْمُدِلُّ ، السَّمِيعُ ، الْبَصِيرُ ، الْحَكَمُ ، الْعَدْلُ ، اللَّطِيفُ ، الْخَبِيرُ ، الْحَلِيمُ ، الْعَظِيمُ ، الْغَفُورُ ، الشَّكُورُ ، الْعَلِيُّ ، الْكَبِيرُ ، الْحَفِيفُ ، الْمُقْتِيبُ ، الْحَسِيبُ ، الْجَلِيلُ ، الْكَرِيمُ ، الرَّقِيبُ ، الْمُجِيبُ ، الْوَاسِعُ ، الْحَكِيمُ ، الْوَدُودُ ، الْمَجِيدُ ، الْبَاعِثُ ، الشَّهِيدُ ، الْحَقُّ ، الْوَكِيلُ ، الْقَوِيُّ ، الْمُتِينُ ، الْوَلِيُّ ، الْحَمِيدُ ، الْمُخْصِي ، الْمُبْدِي ، الْمُعِيدُ ، الْمُحْيِي ، الْمُمِيتُ ، الْحَيُّ ، الْقَيُّومُ ، الْوَاحِدُ ، الْمَاجِدُ ، الْوَاحِدُ ، الصَّمَدُ ، الْقَادِرُ ، الْمُقْتَدِرُ ، الْمُقَدِّمُ ، الْمُؤَخَّرُ ، الْأَوَّلُ ، الْآخِرُ ، الظَّاهِرُ ، الْبَاطِنُ ، الْوَالِي ، الْمُتَعَالِي ، الْبَرُّ ، التَّوَّابُ ، الْمُنتَقِمُ ، الْعَفُوفُ ، الرَّءُوفُ ، مَالِكُ الْمُلْكِ ، ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ ، الْمُقْسِطُ ، الْجَامِعُ ، الْغَنِيُّ ، الْمُغْنِي ، الْمَنَاعُ ، الصَّارُّ ، النَّافِعُ ، النَّوْرُ ، الْهَادِي ، الْبَدِيعُ ، الْبَاقِي ، الْوَارِثُ ، الرَّشِيدُ ، الصَّبُّورُ⁹⁶

Ertinya: “Dari Abī Hurairah berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya memiliki 99 nama, barangsiapa menghafal semuanya akan di masuk ke surga: *Allāh* Tiada Tuhan melainkan Allah, *al-Rahman* (Yang Maha Pengasih), *al-Rahim*(Yang Maha Penyayang), *al-Malik* (Yang Menguasai Pemerintahan dan Memiliki Kerajaan), *al-Quddus* (Yang Maha Suci), *al-Salām* (Yang Maha Sejahtera daripada segala kekurangan), *al-Mu'min* (Yang mengimankan hamba-Nya), *al-Muhaimin* (Allah Yang Maha Menyintai dan Memelihara), *al-'Azīz* (Yang Maha Perkasa), *al-Jabbar* (Yang Maha Maha Perkasa,) *al-Mudill* (Yang Merendahkan dan Menghinakan kepada hamba-Nya, *al-Samī'* (Yang Maha Mendengar), *al-Baṣīr* (Yang Maha Melihat), *al-Hakim* (Yang Maha Menentukan), *al-'Adl* (Yang Maha Adil), *al-Latif* (Yang Maha Lembut) , *al-Khabīr* (Yang Maha Mengetahui), *al-Halīm* (Yang Maha Penyayang), *al-'Azīm* (Yang Maha Agung), *al-Ghafūr* (Yang Maha Pengampun), *al-Syakūr* (Yang Maha Syukur), *al-'Ali* (Yang Maha Tinggi Martabat-Nya), *al-Kabīr* (Yang Maha Besar), *al-Hafīz* (Yang Maha Memelihara), *al-Muqīt* (Yang Menjadikan Makanan), *al-Hasīb* (Yang Menghisab atau Menghitung), *al-Jalīl* (Yang Maha Agung dan Mulia), *al-Karīm* (Yang Maha Mulia atau Sempurna), *al-Raqīb* (Yang Maha Memerhati atau Mengamati), *al-Mujīb* (Yang Memperkenankan), *al-Wāsi'* (Yang Maha Luas Kepunyaan-Nya), *al-Hakīm* (Yang Maha Bijaksana), *al-Wadūd* (Yang Maha Mencintai orang-orang beriman), *al-Majīd* (Yang Maha Mulia), *al-Bā'ith* (Yang Membangkitkan makhluk-Nya hari Kiamat, *al-Syahīd* (Yang Maha Menyaksikan), *al-Haqq* (Yang Maha Benar), *al-Wakīl* (Yang Melaksanakan urusan makhluk-Nya), *al-Qawiy* (Yang Maha Kuat, *al-Matīn* (Yang Maha Sempurna), *al-Waliy* (Yang

⁹⁶ Al-Tirmidhī, *op.cit.*, Hadith No. 3507 h. 2012

Menolong orang yang takut kepada-Nya), *al-Hamīd* (Yang Maha Terpuji), *al-Muhsiy* (Yang Menghitung makhluk-Nya dan member balasan, *al-Mubdiu'* (Yang Menzahirkan Makhluknya), *al-Mu'id* (Yang Mengembalikan), *al-Muhyi* (Yang Menghidupkan), *al-Mumīt* (Yang Mematikan), *al-Hayyu* (Yang Hidup), *al-Qayyum* (Yang Berdiri Sendiri), *al-Wājid* (Yang Menemukan apa yang Dia Kehendaki), *al-Mājid* (Yang Maha Agung dan Maha Mulia), *al-Wāhid* (Yang Maha Esa), *al-Ṣamad* (Yang Menjadi Tempat Pergantungan segala makhluk-Nya), *al-Qādir* (Yang Maha Berkuasa), *al-Muqtadir* (Yang Sangat Berkuasa), *al-Muqaddim* (Yang Mendahulukan), *al-Muakhhir* (Yang Mengakhirkan), *al-Awwal* (Yang Terdahulu dengan tiada permulaan), *al-Ākhir* (Yang Terkemudian), *al-Zāhir* (Yang Maha Nyata), *al-Bāḥin* (Zat Yang Maha Ghaib), *al-Wāliy* (Yang Maha Menguasai), *al-Muta'āliy* (Yang Maha Tinggi), *al-Barr* (Yang Maha Berbuat Baik), *al-Tawwāb* (Yang Maha Menerima Taubat), *al-Muntaqim* (Yang Berhak Membalas setiap dosa dengan azab-Nya), *al-'Afw* (Yang Maha Memberi Maaf), *al-Ra'uf* (Yang Maha Memberi Rahmat dan Kasih Sayang), *Mālik al-Mulk* (Zat yang Mempunyai Kekuasaan Kekal), *Zu al-Jālāl wa al-Ikrām* (Zat Yang Mempunyai Segala Kettinggian, Kemuliaan dan Kesempurnaan), *al-Muqsit* (Yang Sangat Adil), *al-Jāmi'* (Yang Mengumpulkan), *al-Ghaniy* (Yang Maha Kaya), *al-Mughniy* (Yang Memberi Kekayaan), *al-Mani'* (Yang Menolak Bahaya-Bahaya), *al-Ḍarr* (Yang Memberi Mudarat), *al-Nāfi'* (Yang Memberi Manfaat), *al-Nūr* (Yang Memberi Cahaya), *al-Hādiy* (Yang Memberi Petunjuk), *al-Badī'* (Yang Menciptakan sesuatu yang belum wujud sebelumnya atau belum pernah ada), *al-Baqiy* (Yang Maha Kekal), *al-Wārith* (Yang Kembali Kepada-Nya semua makhluk-Nya), *al-Rasyīd* (Yang Maha Bijaksana), *al-Ṣabbr* (Yang Maha Penyabar)".

Selanjutnya LDII dalam memahami dan menerima *Ṣifat* dan *al-asmā'* Allah dengan berpegang daripada ketentuan-ketentuan yang meliputi; *pertama* tidak mengubah atau mengganti makna naṣ-naṣ al-Qur'ān dan Sunnah dengan makna lain yang tidak dimaksudkan oleh naṣ-naṣ tersebut (*min ghairi al-taḥrīf*), *kedua*, meniadakan indikasi atau makna nas-nas al-Qur'an dan sunnah dari maksud hakiki (*min ghairi ta'tīl*), *ketiga* tidak menggambar-gambarkan bentuk Tuhan baik dalam fikiran, hati dan dengan indera (*min ghairi al-taḥyil*), dan *keempat* tidak menyerupakan sifat-sifat Allah dengan sifat-sifat makhluknya (*min ghairi al-tamthil rabb 'alamin*).⁹⁷

⁹⁷ Muhammad Abū Zahrah (t.t.), *Tarikh al-Mazahib al-Islāmiyyah*, Kairo: Dār al-Fikr al-'Arabi, h. 221

Dengan ciri-ciri dan kefahaman tersebut LDII memahami *sifat* dan *Asmā Allah*, mereka mempunyai kesamaan kefahaman dengan Ahlusunnah wal Jamaah yang memahami sifat dan *al-Asma* Allah mengikut pengertian zahir ayat-ayat al-Qur'an dan al-Hadith Nabi s.a.w dengan tidak menta'wilkan sifat-sifat dan asma-Nya daripada erti majazi seperti kefahaman daripada Mu'tazilah.

3.3.4 Melihat Allah di Akhirat

Satu perkara yang berhubungkait dengan ketuhanan (*Ilahiyyah*) ialah persoalan melihat Allah di akhirat. Dalam perkara ini yang menjadi masalah ialah apakah Allah boleh dilihat dengan mata kepala manusia di akhirat atau tidak.

Aliran Mu'tazilah perkaranya ini berpandangan Tuhan tidak dapat dilihat, baik di dunia mahupun di akhirat nanti. Keyakinan Tuhan tidak dapat dilihat merupakan implikasi logis dari pandangan Mu'tazilah yang menetap bahawa Tuhan bersifat *imateri*. Sehingga dengan pandangan itu, Tuhan tidak mungkin menjadi obyek tanggapan inderawi kerana Dia tidak menempati ruang dan arah yang merupakan ciri pada *jism*.⁹⁸ Dengan demikian, Allah tidak dapat dilihat dengan mata telanjang.⁹⁹ Dalam perkara ini, Abd al-Jabbar menegaskan seandainya Allah dapat dilihat dengan indera mata di akhirat kelak tentu Ia dapat di lihat di dunia. Dalam kenyataan tak seorangpun pernah melihatNya di dunia.

Penolakan Mu'tazilah terhadap kemungkinan dapat melihat Allah dengan mata kepala di akhirat kelak sebagaimana menerusi penafsiran daripada surah al-An'am (6): 103 sebagai berikut:

لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ

⁹⁸ *Ibid.*, h. 191

⁹⁹ Abd al-Jabbar, *op.cit.*, h. 249

Ertinya: “Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat segala yang kelihatan; dan Dialah Yang Maha Halus lagi Maha Mengetahui”

Sūrah al-An’ām (6):103

Ayat al-An’ām ayat 103 ini, menurut Mu’atazilah, mengandung pengertian yang jelas menetapkan bahawa Tuhan tak dapat dilihat oleh penglihatan. Atau secara tegas dapat dikatakan bahawa Tuhan tidak dapat dilihat, baik di dunia mahupun di akhirat. Adapun ayat 22 dan 23 dalam sūrah al-Qiyāmah yang berbunyi:

وَجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاصِرَةٌ، إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ

Ertinya: “Wajah-wajah (orang-orang mu'min) pada hari itu, berseri-seri. Kepada Tuhannyalah mereka melihat.”

Sūrah al-Qiyāmah (75): 22-23

Kata *nāzīrah*, menurut mereka, tidaklah mengandung erti bahawa Tuhan dapat dilihat. Kata *nāzīrah* dalam ayat ini tidak bererti *ru'yat* (melihat). Kerana kata *nāzar* dalam pemahaman orang Arab tidak bererti melihat tetapi memandang atau menunggu.¹⁰⁰ Selain menolak dari ayat 103 daripada sūrah al-An’ām, Mu’tazilah menolak hadith-hadith tentang *ru'yah*, kerana menurut mereka hadith-hadith tersebut adalah *hadīth ahad*, iaitu:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَنَا حُسَيْنُ الْجَعْفِيُّ عَنْ زَائِدَةَ حَدَّثَنَا بَيَانُ بْنُ بَشْرِ عَنْ قَيْسِ بْنِ أَبِي حَازِمٍ
حَدَّثَنَا جَرِيرٌ قَالَ خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْلَةَ الْبَدْرِ فَقَالَ إِنَّكُمْ سَتَرُونَ رَبَّكُمْ
يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَمَا تَرُونَ هَذَا ، لَا تُضَامُونَ فِي رُؤْيَيْهِ

Ertinya: “Dari ‘Ubadah bin ‘Abdillah, Husain al-Ju’fi, dari Zaidah, Bayān ibn Bisyrin dari Qais ibn Abī Hāzim, Jarir berkata keluar atas kami Rasulullah s.a.w. pada malam purnama, ia bersabda: “Sesungguhnya kami melihat Rabbmu pada hari kiamat

¹⁰⁰ Harun Nasution, *op.cit.*, h. 141

sebagaimana kamu melihat bulan ini dan tidak terhalang melihatnya”¹⁰¹

Berdasarkan dalil-dalil yang dikemukakan oleh Mu'tazilah yang menolak kemungkinan melihat Allah dengan mata kepala, pandangan ini tidak lain merupakan upaya mereka menjaga prinsip *tanzih*. Kerana bila Allah dapat dilihat dengan indera mata, berarti Allah mengambil tempat dan bersifat materi. Hal ini mengandungi pengertian *tajsim* dan *tashbih*, yang bercanggah dengan prinsip *tanzih*.

Sedangkan al-‘Ash’āri dan golongan Ahl al-Sunnah wal-Jamā’ah lainnya, pada amnya berpendapat bahawa Allah akan dilihat manusia dengan kepala di akhirat. Alasan mereka dengan mengemukakan dalil dialektis untuk mendukung pendapatnya, bahawa setiap yang berwujud dapat dilihat; Tuhan mempunyai wujud, maka Tuhan dapat dilihat.¹⁰² Selanjutnya menurut al-‘Ash’āri, dari segi akal, tidak ada halangan bahagi yang demikian manusia untuk melihat Tuhan nanti di akhirat. Kerana yang demikian tidaklah membawa kepada penetapan dan keyakinan bahawa Tuhan menjadi baharu atau serupa dengan yang baharu.¹⁰³ Pandangan al-‘Ash’āri sebenarnya berakar pada paham mereka tentang kemutlakan kehendak dan kekuasaan Tuhan.

Berdasarkan pemahaman itu, tidak ada yang tidak mungkin diperbuat oleh Tuhan, termasuk menciptakan keadaan manusia dapat melihat-Nya. Al-‘Ash’āri mengambil ayat 22 dan 23 sūrah al-Qiyāmah adalah untuk mendukung pendapatnya. Kata *nāzhirah* dalam ayat tersebut, menurut mereka, tidak dapat bererti kecuali “*ru’yah*” (melihat).¹⁰⁴ Adapun ayat 103 sūrah al-An’ām yang dijadikan dalil oleh Mu'tazilah, menurut mereka, tidak ditujukan untuk keadaan di akhirat tetapi dunia ini.

¹⁰¹ Imam Abi Abdillah Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim al-Bukhari (2000), *Shahih al-Bukhari, Kitab Tawhid bāb Wujud Yaumizin Nadhirah*, Nombor hadith 7436/6884 Al-Mamlukah al-Arabiyah al-Su'udiyah: Dār al-Salam Linasyri wa tawzi' h. 619

¹⁰² Lihat Ahmad Amīn (1964), *Zuhr al-Islām*, IV Kairo: Maktabah al-Nahdha, h. 82

¹⁰³ Lihat al-‘Asy’āri, *al-Luma'*, *op.cit.*, h. 32-33

¹⁰⁴ Lihat al-‘Ash’āri, *Al-Ibānah*, *op.cit.*, h. 13-16

Demikian pula menurut al-Māturīdī, melihat Tuhan itu dapat (*lazim*) dan pasti pasti terjadi (*haq*), bukan dengan akal (*idrak*) dan juga tidak dapat ditafsirkan.¹⁰⁵ *Ru'yah Allah* dapat terjadi di hari kiamat menurut keadaannya, keadaan itu tergantung daripada ilmu Allah, kita tidak dapat mengetahui.¹⁰⁶ Akal tidak dapat mengajukan bukti adanya *ru'yah*, tetapi itu harus dipercayai tanpa penafsiran kerana ayat yang menjelaskan. Ayat yang dimaksudkan adalah sūrah al-Qiyāmah 22-23. Kata *nazirah* pada ayat tersebut tidak bererti *al-intizar*, sebab itu hanya terjadi di dunia nyata dan wujud, dan huruf *ila* dipakai untuk memandang sesuatu tidak *al-intizar*. Maka ayat ini memastikan melihat Tuhan.¹⁰⁷ Adapun dalil dalam sūrah al-‘An‘ām 6:130, *lā tudrikuhu al-abṣār wa huwa yudriku al-abṣār*” tidaklah menafikan *ru'yah*, yang dinafikannya ialah *idrak*, sama halnya dengan ayat “*wa la yuhithuna bihi ‘ilma*” pengertiannya adalah: *ijab al-‘ilm wa naif al-ihathah*.¹⁰⁸ Namun keyakinan al-Māturīdī dalam melihat Allah tidak dijelaskan bagaimana cara melihatnya tanpa berhadap-hadapan dan tidak membelakang, tidak jelas dan tidak pula gelap¹⁰⁹

Pendapat al-Māturīdī selari dengan al-Bazdawī (421-478H) yang mengatakan bahawa Allah boleh dilihat di akhirat tanpa harus berhadapan dan *bila kaif*. Untuk menguatkan pendapatnya, Al-Bazdawī merujuk daripada firman Allah:

وَلَمَّا جَاءَ مُوسَىٰ لِمِيقَاتِنَا وَكَلَّمَهُ رَبُّهُ قَالَ رَبِّ أَرِنِي إِلَيْكَ ۚ قَالَ لَنْ تَرَنِي وَلَٰكِنِ
 أَنْظُرَ إِلَى الْجَبَلِ فَإِنِ اسْتَقَرَّ مَكَانَهُ فَسَوْفَ تَرَنِي ۚ فَلَمَّا تَجَلَّىٰ رَبُّهُ لِلْجَبَلِ جَعَلَهُ
 دَكًّا وَخَرَّ مُوسَىٰ صَعِقًا ۚ فَلَمَّا أَفَاقَ قَالَ سُبْحٰنَكَ تُبَّتْ إِلَيْكَ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُؤْمِنِينَ

Ertinya: “Dan ketika Nabi Musa datang pada waktu yang Kami telah tentukan itu, dan Tuhannya berkata-kata dengannya, maka Nabi Musa (merayu dengan) berkata: "Wahai Tuhanku! Perlihatkanlah

¹⁰⁵ Al-Māturīdī (t.th), *Kitāb al-Tawhid*, di tahkik oleh Dr. Fath Allah Khalif, Turki: Maktabah al-Islamiyyah, h. 7

¹⁰⁶ Abū Zahrah, *op.cit.*, h. 207

¹⁰⁷ Al-Māturīdī, *op.cit.*, 79

¹⁰⁸ *Ibid.*, h. 81

¹⁰⁹ Ibrāhim Madzkūr, *loc.cit*

kepadaKu (ZatMu yang Maha Suci) supaya Aku dapat melihatMu". Allah berfirman: "Engkau tidak sekali-kali akan sanggup melihatKu, tetapi pandanglah ke gunung itu, maka kalau ia tetap berada di tempatnya, nescaya Engkau akan dapat melihatKu", setelah Tuhannya "*Tajalla*" (menzahirkan kebesarannya) kepada gunung itu, (maka) "*TajalliNya*" menjadikan gunung itu hancur lebur dan Nabi Musa pun jatuh pingsan. Setelah ia sadar semula, berkatalah ia: "Maha suci Engkau (Wahai Tuhanku), Aku bertaubat kepadaMu, dan Akulah orang yang awal pertama beriman (pada zamanku)

Sūrah al-‘Arāf (7):143

Dalam ayat al-‘Araf 143 tersebut terdapat takrif bahawa Musa a.s. mempunyai keyakinan bahawa Allah boleh dilihat. Dan sebagai rasul Musa tidak mungkin menyakini yang mustahil. Lagi pula Tuhan tidak menentang atau menyalahkan permintaan Musa itu. Kata لَن dalam ayat tersebut tidak menunjukkan bahawa Allah tidak boleh dilihat selamanya, tetapi hanya selama di dunia, sedangkan di akhirat boleh dilihat.¹¹⁰

Bahagi LDII, menyakini bahawa di akhirat Allah dapat dilihat dengan mata kepala. Keyakinan tersebut berdasarkan firman Allah sūrah al-Qiyāmah 22 dan 23.¹¹¹ Dalam firman Allah tersebut bahawa Allah dapat dilihat di akhirat merupakan kepastian yang harus diyakini dan diterima apa adanya serta harus dipahami menurut erti *zahirnya*. *Rukyah* Allah di akhirat kelak, merupakan karunia Allah dan hanya bahagi orang-orang beriman. *Rukyah* Allah dimaksudkan jelas bukan dalam erti melihat melalui mata hati sebagaimana semua hamba atau orang arif dapat melihat Allah di dunia ini melalui hati mereka, melainkan *rukayah* dalam arti hakiki melalui indera mata dengan kekuatan penglihatan tertentu yang dianugerahkan oleh Allah seperti kekuatan pendengaran yang diberikan Allah kepada Nabi Musa sehingga ia dapat mendengar langsung perkataannya.

¹¹⁰ Abū al-Yusr Muhammad Al-Bazdawī. (1963), *Kitab Uṣul al-Dīn*, Ed. Hans Peter Lins, Kairo: Dar Ihya al-Kutub al-‘Arabiyah, h. 29

¹¹¹ LDII, *Kitāb al-Ṣifāt al-Jannah wa al-Nār*, *op.cit.*, h. 19

Pandangan LDII terhadap sūrah al-Qiyāmah 22 dan 23 selari dengan pandangan Muhammad ibn Ṣālih ‘Utsaimin yang menyatakan bahawa ayat ini menunjukkan bahawa orang-orang beriman akan melihat Allah S.W.T. dengan mata mereka di akhirat, kerana ayat Allah memadukan kata “melihat” dengan kata depan “*ilā*” yang bererti bahawa penglihatan itu berasal dari wajah-wajah mereka, ertinya mereka melihat wajah Allah dengan penglihatan indera mereka.¹¹²

Imam Ismail bin Yahya al-Muzani, “Penghuni surga pada hari kiamat akan melihat (wajah) *Rabb* (Tuhan) mereka (Allah *Ta’ala*), mereka tidak merasa ragu dan bimbang dalam melihat Allah *Ta’ala*, maka wajah-wajah mereka akan ceria dengan kemuliaan dari-Nya dan mata-mata mereka dengan karunia-Nya akan melihat kepada-Nya, dalam kenikmatan (hidup) yang kekal abadi...”¹¹³ Abu Ja’far ath-Thahawi pula menegaskan bahawa memandangi wajah Allah bahagi penghuni surga adalah kebenaran yang wajib diimani secara keseluruhan dan tidak perlu bertanya bagaimana sebenar yang digaskan dalam kitabullah surah al-Qiyamah 22-23.¹¹⁴

Menurut LDII bahawa keadaan di akhirat tergantung daripada ilmu Allah S.W.T. yang memungkinkan Allah boleh dilihat dengan memberikan kenikmatan bahagi hamba-hambanya yang salih melihatnya. Kerana itulah yang diisyaratkan Tuhan dalam al-Qur’ān sebagai pemilik wajah-wajah yang cerah pada waktu itu. Kesempatan orang-orang mukmin melihat Tuhan di akhirat merupakan rahmat Tuhan yang paling besar bahagi manusia.

LDII mengukuhkan pendapat tersebut memajukan hadith yang diriwayatkan oleh Tirmidhī:

¹¹² Al-‘Utsaimin, *Syarh ‘Aqidatit Wasātiyyah*, Juz.1, h. 448

¹¹³ Imam Ismail bin Yahya al-Muzani, (t.t.), *Syarhus sunnah*” cet. Madinah: Maktabatul gurabā’ al-Atsariyyah, h. 82,

¹¹⁴ Imam Abu Ja’far ath-Thahawi, (t.t.) *Syarhul Aqīdatiit Ṭahāwiyyah*” Yordania Ad-Dārul Islāmi, h. 188-189

حَدَّثَنَا عَبْدُ بْنُ مُحَمَّدٍ أَخْبَرَنِي شَبَابُهُ عَنْ إِسْرَائِيلَ عَنْ ثُوَيْرٍ قَالَ سَمِعْتُ ابْنَ عُمَرَ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ أَدْنَى أَهْلِ الْجَنَّةِ مَنْزِلَةً لَمَنْ يَنْظُرُ إِلَى جَنَانِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَنَعِيمِهِ وَخِدْمَتِهِ وَسُرُورِهِ مَسِيرَةَ أَلْفِ سَنَةٍ وَأَكْرَمَهُمْ عَلَى اللَّهِ مَنْ يَنْظُرُ إِلَى وَجْهِهِ عَدْوَةً وَعَشِيَّةً ثُمَّ قَرَأَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَجُودَةً يَوْمَئِذٍ نَاضِرَةً إِلَى رَبِّهَا نَاطِرَةً¹¹⁵

Ertinya: “Telah menceritakan kepada kami ‘Abd bin Humaid telah mengkhabarkan kepadaku Shabābah dari Isrā’il dari Thuwair berkata: Aku mendengar Ibnu ‘Umar berkata: Rasulullah saw bersabda: "Sesungguhnya tingkatan penghuni surga terendah adalah orang yang memandang taman, istri-istri, kenikmatan, pelayan dan tempat tidurnya sejauh perjalanan seribu tahun dan yang paling mulia dari mereka adalah yang melihat wajahnya dipagi dan sore hari." Selanjutnya beliau membaca: "Wajah-wajah (orang-orang mukmin) pada hari itu berseri-seri. Kepada Tuhan-Nyalah mereka Melihat."

Berdasarkan penjelasan disekitar kemungkinan *rukayah* Allah, LDII menyakini bahawa Allah boleh dilihat di akhirat. Terhadap konteks ayat dan hadith tersebut, LDII memahami pengkhabaran ayat dan hadith sesuai erti *zahirnya* dengan tidak menafsirkan ke makna yang lain. Meskipun Allah boleh dilihat di alam akhirat nantinya tetapi tidak dalam bentuk yang menurunkan martabat dan hakikat Tuhan sebagai zat yang unik dan bersifat immaterial. Selanjutnya melihat Tuhan haruslah difahami dalam konteks bahawa tidak ada sesuatupun yang menyerupainya.

Berdasarkan pendapat tersebut LDII mempunyai kecondongan faham daripada pemikiran iaitu al-‘Ash’āriah bahawa Allah di akhirat dapat dilihat. Demikian juga LDII yang mengambil dalil daripada surah al-Qiyamah 22 dan 23 bahawa Allah S.W.T. di akhirat dapat dilihat. Kata *nadhār* pada ayat tersebut diertika melihat dengan mata kerana ada karinah, yaitu kata *nadhār* beriringan dengan penyebutan wajah (*wujuh*). Sejalan juga dengan pandangan para mufasirin yang menafsirkan ayat tersebut memberi erti bahawa manusia diberi kemampuan dapat melihat Allah s.w.t kelak di akhirat.

¹¹⁵ Al-Tirmidhī, *op.cit.*, Hadith No. 2553, h. 1908

3.4. Manusia dan hubungannya dengan Tuhan

3.4.1. Iman dan Kufur (*al-Iman wa al-Kufr*)

Persoalan iman dan kufur merupakan *issue* akidah yang terawal wujud dalam perkembangan pemikiran Islam, bahkan jika dirujuk daripada sejarah persoalan iman dan kufur merupakan akar tunjang lahirnya disiplin *kalam*. *Issue* ini bermula daripada hasil *tahkim* (arbitrase) antara Ali r.a dan Muawiyah bin Abi Sofyan mendorong pecahnya kubu Ali r.a menjadi dua iaitu pendukung Ali r.a dan penentang yang disebut kaum Khawarij. Mereka (Khawarij) ¹¹⁶ menuduh Ali r.a. tidak menyelesaikan perkara berdasarkan hukum Allah dalam al-Qur'ān. Kerana itu Alī r.a. dianggap sebagai kafir. Bermula dari sikap Khawārij yang mengkafirkan para pelaku *tahkim* (*arbitrase*) dengan asas *lā hukma ila Allah* menyebarkan pembicaraan di kalangan *mutakallimin* tentang iman. Bermula dari *discourse* tersebut; apakah seorang muslim masih diakui sebagai mukmin apabila melakukan dosa besar?. Kemudian soalan ini bercabang kepada dua persoalan iaitu apakah iman cukup dengan iktikad dalam hati sahaja ataukah harus dinyatakan dalam perbuatan. ¹¹⁷

Merujuk daripada sejarah akidah Islam, konsep iman telah terbahagi kedalam beberapa perbezaan kefahaman. Al-Baghdadi misalnya, membahagikan kepada dua iaitu *pertama* iman yang diasaskan atas penerimaan wahyu yang disebut dengan *taṣdiq*. Iman dalam bentuk *taṣdiq* ini memberi kesan iman yang bersifat pasif kerana iman cukup menyakini dalam hati. Dengan erti lain, mengenal atau membenarkan dengan Allah melalui hati. Kefahaman ini dianuti oleh al-Jaham Ibn Sofwan dan Abu Hasan al-

¹¹⁶ Nama Khawarij berasal dari kata kharaja yang bererti keluar. Nama ini dilekatkan pihak lain kepada mereka kerana keluar dari pasukan Ali. Nama lain *Huraryiah* dari kata *Harura* sebuah tempat dekat Kuffah Irak. Lihat Abū Hasan al-'Asy'ārī (1950), *Maqālāt al- Islamiyyīn wa Ikhtilaf al-Muallīn*, al-Miṣriyyah: al-Nahḍah, h. 156 Namun menurut kalangan Khawārij sendiri, nama itu berasal dari sūrah an-Nisa 4: 100

وَمَنْ خَرَجَ مِنْ بَيْتِهِ مُهَاجِرًا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ

“Ertinya: “...Dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan RasulNya...”

¹¹⁷ Harun Nasution (1986), *Teologi Islam*, Jakarta: UI Press, h. 4

Ash'ari serta pengikutnya. *Kedua*, iman diasaskan melalui kemampuan akal dan intelektual di sebut *makrifat*. Iman dalam bentuk ini memberi kesan aktif kerana iman bukan sahaja iktikad dalam hati dan ikrar dengan lisan tetapi harus diwujudkan dalam amal perbuatan nyata (عقد و قول و فعل).¹¹⁸ Semua bentuk ketaatan dan amal kebajikan, yang wajib mahupun sunat, termasuk dalam kategori iman. Setiap amal kebaikan seseorang bertambah, maka bertambah pula imannya; dan setiap seseorang melakukan kemaksiatan, maka berkurang pula imannya. Kefahaman ini dikemukakan oleh majoriti fuqaha, ahli hadith, Muktazilah, Syiah dan Kaum Khawarij.

Selain daripada dua defenisi masih terdapat lagi dua definisi iaitu imam cukup dengan *taqrir*, pengucapan dengan lisan sahaja walaupun dalam hati seseorang itu kufur, kefahaman ini dikemukakan oleh Muhammad Ibn Karam tokoh daripada Murjiah. *Kedua*, iman ialah mengenal agama melalui hati dan menuturkan secara lisan; sedangkan amal bukan bahagian iman tetapi sebagai syari'at iman itu sendiri. Kefahaman dinisbahkan kepada Imam Abu Hanifah¹¹⁹

Bahagi kaum Mu'tazilah iman berupa *ma'rifat*, kerana akal dapat sampai kepada kewajipan mengetahui Tuhan dan kewajipan mengerjakan yang baik dan meninggalkan yang jahat, iman dalam konsep mereka merupakan keyakinan dalam hati sahaja tetapi wajib dijabarkan dalam bentuk amal dengan menjalankan semua kewajipan agama yang diperintahkan oleh Tuhan. Al-Ash'ari dalam hal ini berpandangan bahawa iman bahagi mereka merupakan pelaksanaan perintah-perintah Tuhan.¹²⁰ Asas dalam mengukuhkan konsepsi iman ialah firman Allah:

وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَانَكُمْ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرءُوفٌ رَحِيمٌ

¹¹⁸ 'Abd al-Karim ibn al-Thahir ibn Muḥammad al-Baghdādi, *Al-Farq baina al-Firaq*, Mesir: Muhammad Ali Shabih, t.t. h. 83

¹¹⁹ Ibn Hazm, *Al-Fishal*, Juz3, h. 188

¹²⁰ Al-Ash'ari, *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilāf al-Musallīn*, Muḥammad Muhyī al-Dīn Abd. Ḥāmid (ed.), Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyah, h. 26

Ertinya: “Dan Allah tidak akan menghilangkan (bukti) iman kamu. Sesungguhnya Allah amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya kepada orang-orang (yang beriman)”.

Sūrah al-Baqarah (2): 143

Menurut al-Baghdādi, Mu'tazilah dalam menafsirkan ayat di atas iman berarti amal, yaitu berupa keajiban mengerjakan salat.¹²¹ Oleh itu, dengan pandangan iman kaum Mu'tazilah yang menghubungkan antara *tashdiq*, *iqrar* dan amal maka mereka dalam memandang muslim yang melakukan dosa besar sebagai telah merusak imannya. Maka orang yang demikian tidak dikatakan mukmin dan tidak pula kafir melainkan mengambil tempat di antara dua posisi kafir dan mukmin (*al-manzilah bain al-manzilahtain*).

Berbeza dengan Mu'tazilah, Ash'āriah (260H/873M-935M) yang mengasaskan akidah kepada fungsi wahyu iman merupakan *taşdiq*. Iman bahagi kaum Ash'āriah merupakan pembenaran terhadap khabar tentang adanya Tuhan (*al-taşdiq bi Allah*).¹²² Pandangan al-Ash'āriah diperkuat oleh al-Ghazali sebagai pengikut al-Ash'āriah memberikan batasan yang lebih umum bahawa iman adalah pernyataan yang berisi *taşdiq* (pembenaran) terhadap sesuatu dengan tidak merasa ragu-ragu terhadap yang diyakini itu sebagai benar adanya.¹²³

Iman dalam pengertian *taşdiq* juga difahamkan kaum Maturidiah Bukhara. Menurut Al-Bazdawi, iman ialah mengiktikadkan dalam hati mengucapkan dengan lidah bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan tiada sesuatupun yang menyerupai Dia.¹²⁴ Sedangkan bahagi kaum Maturidiah Samarkand mempunyai persamaan dengan kefahaman Mu'tazilah bahawa iman bukan sekedar *taşdiq*; iman merupakan *ma'rifat*.

¹²¹ Al-Baghdādi, *op.cit.*, h. 62

¹²² Al-Ash'ari, *Kitab al-Luma' fi al-Radd 'alā Ahl al-Zayn wa al-Bida'*, Kairo: t.tp. 1965, h. 72

¹²³ Al-Ghazali, *Ijām al-'Awām 'an 'Ilm al-Kalām*, Kairo: T.Tp. 1965, h. 85

¹²⁴ Abu Yusr Muhammad Al-Bazdawi, *Kitāb Uşūl al-Dīn*, Kairo: Isa al-Babi al-Halabiy, 1963, h. 146

Pandangan yang sedemikian kerana Maturidiah Samarkand meletakkan fungsi akal dapat sampai kepada kewajipan mengetahui Tuhan.

Menganalisis pandangan al-Ash'āri, al-Ghazali dan al-Bazdawi iman dalam pengertian *taṣḍiq*, kerana akal menurut mereka tidak sampai kepada kewajipan mengetahui Tuhan, sebagaimana akal juga tidak sanggup mengetahui kewajipan mengerjakan yang baik dan kewajipan meninggalkan yang jahat. Segala kewajipan keagamaan diperolehi manusia melalui wahyu.

Berbeza lagi dengan kaum Murjiah, iman itu cukup dengan *al-taqirir*, penuturan melalui lisan sahaja, walaupun di dalam hati seseorang itu kufur. Oleh itu, orang Islam yang berbuat dosa besar tetap mukmin, tidak menjadi kafir. Soal dosa besarnya diserahkan kepada keputusan Tuhan kelak di hari perhitungan.¹²⁵ Menurut analisis Abu Zahrah, sikap netral yang diambil oleh kaum Murjiah supaya tidak terbawa masuk dalam suasana pertentangan amalan kafir mengkafirkan di antara golongan yang bertentangan. Bahagi Murjiah sahabat-sahabat yang bertentangan itu merupakan orang-orang yang dapat dipercayai dan tidak keluar dari jalan yang benar. Oleh itu kaum Murjiah tidak mengeluarkan pendapat tentang siapa yang sebenarnya bersalah. Mereka memandang lebih baik menunda penyelesaiannya kepada Tuhan di akhirat kelak.¹²⁶

Iman dalam pandangan LDII mengembalikan kepada konsep sumber dan asas akidah iaitu al-Qur'an yang mempunyai konotasi *al-matlub al-khabari* iaitu menerusi tuntutan menyakini pemberitahuan informatif. Sebagaimana firman Allah:

Ertinya: “Wahai orang-orang ang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan RasulNya, dan kepada Kitab al-Qur'an yang telah diturunkan kepada RasulNya (Muhammad, s.a.w), dan juga kepada Kitab-kitab suci yang telah diturunkan dahulu daripada itu. dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah, dan Malaikat-

¹²⁵ Harun Nasution, *Islam ditinjau dari Berbagai Aspeknya*, Jilid II, Jakarta: UI Press, 1978, h. 34

¹²⁶ Abu Zahrah, *Tarikh Mazahib al-Islāmi*, Kairo: Dār al-Fikr al-Arabi, t.t., h. 221

malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya dan juga hari akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh.

Surah al-Nisa (4): 136

Juga melalui hadith mutawatir yang menyatakan:

و حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَزُهَيْرُ بْنُ حَرْبٍ جَمِيعًا عَنْ ابْنِ عُثَيْبَةَ قَالَ زُهَيْرٌ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ عَنْ أَبِي حَيَّانَ عَنْ أَبِي زُرْعَةَ بْنِ عَمْرٍو بْنِ جَرِيرٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا بَارِزًا لِلنَّاسِ فَأَتَاهُ رَجُلٌ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا الْإِيمَانُ قَالَ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكِتَابِهِ وَلِقَائِهِ وَرُسُلِهِ وَتُؤْمِنَ بِالْبَعْثِ الْآخِرِ قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا الْإِسْلَامُ قَالَ الْإِسْلَامُ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ وَلَا تُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ الْمَكْتُوبَةَ وَتُؤَدِيَ الزَّكَاةَ الْمَفْرُوضَةَ وَتَصُومَ رَمَضَانَ قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا الْإِحْسَانُ قَالَ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنَّكَ إِنْ لَا تَرَاهُ فَإِنَّهُ¹²⁷

Ertinya: “Dan telah menceritakan kepada kami Abu Bakar bin Abū Syaibah dan Zuhair bin Harb semuanya dari Ibnu Ulayyah, Zuhair berkata, telah menceritakan kepada kami Ismaīl bin Ibrāhim dari Abu Hayyan dari Abu Zur'ah bin Amru bin Jarīr dari Abu Hurairah dia berkata, "Rasūlullah shallallahu 'alaihi wasallam pada suatu hari berada di hadapan manusia, lalu seorang laki-laki mendatanginya seraya berkata, 'Wahai Rasulallah, apakah iman itu? ' Beliau menjawab, 'Kamu beriman kepada Allah, malaikat-Nya, kitab-Nya, beriman kepada kejadian pertemuan dengan-Nya, beriman kepada para Rasul-Nya, dan kamu beriman kepada hari kebangkitan yang akhir'. Dia bertanya, 'Wahai Rasulallah, apakah Islam itu? ' Beliau menjawab, 'Islam adalah kamu menyembah Allah dan tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun, mendirikan shalat yang wajib, membayar zakat yang difardlukan, dan berpuasa Ramadhan.' Dia bertanya lagi, 'Wahai Rasulallah, apakah ihsan itu? ' Beliau menjawab, 'Kamu menyembah Allah seakan-akan kamu melihat-Nya, maka jika kamu tidak melihat-Nya maka sesungguhnya Dia melihatmu.'

Merujuk daripada asas dan sumber akidah iman merupakan integrasi pengakuan dengan hati, diucapkan dengan lisan dan dilaksanakan dalam segala perbuatan (*makrifat*). Ertinya seorang muslim yang telah bersyahadah kepada Allah dan Rasul Allah, harus menyakini semua yang telah ditetapkan oleh Allah, kemudian melaksanakan semua perintah dan menjauhi larangan dalam amal perbuatan.

¹²⁷ Muslim, *op.cit.*, Hadith No.10

Lebih lanjut pernyataan LDII bahawa iman kepada Allah sebagai satu-satu *Dhat* yang berhak disembah disebut tawhid *Ulūhiyyah* atau tawhid *Ubūdiyyah*. Penyembahan kepada Allah difahami dengan mengamalkan perintah Allah, menjauhi laranganNya baik dari ucapan-ucapan, amalan-amalan hati mahupun amalan anggota badan baik yang wajib mahupun yang sunah.¹²⁸ Kemudian wujud *ubūdiyyah* kepada Allah harus selari dengan pernyataan *al-ihsan* yakni semua amal perbuatan harus dilaksanakan dengan keikhlasan kerana segala dilakukan diperhatikan oleh Allah s.w.t.

Merujuk pandangan LDII terhadap konsep iman selari dengan pandangan majoriti umat dan aliran dalam Islam, yang meneguhkan bahawa iaitu iman mengetahui agama dengan hati, menuturkan dengan lisan dan melaksanakan dalam tindakan. Setiap amal kebajikan bertambah maka bertambahlah imannya; dan setiap orang melakukan maksiat, maka berkurang pulalah imannya (*makrifah*).

LDII juga mengkritik pendapat tentang iman dalam batas *tasdiq* semata. Demikian pula bahawa iman penuturan dengan lisan, meski dalam hati seseorang itu kufur, dan iman dalam mengenal agama melalui hati dan menuturkan secara lisan; sedangkan amal bukan sebagai iman tetapi sebagai syari'at iman itu sendiri. Menurut LDII kerana bila iman dengan semata-mata *tasdiq*, iman tidak dapat bertambah atau berkurang, kerana dalam ayat-ayat al-Qur'an dan hadith, bukan hanya unsur *al-tasdiq* atau *i'tikad* sahaja, tetapi pada unsur *amal*. Sebagai mendukung pendapatnya, bahawa iman mesti mengandungi unsur *al-amal* LDII mengemukakan beberapa ayat dan hadith Nabi s.a.w sebagai berikut:

لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُولُوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ

¹²⁸ LDII, Makalah 2007, *op.cit.*, h. 80

وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ
وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ
أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ

Ertinya: “Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke arah timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang sabil. orang-orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertaqwa

Sūrah al-Baqarah (2): 177

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ مَثَلِهَا ^ص وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا تُجْزَىٰ إِلَّا مِثْلَهَا
وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ

Ertinya: “Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka bahaginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikitpun)”.

Surah al-An'am (6): 160

Adapun hadith Nabi s.a.w sebagai berikut:

هُرَيْرَةُ قَالَ حَدَّثَنَا عُمَرُو النَّافِدُ حَدَّثَنَا كَثِيرُ بْنُ هِشَامٍ حَدَّثَنَا جَعْفَرُ بْنُ بُرْقَانَ عَنْ يَزِيدَ بْنِ الْأَصَمِّ عَنْ أَبِي
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى لُؤْيِكُمْ
وَأَعْمَالِكُمْ¹²⁹

¹²⁹ Muslim, *op.cit.*, Hadith Nombor 4651

Ertinya: “Telah menceritakan kepada kami 'Amru An Nāqid; Telah menceritakan kepada kami Katsir bin Hishām; Telah menceritakan kepada kami Ja'far bin Burqān dari Yazīd bin Al Asham dari Abu Hurairah dia berkata; Rasūlullah ṣallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa dan harta kalian, tetapi Allah melihat kepada hati dan amal kalian."

Merujuk daripada ayat-ayat dan hadith, yang dimajukan oleh LDII bahawa iman yang sempurna harus disertai dengan *al-amal*. Kerana amal menurut LDII merupakan perwujudan daripada ketundukkan terhadap keyakinan dan ikrar keimanan dengan lisan. Oleh itu, keimanan yang tidak disertai *al-amal* tidak memberi erti yang sesungguhnya. Pandangan LDII terlihat dalam menetapkan unsur-unsur yang perlu diamalkan dalam setiap pekerjaan, iaitu dengan merujuk kepada firman Allah dalam sūrah al-Bayinah ayat 5 sebagai berikut:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا
الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ ﴿٥﴾

Ertinya: “Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. dan yang demikian itulah agama yang benar”.

Sūrah al-Bayinah 98:5

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ۗ

Ertinya: ”Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam”.

Sūrah Ali Imrān (3): 19

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا ۗ

Ertinya: “Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bahagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu”

Sūrah al-Maidah (5): 3

Berdasarkan ayat-ayat yang dipergunakan sebagai asas oleh LDII dapat diambil kesimpulan bahawa keikhlasan, menunaikan shalat, membayar zakat adalah agama yang lurus. Agama yang lurus itu adalah agama Islam. Dengan demikian bahawa amal ibadah dalam segala bentuknya ialah Islam. Lebih lanjut, keimanan dalam pandangan LDII boleh diterima oleh akal sampai mencapai tingkat keyakinan yang teguh tidak digoncangkan oleh kebimbangan dan keraguan. Oleh itu, keimanan harus sejalan dengan ketundukan hati, kepatuhan kemahuan dan kerelaan menjalankan perintah dan putusan dengan kejujuran hati.¹³⁰ Demikian pula keimanan itu harus menggambarkan budi pekerti yang baik dan amal yang berguna sebagai pemisah antara orang-orang beriman dengan orang-orang kafir.¹³¹

Jadi kefahaman LDII tentang keimanan bukan sahaja merupakan konsep keyakinan dalam hati, ucapan dengan lisan dan amal dengan perbuatan yang boleh dilihat dengan mata zahir melainkan keimanan yang sesungguhnya adalah perpaduan keyakinan dengan hati, ucapan dengan lisan dan amal perbuatan yang dilaksanakan dengan keikhlasan, kepatuhan, ketundukan serta kerelaan menjalankan perintah Allah yang berhujung pada amal salih. Pandangan LDII selari dengan pandangan Muhammad bin Salih al-‘Utsaimin yang menyatakan bahawa iman ialah pengakuan yang melahirkan sikap menerima dan tunduk. Menurut beliau erti demikian sejalan dengan makna iman dalam istilah syari’at. Dan beliau mengkritik orang yang memakai iman secara bahasa hanya sekedar membenaran hati (*tashdiq*) sahaja tanpa ada unsur

¹³⁰ Ertinya: “Maka demi Tuhanmu (Wahai Muhammad)! mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan Engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah Engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya” (Sūrah al-Nisā 4: 65).

¹³¹ Ertinya: “Sesungguhnya berjajalah orang-orang yang beriman, 2. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya; 3. dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia; 4. dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu); 5. dan mereka yang menjaga kehormatannya” (Sūrah-Mu’minūn 23: 1-5).

menerima dan tunduk.¹³² Kata iman adalah *fi'il lazim* sedangkan *tasdiq fi'il muta'ddi* yang memerlukan obyek.

Dengan kesimpulan tersebut bahwa keimanan merupakan rangkaian daripada ikrar dengan lisan, keyakinan di dalam hati dan amal dalam perbuatan menunjukkan bahwa konsep tentang iman LDII mempunyai persamaan dengan pandangan salafiyah dan Ahlussunah wa al-Jamaah.

3.4.2 Pelaku Dosa Besar


Perbincangan tentang pelaku dosa besar (*murtakib al-Kabair*) muncul pertama kali dalam hubungkait dengan perkara iman dan *kufr*. Kaum Khawarij mengkafirkan para pelaku tahkim dengan alasan mereka itu melakukan dosa besar, maka meluaskan pembicaraan di kalangan mutakalimin tentang status dosa besar, apakah masih tetap dalam iman dan Islam atau telah kafir.

Dalam hubungan dengan perkara dosa besar, dapat dibezakan kepada tiga kefahaman. *Pertama*, kaum Khawarij berpendapat bahawa pelaku dosa besar adalah kafir, telah keluar dari Islam. *Kedua*, kaum Murji'ah berpendapat bahawa pelaku dosa besar tetap mukmin, tidak terkeluar dari Islam. Pendapat Murji'ah kemudian dianuti oleh jumhur Muslimin dan aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, Ash'āriah, dan Maturidiah. Murjiah ekstrem bahkan berpendapat bahawa kemaksiatan tidak merusak iman, sebagaimana kebaikan tidak bermanfaat bahagi kekufuran. *Ketiga*, kaum Mu'tazilah, menurutnya pelaku dosa besar bukan mukmin dan bukan pula kafir, melainkan berada pada status diantara keduanya (*al-manzilah bain al-mazilatain*).

¹³² Syaikh Muhammad bin Salih al-'Utsaimin (2011), *Syarh Arba'in an-nawawiyah*, al-Qasim : Mu'assasat al-Shaykh Muhammad ibn Salih al-'Uthaymin al-Khayriyah, h.34

Ketiga pendapat tentang pelaku dosa bila dihubungkan dengan perkara janji dan ancaman (*al-wa'd wa al-wa'id*) dapat diringkas menjadi dua pandangan. *Pertama*, kerana pelaku dosa besar tersebut dipandang kafir oleh kaum Khawarij dan dinilai fasik oleh Mu'tazilah, maka kelak diakhirat akan masuk neraka. *Kedua*, kerana masih dipandang tetap mukmin, oleh kaum Murji'ah pelaku dosa besar akan masuk syurga. Tetapi menurut Murji'ah moderat, dan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah, seorang pelaku dosa besar, bila dosa besarnya tidak diampuni oleh Allah, harus menjalani siksa neraka terlebih dahulu, kemudian keluar darinya dan masuk surga.

Dalam pembahasan tentang pelaku dosa besar LDII juga memasukan kedalam tema janji dan ancaman (*al-wa'd wa al-wa'id*). Sesuai dengan asas berakidah (al-Qur'an dan Hadith), LDII berupaya memperlakukan secara adil terhadap pelaku dosa besar sesuai ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith. Dalam hal ini, LDII memadukan antara ayat-ayat yang memuat ancaman dan yang menjanjikan pengampunan serta yang menyatakan adanya perhitungan (*hisab*) serta penimbangan (*mizān*) amal seseorang di akhirat kelak sebagaimana dalam kitab "*Ṣifat al-Jannah wa al-Nār*".¹³³ Sebagaimana firman Allah:



Ertinya: "Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk pada) hari kiamat; maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikitpun; dan jika (amalnya) itu seberat biji sawi (sekalipun), nescaya Kami akan mendatangkannya (untuk ditimbang dan dihitung); dan cukuplah Kami sebagai penghitung".

Surah al-Anbiya' (21):47

¹³³ Lihat, LDII (t.t.) Kitab al-Jannah wa al-Nār, *op.cit.*, h. 23

وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ

Ertinya: “Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bahagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya;

Surah an-Najm (53): 47

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧٠﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ

Ertinya: “Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!. Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!”

Surah al-Zalzalah (99): 7-8

مَنْ عَمِلْ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا ۗ وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّامٍ لِلْعَبِيدِ ﴿٤٦﴾

Ertinya: “Sesiapa yang mengerjakan amal soleh maka faedahnya akan terpulung kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri; dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambanya”.

Sūrah Fusilat (41): 46

Berdasarkan beberapa ayat-ayat di atas, LDII berkesimpulan bahawa kejahatan, termasuk dosa besar, tidak menghapuskan amal kebaikan dan iman tidak menggurukan dosa besar yang dilakukan oleh seseorang mukmin. Ayat-ayat tersebut, menurut LDII membatalkan pendapat yang menyatakan pelaku dosa besar kekal di neraka dan sekaligus membatalkan pendapat yang menggurukan atau memandang tidak berlakunya ancaman Allah secara keseluruhan. Selanjutnya menurut LDII terhadap orang mukmin yang melakukan dosa besar dan kemudian melalukan taubat *nasuha*, maka diampuni oleh Allah dan menjadi ahli syurga. Pandangan mereka sebagaimana firman Allah:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا تَوْبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنْكُمْ
سَيِّئَاتِكُمْ وَيُدْخِلَكُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ يَوْمَ لَا يُخْزِي اللَّهُ
النَّبِيَّ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَهُ نُورُهُمْ يَسْعَىٰ بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَبِأَيْمَانِهِمْ يَقُولُونَ
رَبَّنَا أَتْمِمْ لَنَا نُورَنَا وَاغْفِرْ لَنَا إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٨﴾

Ertinya: "Wahai orang-orang yang beriman! bertaubatlah kamu kepada Allah dengan "taubat nasuha", mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, pada hari Allah tidak akan menghinakan Nabi dan orang-orang yang beriman bersama-sama dengannya; cahaya (iman dan amal soleh) mereka, bergerak cepat di hadapan mereka dan di sebelah kanan mereka (semasa mereka berjalan); mereka berkata (ketika orang-orang munafik meraba-raba dalam gelap-gelita): "Wahai Tuhan kami! sempurnakanlah bahagi Kami cahaya kami, dan limpahkanlah keampunan kepada kami; sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu".

Sūrah al-Tahrim (66): 8

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ مَنِيعٍ حَدَّثَنَا زَيْدُ بْنُ الْحُبَابِ حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ مَسْعَدَةَ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ أَنَسٍ قَالَ

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّ بَنِي آدَمَ خَطَّاءٌ وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ

Ertinya: "Telah menceritakan kepada kami Ahmad bin Manī' telah menceritakan kepada kami Zaid bin Hubāb telah menceritakan kepada kami Ali bin Mas'adah dari Qatādah dari Anas dia berkata; Rasūlullah s.a.w. bersabda: "Semua bani Ādam pernah melakukan kesalahan, dan sebaik-baik orang yang salah adalah yang segera bertaubat."¹³⁴

Merujuk kepada al-Qur'an dan hadith terhadap amal dan dosa yang telah diperbuat di dunia, LDII membahagi manusia di akhirat menjadi empat golongan. *Pertama*, sesiapa yang bertaubat *naṣuḥa* dari atau tanpa dosa besar sama sekali, maka ia masuk syurga. *Kedua*, sesiapa yang kebanyakannya melebihi dosa besar yang dilakukan, maka segala dosanya akan diampuni dan ia termasuk ahli syurga. *Ketiga*, sesiapa yang

¹³⁴ Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Hadith No. 4241

kebaikannya seimbang dengan dosa besar dan kemaksiatan lainnya, maka ia berhenti sementara masa di *A'raf*, tempat tinggi antara syurga dan neraka sebelum dimasukkan ke dalam syurga. *Keempat*, sesiapa yang dosa besar dan kejahatannya melebihi kebaikannya, maka orang ini dihukum di dalam neraka sesuai dosanya, kemudian di keluarkan dari neraka untuk dimasukkan ke dalam syurga.

Kembali kepada permasalahan dosa besar terbahagi kepada dua pendapat iaitu orang yang melakukan dosa besar adalah kafir atau tetap mukmin. Merujuk kepada pendapat LDII di atas, maka orang yang melakukan dosa besar tidak membuat seseorang terkeluar dari Islam atau menjadi kafir. Menurut LDII kerana terdapat pelbagai dosa besar dan berperingkat, sehingga tidak langsung orang yang berdosa besar kekal di neraka. Menurut LDII berbeza dosa besar kerana perbuatan *kufur millah*, maka ia merupakan dosa besar yang terbesar dan pelakunya diancam dengan siksa kekal dalam neraka. Sedangkan dosa-dosa besar selain kufur maka ia tidak kekal di dalam neraka.

Jadi menurut LDII di atas, dosa besar tidak menjadikan seorang mukmin yang melakukannya menjadi kafir dalam erti keluar dari Islam. Dosa besar yang mengeluarkan seseorang dari Islam dan menjadi kafir ialah kekufuran dari *millah*. Pandangan LDII ini sejalan dengan Muhammad bin Salih al-‘Utsaimin yang berhati-hati untuk menetapkan kekafiran meskipun seseorang telah mengamalkan perbuatan yang medekatkan daripada kekafiran. Sebagaimana penjelasan terhadap firman Allah dalam surah al-Maidah ayat 44 (kafir)¹³⁵, ayat 45 (dhalim)¹³⁶ dan ayat 47 (fasik)¹³⁷. Pandangan ‘Utsaimin bertitik tolak daripada sabda Rasulullah bahawa perkara takfir merupakan

¹³⁵ Barangsiapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang kafir. Lihat sūrah al-Maidah 44

¹³⁶ Barangsiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim. Lihat sūrah al-Maidah 45

¹³⁷ Barangsiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang fasik. Lihat sūrah al-Maidah 47

perkara yang amat mendasar yang mengingatkan untuk tidak mudah menuduh kafir kepada saudaranya. Sebab apabila tuduhan kafir tidak benar, maka akan berbalik kepada yang menuduhnya.¹³⁸ Merujuk pandangan LDII mengenai dosa besar dan takfir mengambil jalan tengah dengan mengembalikan daripada putusan Allah terhadap amal perbuatan yang dilakukannya.

3.4.3 Kebebasan berkehendak (*af'al al-'Ibad*)

Tema lain yang berhubungkait dengan permasalahan akidah ialah tentang perkara manusia, bahkan yang pertama muncul, dan menjadi topik perbincangan hangat di kalangan *mutakallimin* sejak dahulu sampai sekarang adalah perbuatan manusia. Masalah perbuatan manusia ini juga berhubung erat dengan akidah *tawhīd*, aspek *waḥdāniyyah al-Khāliq*, dan masalah keadilan dalam pertanggungjawaban manusia atas segala perbuatannya di akhirat.

Sebagaimana diketahui bahawa akidah tawhid aspek *waḥdāniyyah al-Khāliq*, yang disepakati oleh seluruh umat Islam terkandung implikasi pokok bahawa Allah adalah pencipta segala sesuatu (*inna Allāha 'ala kulli sya'in qadīr*), tidak ada sesuatu pun di alam ini terwujud tanpa diciptakan Allah. Allah Maha Kuasa dan bebas apa yang dikehendaki.

Namun di sebalik tawhid *waḥdāniyyah al-Khāliq*, muncul persoalan di sekitar perbuatan manusia. Perbincangan perbuatan manusia melahirkan dua faham yang bertentangan satu sama lain. Pertama, aliran Jabariyah yang dipelopori oleh Jahm Ibn Ṣafwan (m.128 H.) berfaham bahawa manusia serba terpaksa di dalam perbuatannya, ia tidak mempunyai daya dan kehendak serta tidak memiliki pilihan bebas.¹³⁹ Jadi,

¹³⁸ Syaikh Muḥammad bin Ṣāliḥ al-'Utsaimin (2002), *Kitāb al-Qaul al-Mufīd 'Ala Kitāb al-Tawhid*, Juz. 2, al-Dammam : Dār Ibn al-Jawzi, 2002 h. 266-272

¹³⁹ Jabariyah berasal dari kata *jabara*, bererti memaksa atau terpaksa. Secara terminology bererti meniadakan perbuatan manusia dalam erti yang sesungguhnya (*nafy al-fi'l 'an al-'abd*) dan menyandarkan perbuatan itu kepada Tuhan.

perbuatan manusia pada hakikatnya adalah perbuatan Tuhan. Lebih ekstrem terdapat di kalangan Jabariyah mengatakan bahawa Allah menciptakan perbuatan manusia di dalam diri manusia seperti halnya pada seluruh benda mati. Keadaan manusia disamakan dengan keadaan benda mati seperti, bulu yang terbang ditiup angin ke sana ke mari.¹⁴⁰

Sebaliknya aliran Qadariyyah, yang dipelopori oleh Ma'bad al-Juhani dan Ghailan al-Damsyiqi, berpendapat bahawa manusia mempunyai kebebasan di dalam perbuatannya. Perbuatan terjadi atas kehendak bebas dan oleh daya sendiri. Manusia di dalam perbuatannya sama sekali tidak terikat kepada kehendak Tuhan. Jadi perbuatan manusia adalah perbuatan manusia sendiri, bukan perbuatan Tuhan.¹⁴¹

Perdebatan tentang perbuatan manusia diperbincangkan pula oleh aliran kalam yang lahir kemudian, iaitu oleh Mu'tazilah dan al-'Ash'airah. Namun pendapat yang dikemukakan oleh dua aliran ini pada dasarnya tidak berbeza dengan faham Jabariyyah dan Qadariyyah. Mu'tazilah menganut dan lebih kuat mempertahankan faham Qadariyyah sedangkan kaum al-'Ash'airah agak condong kepada aliran Jabariah.

Menurut analisis Harun Nasution, faham Mu'tazilah tentang perbuatan manusia mempunyai daya lebih besar lagi bebas menganut faham *Qadariyyah* dan *free will*.¹⁴² Seorang tokoh yang dipandang mewakili pandangan Mu'tazilah adalah Qadi al-Jabbār, yang menyatakan bahawa perbuatan manusia bukan diciptakan oleh Tuhan pada diri manusia, tetapi manusia sendiri yang mewujudkan perbuatannya.¹⁴³ Lebih lanjut oleh Harun Nasution, kerana begitu terkenal faham kebebasan berbuat ini kalangan Mu'tazilah disebut sebagai kaum *Qadariyyah* meskipun mereka tidak setuju dengan julukan ini.

¹⁴⁰ Al-Shahrastānī (t.t.), *Milal wa Nihal*, Beirut: Dar al-Fikr, h. 87

¹⁴¹ Muhammad Abū Zahrah (t.t.), *Tarikh al-Mazāhib al-Islāmiyyah*, Kairo: Dār al-Fikr al-'Arabi, h. 124

¹⁴² Harun Nasution (1986), *op.cit.*, h. 102 Lihat Shahrastānī, *op.cit.*, h. 81

¹⁴³ Qadi Abd al-Jabbār, *op.cit.*, h. 323

Pandangan Muktazilah berasaskan kepada dalil *aqli* dan *naqli*. Secara rasional mereka beralasan bahawa perbuatan Tuhan mesti baik. Sedangkan perbuatan manusia itu ada yang baik dan ada pula yang jahat. Oleh sebab itu perbuatan manusia jelas perbuatan manusia, bukan perbuatan Tuhan.¹⁴⁴ Dalil *naqli* yang dijadikan sandaran ialah firman Allah:

الَّذِي أَحْسَنَ كُلَّ شَيْءٍ خَلَقَهُ

Ertinya: “Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaik-baiknya”

Sūrah al-Sajadah (32):7

Al-‘Ash’āirah dalam aspek perbuatan manusia sesuai dengan prinsip *wahdaniyah al-Khaliq* berpendapat bahawa manusia merupakan makhluk yang lemah, serba tergantung kepada kekuasaan mutlak Tuhan termasuk di dalam masalah perbuatan. Oleh itu, perbuatan manusia adalah diciptakan oleh Tuhan.¹⁴⁵ Pandangan al-Ash’ari diperkuat dengan firman Allah:

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Ertinya: "Padahal Allah yang mencipta kamu dan benda-benda yang kamu buat itu!".

Sūrah al-Shaffat(37): 96

Untuk menggambarkan peranan manusia dalam perbuatan, al-‘Ash’āri mengajukan teori *al-kasb*. Menurutnya di atas *al-kasb* ini berlaku pertanggung-jawapan manusia. Pengertian *al-iktisab*, menurut al-‘Ash’āri ialah bahawa sesuatu terjadi dengan perantara daya yang diciptakan dan dengan demikian menjadi perolehan (*kasb*) bahagi manusia, yang dengannya suatu perbuatan terbit. Namun teori *kasb*, oleh para ahli

¹⁴⁴ *Ibid*, h. 357

¹⁴⁵ Al-Ash’ari, Kitab al-Luma, *op.cit.*, h. 69

kalam dipandang tidak menggambarkan peran aktif manusia; kerana daya manusia dipandang tidak efektif.¹⁴⁶

Alasan yang diajukan oleh al-‘Ash’āri, Tuhan menghendaki segala yang mungkin dikehendaki. Dalil yang dijadikan asas permasalahan *al-iktisab* ialah firman Allah:

وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا

Ertinya: “Dan tiadalah kamu berkemahuan (melakukan sesuatu perkara) melainkan dengan cara yang dikehendaki Allah; Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana (mengaturkan sebarang perkara yang dikehendakiNya)”.

Sūrah al-Insān (76): 30

Mengenai pemberian daya pada manusia, al-‘Ash’āri mengatakan bahawa daya tersebut diberikan Tuhan bersamaan dengan dan hanya untuk satu perbuatan.¹⁴⁷ Jadi dengan pendapat ini, perbuatan manusia ialah perbuatan manusia secara *majāzi*, namun pada hakikatnya adalah perbuatan Tuhan dengan kehendak Tuhan.

LDII dalam merumuskan kehendak dan perbuatan manusia merujuk kepada keyakinan terhadap *qada* dan *qadar*. Dengan kefahaman terhadap *Qada* dan *Qadar* menurut LDII bahawa segala sesuatu telah ditetapkan oleh kodrat dan iradat Allah swt. Hal tersebut sebagaimana pandangannya terhadap konsep *tawakal*. Menurut LDII tawakal ialah percaya kepada Allah dan mengetahui pasti bahawa sesungguhnya ketentuan Allah itu pasti berlaku terus dan mengikuti Sunah Nabi-Nya serta berusaha tidak boleh tidak harus dilakukan (misalnya makan dan minum) dan berjaga-jaga dari kejahatan musuh seperti halnya yang telah dilakukan oleh para nabi.¹⁴⁸

¹⁴⁶ Al-Shahrastānī, *op.cit.*, h. 97

¹⁴⁷ Al-Luma, *op.cit.*, h. 57

¹⁴⁸ LDII, *Makalah LDII 2007*, h. 94

Lebih lanjut dalam merumuskan konsep kehendak perbuatan manusia, berpendapat bahawa:

“Tidak sah bertawakal bersama berpalingnya hati dan *tuma'ninah*nya hati terhadap sebab. Sebab musabab yang timbul itu sebagai sunatullah dan hikmahnya, semuanya tidak bisa memberi manfaat atau *mudharat*, terserah kepada Allah. Ketahuilah sesungguhnya tempat tawakal itu di dalam hati dan gerak secara lahiriah itu tidak menghilangkan tawakal hati seorang hamba bahawa sesungguhnya takdir itu pekerjaan Allah Azza wa Jalla, maka jika terjadi kesulitan itu sebab takdir Allah dan jika terjadi kemudahan juga sebab takdir Allah Azza wa Jalla.”¹⁴⁹

Menurut pandangan LDII di atas, bahawa segala sesuatu perbuatan manusia dipengaruhi oleh adanya kekuasaan Allah. Dalam hal ini kata-kata “semua tidak bisa memberi manfaat atau mudharat terserah Allah” dan “sesungguhnya takdir itu pekerjaan Allah, maka jika terjadi kesulitan itu sebab takdir Allah dan jika terjadi kemudahan juga sebab takdir Allah”. Pemahaman ini memberi erti bahawa segala perbuatan dan usaha dijadikan Allah. Asas ini sebagaimana firman Allah:

.... وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ تَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ ﴿٣﴾ إِنَّ اللَّهَ بَلِّغُ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ﴿٤﴾

Ertinya: “....Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan bahaginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya). Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah bahaginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan Segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bahagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.

Sūrah al-Talaq ():2-3

Merujuk daripada ayat di atas, menurut LDII bahawa segala sesuatu yang terjadi, kerana kodrat dan iradat dan ilmu Allah swt. Dengan pandangan ini mempunyai erti

¹⁴⁹ *Ibid.*, h. 95

segala perbuatan Allah yang mencipta, memberikan rezeki, rahmat dan menyiksa merupakan kehendak bebas dan kekuasaan mutlak daripada Allah swt. Memandangkan kepada keyakinan tersebut, maka kehendak dan perbuatan manusia merupakan kodrat dan iradat Allah.

Meski LDII mempunyai kefahaman bahawa segala sesuatu telah ditetapkan namun tidak serta merta semua perbuatan yang terbit adalah perbuatan Tuhan sebagaimana *Jabariah*. Kerana Allah menciptakan manusia sebagai makhluk yang istimewa dibanding dengan makhluk lain, ia dibekalkan akal fikiran serta diperlengkapi dengan kodrat iradat. Dengan Kodrat manusia dapat mengerjakan sesuatu yang diinginkan, perbuatan ini dinamakan dengan perbuatan *ikhtīari*. Dan ada pula gerak manusia yang di luar iradatnyanya yang dinamakan dengan gerak terpaksa. Dalam aspek perbuatan manusia ini, LDII lebih cenderung mengambil jalan tengah ertinya dalam mewujudkan kehendak dan perbuatan ada dua peran iaitu Tuhan dan manusia. Kefahaman ini nyata jelas dalam anjuran untuk bertawakal kepada Allah baik dalam ibadah mahupun berusaha. Dalam tawakal manusia diperintahkan untuk berusaha dengan segenap kemampuan dan setelah itu hasilnya di serahkan kepada Allah. Demikian dalam memilih keselamatan masuk syurga atau neraka. Pandangan mereka merujuk kepada firman Allah sebagai berikut:

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ تَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ۖ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۚ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ بَلِغُ أَمْرِهِ ۗ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ۖ

Ertinya: “Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan bahaginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya). Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah bahaginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan

Segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bahagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.”

Sūrah al-Talāq (65): 2-3

وَتِلْكَ الْجَنَّةُ الَّتِي أُورِثْتُمُوهَا بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Ertinya: “Dan (dikatakan lagi kepada mereka): "Inilah syurga yang diberikan kamu mewarisinya, disebabkan apa yang kamu telah kerjakan".

Sūrah az-Zukhruf (43) :72

وَلِكُلِّ دَرَجَةٍ مِّمَّا عَمِلُوا وَمَا رُبُّكَ بَغْفِيلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ

Ertinya: “Dan bahagi tiap-tiap seorang (dari manusia atau jin), beberapa darjat (tingkatan balasan) disebabkan (amal baik atau jahat) yang mereka telah kerjakan; dan (ingatlah) Tuhanmu tiadalah lalai dari apa yang mereka lakukan”.

Sūrah al-An'am (6) :132

مَنْ عَمِلْ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّامٍ لِلْعَبِيدِ

Ertinya: “Sesiapa yang mengerjakan amal soleh maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri; dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hambahambanya”.

Sūrah Fushilat (41): 46

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا ۖ وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَىٰ إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ

Ertinya: “Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka bahaginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikit pun)”.

Sūrah al-An'am (6): 160

Merujuk daripada dalil yang dipergunakan LDII dalam memahami kehendak dan perbuatan manusia, diperoleh gambaran bahawa amal perbuatan manusia itu diusahakan oleh manusia sendiri namun hasil akhir dari setiap perbuatan manusia tersebut adalah Allah yang menentukan. Hal ini sebagaimana anjuran untuk bertawakal dan berusaha baik untuk urusan dunia mahupun akhirat seperti; memilih syurga atau neraka, baik atau jahat kesemuanya dikembalikan pilihan kepada manusia.

Dengan kefahaman ini LDII berfaham bahawa perbuatan diciptakan oleh manusia sendiri tetapi untuk terwujudnya perbuatan dan hasilnya tergantung kepada kodrat dan iradat Tuhan. Kefahaman sedemikian LDII mempunyai kecenderungan kepada al-‘Ash’āirah bahawa perbuatan manusia merupakan majazi dari pada perbuatan Tuhan. Pandangan LDII selari juga dengan pandangan Muhammad bin Salih al-‘Utsaimin beriman kepada takdir bukan bererti meniadakan kehendak dan kemampuan manusia untuk berbuat. Hal itu kerana dalil syari’at dan realita yang ada menunjukkan bahawa manusia memiliki kehendak untuk melakukan sesuatu tetapi semua usaha yang dilakukan manusia kembali kepada keputusan Allah S.W.T.¹⁵⁰

3.5 Kenabian (*Al-Nubuwwah*)

Dalam istilah ‘Arab perkataan ‘*nabi*’ dipergunakan dalam dua bentuk. *Pertama* perkataan *nabi* berakhir dengan huruf *hamzah*, dan *kedua*, berakhir tanpa *hamzah*. Menurut Ibn Durayd, kata *nabi* yang berakhir dengan huruf *hamzah* memberi erti khabar atau berita.¹⁵¹ Ibn Manzur memahami perspektif yang pertama dengan mengajukan dari beberapa dalil al-Qur’an seperti pada Sūrah al-Naba’ (78):1-2¹⁵² al-

¹⁵⁰ Muhammad bin Ṣāliḥ al-‘Utsaimin, *Syarḥ al-‘Aqīdah al-Wasatīyah*, Dar Ibnul Jauzi, h. 551 Lihat Muhammad bin Ṣāliḥ al-‘Utsaimin (1992), *Taqrī Tadmuriyah*, al-Qahirah : Maktabat al-Sunnah, h. 86-87

¹⁵¹ Ibn Durayd, *Jamharah al-Lughah*, Jilid III, Baghdad: Maktabah al-Muṭana, h.211 Lihat Al-Baghdadi, *op.cit.*, h.222

¹⁵² Ertinya: Tentang Apakah mereka saling bertanya-tanya? Tentang berita (*al-naba*) yang besar.

Tahrim (66):3¹⁵³ al-Hijr (15):49¹⁵⁴ bahawa kata *nabi* bermaksud seseorang yang dikenali menyampaikan berita yang diwahyukan oleh Allah kepada manusia lain. Selanjutnya kata *nabi* yang berkhir dengan *hamzah* berasal dari istilah *al-nabwah* atau *nabawah* yang bererti ketinggian daripada sekalian isi bumi.¹⁵⁵

Menurut Ibn Durayd berpendapat sebaliknya, bahawa kata *nabi* berasal dari perkataan *al-nubuwwah* dengan pengertian yang sama.¹⁵⁶ Demikian pendapat juga Qahtan Abdurahman al-Durri, ia berasal daripada kata *al-nubuwwah* dengan erti tempat atau tanah tinggi. Hal itu kerana nabi berada pada kedudukan yang tinggi berbanding sekalian manusia, juga makhluk lain di muka bumi ini.¹⁵⁷ Al-Rāghib menjelaskan *al-nubuwwah* merujuk kepada para *nabi* yang menjadi perantara di antara Allah dengan orang-orang yang berakal daripada kalangan hamba-Nya dengan tujuan mengenyahkan alasan mereka di dalam segala urusan yang melibatkan kehidupan dunia akhirat.¹⁵⁸ Merujuk pengertian dari sudut bahasa perkataan *nabi* mempunyai erti *pertama*, merujuk kepada orang yang menyampaikan berita dan *kedua*, merujuk kepada orang yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan mulia.

Dari sudut istilah perkataan *nabi* terdapat perbezaan dikalangan ulama yang dihubungkan dengan perkataan *al-nubuwwah*, *al-kitab* dan *al-hukm*, namun terdapat satu persamaan iaitu cara penerimaan wahyu daripada Allah SWT sebagai ciri utamanya. Terlepas dari perbezaan pandangan tersebut *al-Nubuwwah* di sini dimaksudkan memperbincangkan tugas daripada kenabian atau kerasulan yang dilakukan oleh seorang nabi atau rasul.

¹⁵³ Ertinya: "Siapakah yang memberi tahu (*al-naba*) hal ini kepada tuan?" Nabi menjawab: "Aku diberitahu oleh Allah Yang Maha Mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuannya (tentang Segala perkara Yang nyata dan Yang tersembunyi)".

¹⁵⁴ Ertinya: Khabarkanlah kepada hamba-hambaKu (Wahai Muhammad), bahawa Akulah Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani (bagi mereka Yang bertaubat dan beramal soleh).

¹⁵⁵ Ibn Manzūr, *op.cit.*, h. 162

¹⁵⁶ Ibn Durayd, *op.cit.*, h. 211

¹⁵⁷ Qahtan 'Abd al-Rahmān al-Duri dan Muḥammad 'Ilyan, *op.cit.*, 204

¹⁵⁸ Al-Rāghib, *op.cit.*, h. 195

Dalam isu perbahasan *al-nubuwwah* umumnya membahas mengenai kepentingan dan keperluan manusia kepada risalah atau perutusan rasul, mukjizat, dan kemaksuman para nabi. Maka berkait dengan *al-nubuwwah* dalam kefahaman LDII di sini dibicarakan tentang perutusan Nabi dan hakikat kenabian sahaja

3.5.1 Perutusan Nabi

Pengiriman rasul bahagi manusia ialah berlatar belakang daripada manusia sendiri sebagai makhluk yang memiliki keterbatasan meskipun manusia sebagai makhluk yang mulia. Keistimewaan dan kemuliaan tersebut terletak pada akal fikiran yang membezakan di antara kebaikan dan keburukan. Meskipun demikian akal manusia memiliki keterbatasan dalam hal-hal tertentu. Oleh kerana keterbatasan Allah mengangkat rasul sebagai pembimbing dan pemimpin manusia di dunia.

Terhadap perutusan nabi atau rasul, kebanyakan ulama berpendapat adalah suatu kemestian (*darurah*) untuk membantu manusia mengendalikan kehidupan mereka dengan baik dan sempurna. Pendapat mereka saling berkait rapat dengan keterbatasan akal dalam memahami semua aspek, meliputi perkara yang nyata mahupun yang ghaib.¹⁵⁹ Kaum, Mu'tazilah, dengan faham bahawa Allah wajib berbuat baik dan terbaik untuk manusia (*al-Ṣalah wa al-Aṣalah*), berpendapat bahawa pengiriman nabi ialah wajib hukumnya bahagi Allah.¹⁶⁰ Alasan bahagi kaum Mu'tazilah kerana keadaan akal tidak mengetahui segala yang harus diketahui manusia tentang Tuhan dan alam ghaib. Oleh itu Tuhan berkekhlasan berbuat baik dan terbaik bahagi manusia, wajiplah bahagi Tuhan untuk mengirim Rasul-rasul kepada umat manusia. Tanpa pengiriman Rasul-rasul,

¹⁵⁹ Wan Zailan Wan Kamaruddin Wan Ali (1997), *Hakikat Kenabian Menurut al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Berita Publishig SDN BHD, h.35

¹⁶⁰ Lihat 'Abd al-Jabbār, *op.cit.* h. 564; Harun Nasution, *op.cit.*, h. 130

manusia tidak akan dapat memperoleh hidup baik dan terbaik, baik di dunia maupun di akhirat.¹⁶¹

Sedangkan kaum al-‘Ash‘ariyyah, dengan faham mereka bahawa Allah sama sekali bebas berkekhlasan apa pun di dalam perbuatan-Nya. Bahagi al-‘Ash‘ariyyah pengirisan Rasul-rasul atau nabi-nabi tidak wajib, melainkan mungkin (*jaiiz*) hukumnya bahagi Allah,¹⁶² kerana hal itu bercanggah dengan keyakinan mereka bahawa Tuhan tidak mempunyai kekhasan apa-apa terhadap manusia. Faham serupa ini dapat membawa kepada akibat tidak baik. Sekiranya Tuhan tidak mengutus Rasul-rasul kepada umat manusia, hidup mereka akan mengalami kekacauan, kerana tanpa wahyu manusia tidak dapat membezakan perbuatan baik daripada perbuatan buruk.

Al-Mawardi, mengatakan bahawa nabi dan rasul merupakan suatu tambahan kepada akal untuk menetapkan kekhasan menurut perintah Allah berdasarkan kemampuan pemikiran manusia. Mereka bertindak sebagai hakim yang membuat penentuan dan keputusan kerana manusia tidak dapat mencapai atau memahami sesuatu dengan semata-mata berpandukan kemampuan diri mereka yang terbatas.¹⁶³ Murtaḍha Muthahhari berpendapat bahawa perutusan rasul dan nabi kerana *pertama*, untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi masyarakat dalam aspek yang berkaitan dengan kehidupannya, yakni undang-undang untuk kehidupan masyarakat. *Kedua*, ialah untuk melenyapkan pelbagai pendapat, pandangan dan akidah yang menyimpang.¹⁶⁴ Dasar yang dipergunakan Murtaḍa dalam aspek perutusan nabi atau rasul ini ialah firman Allah sebagai berikut:

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ

¹⁶¹ *Ibid.*, h. 131

¹⁶² *Ibid.*,

¹⁶³ Lihat Abū Ḥasan ‘Ali Muḥammad al-Mawardi (1901), *A‘lam al-Nubuwwah*, t.tp. h.14

¹⁶⁴ Murtaḍha Muthahhari (2001), *Khatemat, Kenabian Terakhir*, (terj) Muḥammad Jawad Bawaqih, Jakarta: Lentera, h. 72-73

Ertinya: “Manusia itu ialah umat yang satu. (setelah timbul perselisihan), maka Allah mengutus para nabi, sebagai pemberi kabar gembira dan pemberi peringatan”

Sūrah al-Baqarah (2): 213

Berpindah kepada pandangan LDII, hukum perutusan nabi dan rasul, ialah kekuasaan mutlak Tuhan, yang meniscayakan bahawa Allah bebas berbuat yang Ia kehendaki dan bebas berbuat yang Ia tidak kehendaki, dan perbuatanNya terjadi tanpa sebab, serta tidak ada hukum mewajibkan atau membolehkan atau melarangNya untuk berbuat sesuatu.¹⁶⁵ Pandangan LDII tersebut diperoleh daripada ayat-ayat al-Qur’ān yang dipergunakan sebagai dalil perutusan rasul kepada manusia, sebagai berikut:

يَأْتِيهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمُ الرَّسُولُ بِالْحَقِّ مِنْ رَبِّكُمْ فَآمَنُوا خَيْرًا لَكُمْ وَإِنْ تَكْفُرُوا
فَإِنَّ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا

Ertinya: “Wahai manusia (Mereka Kami utus), selaku rasul-rasul pembawa berita gembira dan pemberi peringatan agar tidak ada alasan bahagi manusia membantah Allah sesudah para rasul itu diutus; dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Sūrah al-Nisā’ (4): 170

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَإِنْ مِنْ أُمَّةٍ إِلَّا خَلَا فِيهَا نَذِيرٌ ﴿١٧٠﴾

Ertinya: “Sesungguhnya Kami mengutus kamu dengan membawa kebenaran sebagai pembawa berita gembira dan sebagai pemberi peringatan. Dan tidak ada suatu umatpun telah ada padanya seorang pemberi peringatan.”

Sūrah Fāṭir (35): 24

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ رَسُولٌ فَإِذَا جَاءَ رَسُولُهُمْ قُضِيَ بَيْنَهُمْ بِالْقِسْطِ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ

Ertinya: “Tiap-tiap umat mempunyai rasul; maka apabila telah datang rasul mereka, diberikan keputusan antara mereka dengan adil dan mereka (sedikitpun) tidak aniaya”.

Sūrah Yunus (10) :47

¹⁶⁵ LDII, Khutbah Jum’at, *op.cit.*, h. 7

Pandangan LDII terhadap konsep *an-Nubuwwah* ini sebagaimana pandangan Syaikh Muhammad bin Muhammad Al-Utsaimin bahawa keimanan kepada Rasul terkandung empat unsur didalamnya iaitu:

1. Mengimani bahawa Allah benar-benar mengutus para Nabi dan Rasul. Orang yang mengingkari satu orang rasul sama sahaja mengingkari seluruh Rasul (Surah Asy-Syuara 26: 105)
2. Mengimani nama-nama Nabi dan Rasul yang diketahui dan mengimani secara am nama-nama Nabi dan Rasul yang tidak diketahui
3. Membenarkan berita-berita yang sahih daripada Nabi dan Rasul.
4. Mengamalkan syari'at Nabi dimana Nabi diutus kepada Kita.¹⁶⁶

Berdasarkan dalil ayat-ayat di atas, bahagi LDII pengirisan nabi atau rasul Allah berada pada kategori hukum mungkin. Pandangan tersebut diperkuat dengan firman Allah Q.S. Yunus (10): 47, yang dinyatakan “tiap-tiap umat mempunyai rasul”. Demikian pula dengan firman Allah Q.S. al-Nisā’ (4):170 dan al-Fāṭir (35):24 bahawa perutusan rasul diperlukan sebagai pemberi peringatan, pembawa berita gembira dan menegakkan keadilan di antara manusia. Merujuk kesimpulan ini, pandangan LDII sependapat dengan pandangan al-‘Ash’āriah, bahawa tidak ada sesuatupun yang wajib bagi Allah, Ia tidak wajib berbuat baik atau terbaik untuk manusia. Demikian dengan pendapat al-Mawardi dan Murthada.

3.5.2 Hakikat Kenabian (*al-Nubuwwah*)

Hakikat kenabian dalam pandangan LDII sebagaimana tercermin dalam ungkapan syahadat rasul “Muhammad al-Rasūlullah”, mengandungi pengertian berupa ikrar (penetapan) yang kukuh kepada risalah Nabi Muhammad s.a.w. Sebagai bentuk persaksian kekhasan membenarkan dan mengikuti yang disunahkan oleh Nabi Muhammad s.a.w dalam tugasnya sebagai rasul.

¹⁶⁶ Muhammad bin Ṣālih Al-Utsaimin (2003), *Syarh Tsalatsal Ussul*, (terj) Hawin Murtadlo, Salafuddin Abu Sayyid, Solo: Al-Qowam, h.17

Selanjutnya persaksian kepada Nabi Muhammad menurut LDII bererti bahawa ialah pesuruh Allah, mengandungi pengertian keimanan kepada-nabi-nabi dan rasul-rasul Allah dan kitab-kitab suci yang diturunkannya. Pandangan ini diasaskan daripada alasan bahawa orang yang telah beriman kepada kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. maka dengan sendirinya ia telah bersedia mengakui dan beriman kepada apa yang dibawanya. Keharusan beriman kepada nabi dan rasul, kitab-kita Allah, hari Akhirat termasuk ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Dan terakhir menyakini bahawa Nabi Muhammad s.a.w merupakan penutup para Nabi.

Bahagi LDII penetapan sifat kerasulan yang mesti dimiliki oleh setiap rasul Allah dapat dijadikan landasan bahagi terjaminnya kebenaran dan keabsahan ajaran-ajaran yang mereka bawa. LDII mendukung pendapat yang mengatakan seorang rasul bersifat benar (*siddiq*)¹⁶⁷, dapat dipercaya (*amanah*), cerdas (*faṭānah*)¹⁶⁸ dan menyampaikan (*tabligh*) ajaran-ajaran dan wahyu yang diterimanya dari Tuhan.¹⁶⁹ Demikian juga nabi dan para rasul Allah memiliki sifat *maksum* (terkawal) dari melakukan kesalahan dan dosa, sama ada sebelum juga selepas dilantik menjadi rasul. Dengan pandangan ini, LDII menafikan sifat-sifat Rasul memiliki sifat dusta, khianat, jahil dan sembunyikan.

Selanjutnya menurut LDII dalam kemaksuman para nabi dibekali dengan '*ismah*. Menurut bahasa *ismah* bererti pemeliharaan, pengawasan, perlindungan dan seumpamanya.¹⁷⁰ Sedang menurut istilah bahawa para nabi sama sekali tidak mempunyai kuasa untuk melakukan perbuatan maksiat dan dosa (*maksum*). Sebagaimana firman Allah:

ج وَاللَّهُ يَعِصُكَ مِنَ النَّاسِ ٥

¹⁶⁷ Sūrah Yāsīn 36: 52

¹⁶⁸ Sūrah al-Anbiyā' 21:79, Sūrah Ṣad 38:20

¹⁶⁹ Sūrah al-Mā'idah 5:56 dan 67

¹⁷⁰ Ibn Durayb (1925), *Jamharah al-Lughah* Jilid IV, Baghdad: Maktabah al-Muthanna h. 78

Ertinya: “Dan Allah jualah akan memeliharaku (*ya 'simu*) dari (kejahatan) manusia”.

Sūrah al-Māidah (5): 67

قُلْ مَنْ ذَا الَّذِي يَعْصِمُكَ مِنَ اللَّهِ

Ertinya: “Katakanlah: "Siapakah yang dapat melindungi kamu (*ya 'simu*) dari kemurkaan Allah”

Sūrah al-Ahzab (33): 17

قَالَ سَأُوَىٰ إِلَىٰ جَبَلٍ يَعْصِمُنِي مِنَ الْمَاءِ

Ertinya: “Anaknya menjawab: "Aku akan pergi berlindung (*ya 'simu*) ke sebuah gunung yang dapat menyelamatkan Aku daripada ditenggelamkan oleh air”.

Sūrah al-Hud (11):43

Tujuan Allah memberikan *'ismah* kepada para nabi dan rasul dimaksudkan baik menerusi *naqli* mahupun *aql* ialah untuk melindungi para nabi dan rasul dalam menjalankan tugas sebagai rasul Allah yang menyampaikan risalah kepada manusia. Dalam hal ini, kedudukan rasul dan para nabi adalah sebagai pemimpin dan pemberi petunjuk bahagi membimbing umat manusia ke jalan yang benar dan diredhai. Oleh itu, untuk mencapai tujuan perintah Allah mestilah mereka maksum dari sebarang perbuatan dosa dan kesalahan.

Ketidak maksuman seorang nabi dan rasul boleh memberi dua implikasi kepada umat manusia. *Pertama*, sekiranya para nabi dan rasul mengerjakan dosa sudah tentu manusia terpaksa mengikuti mereka kerana mereka adalah contoh teladan. *Kedua*, sekiranya para nabi dan rasul melakukan dosa sedang manusia enggan mentaati mereka, perbuatan tersebut juga bercanggah dengan perintah Allah kerana ketaatan para nabi dan rasul adalah perkara yang diwajibkan.¹⁷¹

¹⁷¹ Wan Zailan Kamaruddin (1997), *Hakikat Kenabian Menurut al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Berita Publishing SDN BHD, h. 66

Demikian juga, seandainya perbuatan dan perkataan nabi dan rasul mengandung dua kemungkinan betul dan salah, keadaan tersebut akan meletakkan manusia di tengah-tengah persimpangan. Seandainya keadaan seumpama terjadi, ternyata perutusan para nabi dan rasul merupakan satu perkara yang tidak mendatangkan sebarang manfaat. Semua manusia tidak wajib mencontohi mereka pula tidak ubah seperti manusia manusia biasa yang tidak mempunyai sebarang keistimewaan di sisi Allah s.w.t. dan juga manusia.¹⁷² Oleh yang demikian, para nabi dan rasul yang maksum diperlukan untuk membolehkan mereka menjadi contoh yang terbaik bahagi seluruh manusia. Al-Qur'an sendiri menggambarkan para nabi dan rasul sebagai orang-orang pilihan yang terbaik untuk diteladani. Allah s.w.t. tidak akan membiarkan mereka mengendalikan segala perintah-Nya secara bersendirian, malahan mereka sentiasa diawasi dan diasuh menerusi petunjuk-Nya. Sebagaimana firman-Nya:

Keyakinan kepada nabi dan rasul juga membawa keyakinan bahawa nabi dibekali dengan mukjizat sebagai bukti kenabian atau kerasulan. Selanjut juga LDII menyakini bahawa di antara Nabi dan Rasul adanya derajat dan martabat yang berbeza. Sebagaimana ada kalangan rasul yang dikenali sebagai *Kalimullah* seperti Nabi Musa.a.s.¹⁷³ Nabi Ibrahim a.s. sebagai Kekasih Allah (*Khalilullah*)¹⁷⁴ dan Nabi Muhammad s.a.w dijadikan sebagai penghulu segala makhluk atau penghulu sekalian manusia. Demikian juga dengan persaksian bahawa Allah menjadikan di antara para Nabi atau rasul yang mendapatkan predikat *Ulul Azmi* seperti; Nuh a.s., Ibrāhim a.s., Nabi Mūsa a.s., Isa a.s., dan Muhammad s.a.w.¹⁷⁵

Dalam konsep keyakinan terhadap kerasulan Nabi Muhammad s.a.w LDII menyakini bahawa Nabi Muhammad s.a.w. merupakan Nabi dan rasul terakhir untuk

¹⁷² *Ibid.*

¹⁷³ Sūrah al-Baqarah (2):253

¹⁷⁴ Sūrah al-Şaffāt (37):102

¹⁷⁵ Sūrah al-Aḥzāb (33):7

sekalian umat, tanpa mengira bangsa juga tempat sehingga hari Kiamat yang dikenal dengan *khatam al-Nabi*.¹⁷⁶ Oleh itu wajib meyakini dan beriman bahawa tiada nabi dan rasul yang diutuskan selepas Bahaginda s.a.w. Untuk itu, sesiapa yang mendakwa nabi atau rasul dikira palsu dan pendusta. Kuatnya keyakinan ini di kalangan LDII sangat hafal dengan hadith yang mengajurkan untuk berpegang teguh kepada dua perkara yaitu al-Qur'an dan Hadith Nabi s.a.w. dan menjauhkan diri dari perkara bidaah dalam agama.

3.6 *Al-Sam'iyat*

Dalam Islam persoalan *al-Sam'iyat* mendapatkan perhatian yang sangat serius kerana tergolong perkara yang penting dalam sistem ajaran Islam.¹⁷⁷ *Al-Sam'iyat* adalah sesuatu yang tidak dapat diketahui, sama ada menerusi pancaindera ataupun dengan akal, kecuali melalui pengkhabaran yang benar daripada Rasulullah s.a.w.¹⁷⁸

Skop perbahasan *al-Sam'iyat* iaitu meliputi; alam *barzakh* atau alam kubur (*qubr*), hari akhirat serta segala proses sebelum dan ketika berlakunya kiamat, perkara yang berkait dengan kebangkitan semua makhluk dan mereka dihimpunkan di Mahsyar untuk menerima pembalasan syurga mahupun di neraka. Berdasarkan skop yang luas, maka di sini yang beberapa sahaja yang meliputi antara lain;

2.6.1 Alam Kubur (*Barzakh*)

Dari segi bahasa *barzakh* berasal dari kata mufrad *barzakh* dan *barāzikh* dalam bentuk jamak yang bererti dinding atau tembok di antara dua benda atau benteng yang menengah di antara satu sama lain.¹⁷⁹ Dari sudut istilah dalam al-qur'an *barzakh* ialah

¹⁷⁶ Sūrah Saba'(34):28

¹⁷⁷ Morteza Matahari (1982) *Enternal Live*, Tehran: Iran Univ.Press, h. 3

¹⁷⁸ *Ibid.*

¹⁷⁹ Abū al-Qasim al-Husaiyn ibn Muḥammad Rāghib al-Isfahani (1992), *Mufradat Alfaz al-Qur'ān*, Dimashq : Dār al-Qalam, h. 118

penghadang atau benteng di antara dunia dan akhirat, iaitu alam kubur, sebagaimana firman Allah:

بَيْنَهُمَا بَرْزَخٌ لَا يَبْغِيَانِ ﴿٢٠﴾

Ertinya: “Antara keduanya ada batas yang tidak dilampaui masing-masing”

Sūrah al-Rahmān (55):20

وَمِنْ وَرَائِهِمْ بَرْزَخٌ إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿٢٣﴾

Ertinya: “Sedang di hadapan mereka ada alam barzakh (yang mereka tinggal tetap padanya) hingga hari mereka dibangkitkan semula (pada hari kiamat)”.

Sūrah al-Mu'minūn (23):100

Ertinya: “Dan Dialah yang membiarkan dua lautan mengalir (berdampingan), yang ini tawar lagi segar dan yang lain masin lagi pahit, dan Dia jadikan antara keduanya dinding (*barzakh*) dan batas yang menghalang”

Surah al-furqan (25):53

Sedangkan dari sudut syara' *barzakh* ialah kehidupan yang tidak terdapat padanya nikmat atau keseksaan fizikal, dimana roh bersendirian dari jasad, kerana kehidupan terbahagi kepada tiga iaitu kehidupan duniawi, kehidupan alam *barzakh* dan kehidupan akhirat.¹⁸⁰

Menurut perspektif yang lain, *al-barzakh* merujuk kepada alam kubur iaitu suatu keadaan di antara alam dunia dan alam Akhirat sebelum berlaku perhimpunan manusia bermula dari satu kematian sehingga ke hari Kebangkitan (*al-Ba'it*) atau *al-Qiyāmah*. Oleh itu, orang yang mati dikatakan sebagai orang yang memasuki alam *barzakh*.¹⁸¹

¹⁸⁰ Fadhilah Syeikh Abu Bakar Jabir al-Jaziri, 'Aqidah al-Mu'min (terj) Ismail bin Mohd hasan, Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, h. 447

¹⁸¹ Ibn Manzur, *Lisān al-'Arab*, op. cit., Jilid III. H. 8

Perkataan *al-qabr* dari segi bahasa ialah merujuk kepada tempat pengebumian manusia. Jadi *al-barzakh* sesuai dengan pengertian alam kubur. Merujuk daripada pengertian bahasa dan istilah perkataan *barzakh* mempunyai dua pengertian *pertama*; suatu bentuk batasan atau halangan di antara dua perkara atau keadaan dan *kedua*; keadaan diantara dua kehidupan yang akan datang.

Kewujudan alam *barzakh* secara amnya dipercayai oleh setiap Muslim demikian juga ahli LDII. Tetapi terhadap siksa atau hukuman yang berlaku di alam *barzakh*, pertanyaan malaikat Munkar dan Nakir, azab kubur serta nikmat terdapat perbezaan pendapat.

Bahagi Mu'tazilah menerusi pandangan Dirar bin 'Amru menafikan azab kubur. Alasan mereka ialah bercanggah dengan akal yang waras, seperti malaikat Munkar dan Nakir yang besar tidak mungkin berada di kubur yang sempit. Kerana bahagi Mu'tazilah segala permasalahan dan akidah haruslah berdasarkan dalil yang pasti yaitu al-Qur'an dan Hadith Mutawatir. Sedangkan hadith ahad hanya bertaraf *zanni* tidak dapat dijadikan hujah dalam akidah. Namun bahagi 'Abd al-Jabbār mengatakan ia hanyalah pendapat individu dan bukan mewakili al-Mu'tazilah secara keseluruhan.¹⁸² Al-'Ash'āirah berpendapat sebaliknya bahawa *adhab al-qabr* adalah sesuatu kebenaran (*ḥaq*)¹⁸³

Kembali kepada keyakinan LDII, berdasarkan daripada dalil yang dijadikan asas LDII menyakini kewujudan alam *barzakh*, sebagaimana di bentangkan dalam al-Qur'an dan hadith.¹⁸⁴ LDII juga menyakini bahawa di alam kubur berlakunya seperti; pertanyaan Munkar, Nakir, adanya azab dan nikmat kubur. Pandangan LDII terhadap

¹⁸² 'Abd al-Jabbār, *Syarḥ al-Uṣūl al-Khamsah*, *op.cit.*, h. 730

¹⁸³ Al-Bazdawī., *Uṣūl al-Dīn*, h. 163-164

¹⁸⁴ LDII, *Kitab al-Ṣalāh*, LDII, h. 136- 137

alam *barzakh* dibahas dalam kitab “*Kitāb al-Ṣalat*” dan “*Kitāb al-Jihad*”. Baik mengenai nikmat mahupun azab alam *barzakh*, sebagaimana firman Allah:

النَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا^ط وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ أَدْخِلُوا آلَ فِرْعَوْنَ أَشَدَّ الْعَذَابِ

Ertinya: “Mereka didedahkan kepada bahang api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam *barzakh*); dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): "Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api neraka yang seberat-beratnya!"

Sūrah al-Mu'min (40):46

LDII dalam memperkuat padangan mengenai perkara kewujudan alam *barzakh* dikemukakan hadith Nabi s.a.w. yang berhubungkait dengan cara “menjauhkan dari azab kubur”, sebagaimana do'a mohon dijauhkan dari azab kubur sebagai berikut:

حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ حَدَّثَنَا الْمُعْتَمِرُ قَالَ سَمِعْتُ أَبِي قَالَ سَمِعْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ
كَانَ نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ وَالْجُبْنِ وَالْبُخْلِ وَالْهَرَمِ
وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ¹⁸⁵

Ertinya:”Telah menceritakan kepada kami Musaddad telah menceritakan kepada kami Mu'tamir dia berkata; saya mendengar Ayahku dia berkata; saya mendengar Anas bin Malik radiallahu 'anhu berkata; Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam selalu mengucapkan: "*Allahuma inni a'udzūbika minal 'ajzi wa al-kasali wa al-jubni wa al-bukhli wa al-harami wa a'udzūbika min 'adzābi al-qabri wa a'udzūbika min fitnat al-mahyā wa al-mamāt* (Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari kelemahan, kemalasan, pengecut, kekikiran dan kepikunan. Dan aku berlindung kepada-Mu dari siksa kubur dan berlindung kepada-Mu dari fitnah kehidupan dan kematian."

Pada aspek *barzakh*, LDII pun menyakini bahawa di alam kubur terdapat kenikmatan alam *barzakh*. Pandangan tersebut selaras dengan firman Allah S.W.T

¹⁸⁵ Bukhāri, *op.cit.*, Hadith No. 2823 h, 227 Lihat Muslim, *op.cit.*, Hadith No. 2706, h. 1147

النَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا ۖ وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ أَدْخِلُوا آلَ فِرْعَوْنَ أَشَدَّ الْعَذَابِ ﴿٤٦﴾

Ertinya: “Mereka didedahkan kepada bahan api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam *barzakh*); dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): "Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api neraka yang seberat-beratnya!"

Sūrah al-Mu'mīn (20):46

قَالُوا رَبَّنَا آمَنَّا أَلَّيْنَاكَ يَا اللَّهُ فَأَحْيَيْتَنَا وَاتَّخِذْنَا أُمَّتَنَا أَتَّخِذُنَا آيَاتِكَ فَهَلْ إِلَىٰ خُرُوجٍ مِّن سَبِيلٍ

Ertinya: “Mereka menjawab: "Wahai Tuhan kami! Engkau telah menjadikan Kami berkeadaan mati dua kali, dan telah menjadikan Kami bersifat hidup dua kali, maka Kami (sekarang) mengakui akan dosa-dosa kami oleh itu adakah sebarang jalan untuk (Kami) keluar (dari neraka)?"

Sūrah al-Mu'mīn (40): 11

Sedangkan hadith yang dijadikan dalil dalam kenikmatan alam kubur itu hadith daripada Abi Sa'īd dalam rekod al-Tirmizi.

عَنْ عَطِيَّةَ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّمَا الْقَبْرُ رَوْضَةٌ مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ أَوْ حُفْرَةٌ مِنْ حُفْرِ النَّارِ¹⁸⁶

Ertinya: “Dari ‘Atiyah dari Abī Sa’īd berkata Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya kubur itu merupakan salah satu taman dan daripada taman-taman surga atau suatu lubang daripada lubang-lubang neraka.”

Merujuk dali-dalil yang dipergunakan LDII tentang alam *barzakh* mempunyai kecenderungan kepada pandangan Salafiyah, ahl al-Sunnah wa al-Jamaah khasnya al-Ash’ariah yang menetapkan tentang alam *barzakh* baik yang berkait tentang kewujudan, siksa, dan kenikmatan yang merujuk daripada al-Qur’ān dan al-Hadith.

¹⁸⁶ Tirmidhī, *op.cit.*, Hadith nomor 2648 h. 339

3.6.2 Hari Kiamat (*al-Qiyāmah*)

Dari segi bahasa perkataan *al-Qiyāmah* berasal dari kalimat *Qāma-Yaqūmu-Qiyām* bermaksud bangkit atau berdiri. Menurut al-Rāghib, pada asalnya perkataan *al-Qiyāmah* mererujuk kepada keadaan manusia dibangkitkan secara serentak daripada mati (*al-mawt*).¹⁸⁷ Tambahan *al-hā* pada perkataan tersebut adalah sebagai peringatan bahawa kejadiannya berlaku secara sekaligus.¹⁸⁸

Singkatnya disebut sebagai hari Kiamat (*Yaum al-Qiyāmah*) dengan pengertian bahawa ia merujuk kepada hari kebangkitan sekalian makhluk daripada kubur masing-masing untuk dikumpulkan di hadapan Allah dan di Alam Akhirat untuk diberikan perhitungan (*al-ḥisāb*) dan balasannya.¹⁸⁹

Dari segi istilah *al-Qiyāmah* boleh ditemui sebanyak 70 kali buah Sūrah.¹⁹⁰ Di antara ayat berhubungkait dengan *al-Qiyāmah* sebagai berikut:

...فَمَا جَزَاءُ مَنْ يَفْعَلُ ذَلِكَ مِنْكُمْ إِلَّا خِزْيٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰ أَشَدِّ الْعَذَابِ ۗ وَمَا اللَّهُ بِغَفِيلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ۚ

Ertinya: “Maka tiadalah balasan bahagi orang yang berbuat demikian itu dari antara kamu, selain dari kehinaan ketika hidup di dunia, dan pada hari kiamat akan ditolak mereka ke dalam azab seksa yang amat berat dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan”.

Sūrah al-Baqarah (2): 85

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ لِيَجْمَعَنَّكُمْ إِلَىٰ يَوْمِ الْقِيَامَةِ لَا رَيْبَ فِيهِ ۗ وَمَنْ أَصْدَقُ مِنَ اللَّهِ حَدِيثًا

Ertinya: “Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia. Sesungguhnya ia akan menghimpunkan kamu pada hari kiamat,

¹⁸⁷ Al-Munjid, *op. cit.*, h. 663

¹⁸⁸ Al-Rāghib, *Mufradāt, op. cit.*, h. 691

¹⁸⁹ Majma' al-Lughah al-Arabiyyah, *Mu'jam Alfaz al-Qur'an al-Karim, II*, h. 453

¹⁹⁰ Abd al-Baqi, *op. cit.*, h. 582

(hari) yang tidak ada syak padanya dan siapakah pula yang lebih benar perkataannya daripada Allah?

Sūrah al-Nisā (4) :87

لَا أَقْسِمُ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ

Ertinya: “Aku bersumpah dengan hari kiamat;”

Sūrah al-Qiyāmah (75):1

Berdasarkan keterangan ayat-ayat tersebut secara istilah mempunyai erti yang hampir sama. Di antara nama-nama yang dipergunakan dalam pengertian hari Kiamat iaitu *al-Qiyāmah*¹⁹¹, *al-Sā'ah*,¹⁹² *Yaum al-Ba'th*¹⁹³, *Al-Akhirah*,¹⁹⁴ *Yaum al-Dīn*¹⁹⁵, *Yaum al-Hisāb*¹⁹⁶ *Yaum al-Faṭḥ*¹⁹⁷ *Yaum al-Talāq*¹⁹⁸, *Yaum al-Jam'*¹⁹⁹, *Yaum al-Taghābun*²⁰⁰ *Yaum al-Khulūd*²⁰¹, *Yaum al-Khurūj*²⁰², *Yaum al-Ḥasrah*²⁰³, *Yaum al-Tanād*²⁰⁴, *al-Azifah*²⁰⁵, *al-Ṭāmah*²⁰⁶, *al-Ṣakhāh*, *al-Ḥaqqāh*²⁰⁷, *al-Ghāsiyah*²⁰⁸, *al-Wāqiah*²⁰⁹. Imam al-Ghazālī mengemukakan terdapat 101 nama berkaitan dengan hari Kiamat²¹⁰ Kesemua

¹⁹¹ Sūrah al-Zumar (39):36

¹⁹² Sūrah al-Qamar (54):1

¹⁹³ Sūrah al-Rūm (30): 56

¹⁹⁴ Sūrah al-A'lā (87): 17

¹⁹⁵ Sūrah al-Fatihah (1): 4

¹⁹⁶ Sūrah al-al-Mu'min (40): 27

¹⁹⁷ Sūrah al-Sajadah (32):29

¹⁹⁸ Sūrah al-Mu'min (40): 15

¹⁹⁹ Sūrah al-Taghābun (64): 9

²⁰⁰ Sūrah Taghābun (64):9

²⁰¹ Sūrah al-Qāf (50): 34

²⁰² Sūrah Qāf (50): 34

²⁰³ Sūrah Maryam (19):39

²⁰⁴ Sūrah al-Najm (53): 57

²⁰⁵ Sūrah al-Nāzi'āt (79): 34

²⁰⁶ Sūrah 'Abasa (80): 33

²⁰⁷ Sūrah al-Hāqqah (69): 1-3

²⁰⁸ Sūrah al-Ghāsiyah (88):1

²⁰⁹ Sūrah al-Wāqī'ah (56): 1

²¹⁰ Al-Ghazali, *Ihya Ulum al-Dīn*, *Yaum al-Qiyāmah*, *Yaum al-ḥasrah*, *Yaum al-Nadāmah*, *Yaum al-Muhāsabah*, *Yaum al-Musāalah*, *Yaum al-Munaqasah*, *Yaum al-Munāfasah*, *Yaum al-zilzalah*, *Yaum al-Damdamah*, *Yaum al-Ṣa'iqah*, *Yaum al-Wāri'ah*, *Yaum al-Qāri'ah*, *Yaum al-Rājifah*, *Yaum al-Radifah*, *Yaum Ghāsiyah*, *Yaum Dāhiyah*, *Yaum Azifah*, *Yaum al-Hāqqah*, *Yaum al-Thāmmah*, *Yaum al-Ṣākah khah*, *Yaum al-Talāq*, *Yaum Firāq*, *Yaum al-Māsāq*, *Yaum al-Qisyāṣ*, *Yaum al-Tanād*, *Yaum al-Hisāb*, *Yaum al-Maāb*, *Yaum al-'Azab*, *Yaum al-Firār*, *Yaum al-Qarār*, *Yaum al-Liqā*, *Yaum al-Baqā*, *Yaum al-Qadlā*, *Yaum al-Jazā'*, *Yaum al-Balā'*, *Yaum al-Bukā'*, *Yaum al-Hasyr*, *Yaum al-Waīd*, *Yaum al-'Arad*, *Yaum al-Wazn*, *Yaum al-haqq*, *Yaum al-Ḥukm*, *Yaum al-Faṣl*, *Yaum al-Jam'i*, *Yaum al-Bath*, *Yaum al-Faṭ*, *Yaum al-Khiz yi*, *Yaum al-'Aḍīm*, *Yaum an-Aqīm*, *Yaum al-'Asīr*, *Yaum al-Dīn*, *Yaum al-Yaqīn*, *Yaum an-Nusūr*, *Yaum al-Maṣīr*, *Yaum al-Nafkhah*, *Yaum al-Ṣaiḥah*, *Yaum al-Rajfah*, *Yaum al-Rajjah*, *Yaum al-Zajrah*, *Yaum al-Sakrah*, *Yaum al-Faza'*, *Yaum al-Muntahā*, *Yaum al-Ma'wā*, *Yaum al-Mīqat*, *Yaum al-Mī'ād*, *Yaum al-Mirṣād*, *Yaum al-Qalaq*, *Yaum al-'Araq*, *Yaum al-Iftiqār*, *Yaum al-inkidār*, *Yaum al-Intisyār*, *Yaum al-Insyiqāq*, *Yaum al-Wukuf*, *Yaum al-Khuruj*, *Yaum al-Khulūd*, *Yaum al-Taghābun*, *Yaum an-'Abūs*, *Yaum al-Ma'lūm*, *Yaum al-Mau'ūd*, *Yaum al-Masyhūd*, *Yaum la raiba fih*, *Yaum al-Tublas sarāir*, *Yaum lā tajzi naṣsun 'annaṣsin syaian*, *Yaum al-taskha ṣu fihil baṣāir*, *Yaum lā yughnī maulan 'an maulan syaian*, *Yaum yuddā'ūna ila nāri jahannama da'an*, *Yaum Yuṣabūna fin nāri'alā wujūhihim*, *Yaum tuqalla bujūhuhum fin nār*, *Yaum Lāyujzī wālidun 'an walādīn*, *Yaum Yafirruḥ marumin akhīhi wa ummīhi wa abihī*, *Yaum Lā yanṭiqūna wa la yu'zanu lahum fa-ya'tadzirūna*, *Yaum hum 'alan nāri yuṭfanūna*, *Yaum lā yanfa'u malūn wa lā banūn*, *Yaum lā yanfa'uz zālī mīna ma'zirzul hum wa la humul la'natu walahum sūddāri*, *Yaum turaddu fihil ma'aziru wa tublas sara-irūwa tuḍharuzzalama iru watuk syaful astaru*, *Yaum takh sya'u fihī absāru wa taskumul aṣwātu wayaqīlu fihil tifatu watabruzul khaṭīyātu wa tadh harul khaṭīatu*, *Yaum yusā qul'ibādu wa ma'ahumul asyhadu wa yasyt bus ṣaghīru way as karul kabīru*.

nama menggambarkan bagaimana dahsyatnya hari kiamat sekaligus menggambarkan sifat di hari penentu bahagi kehidupan seseorang di akhirat kelak.

LDII dalam konteks menyakini hari Kiamat merujuk daripada al-Qur'ān dan Hadith Nabi s.a.w. yang merangkumi; *al-Ba'th*, *al-Hisab*, *al-Mizān*, *al-Jannah* dan *al-Nār*. Demikian juga menyakini bahawa berlakunya hari Kiamat itu manusia dalam keadaan leka, lalai serta tidak bersedia. Pandangan LDII merujuk daripada sūrah al-‘Araf (7):187

... نَقُلَّتْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا تَأْتِيكُمْ إِلَّا بَغْتَةً

Ertinya: “(Huru-hara) hari kiamat itu amatlah berat (menggerunkan makhluk-makhluk Yang ada) di langit dan di bumi; ia tidak datang kepada kamu melainkan secara mengejut”.

Keyakinan terhadap hari Kiamat atau hari berlakunya kemusnahan terhadap segala alam dan makhluk yang merangkumi bahawa kiamat pasti tiba, namun tempoh dan saatnya ketika terjadinya tidak diketahui²¹¹ dan bila kiamat berlaku dengan satu tiupan terompet malaikat Israfil. Demikian pula keyakinan ini meliputi; tanda-tanda kiamat akan berlaku baik tanda kecil dan tanda besar. Tanda besar Kiamat sudah dekat seperti; matahari terbit dari sebelah barat²¹², keluar binatang²¹³, lahir Imām Mahdiy, lahir *Dajjāl*, turun Nabi Isa, a.s.²¹⁴, *Ya'juj* dan *Ma'juj*.²¹⁵ Sedangkan tanda-tanda kecil seperti; perutusan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai rasul akhir zaman, banyak berlakunya dan meluas kefasikan, ramai kalangan kanak-kanak yang derhaka kepada ibubapa mereka.

Menandatangani kepada kefahaman LDII yang mempunyai persamaan ciri-cirinya, mereka selari dengan kefahaman Salaf dan Ahl al-Sunnah, bahawa kewujudan dan

²¹¹ Sūrah al-A'raf 7: 187 Ertinya:187. Ertinya: Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) tentang hari Kiamat: "Bilakah masa datangnya?" katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan mengenainya hanyalah ada di sisi Tuhanku".

²¹² Lihat al-Bukhari, *op. cit.*, Juz. 5, Nombor hadith 4635 h. 224

²¹³ Sūrah al-Naml (27): 82

²¹⁴ Sūrah al-Nisa (4):59 Lihat al-Bukhāri, *op. cit.*, Juz. 12, Nombor hadith 3449, h. 161

²¹⁵ Sūrah Yasin (36): 49

peristiwa-peristiwa yang akan terjadi harus diyakini menerusi al-Qur'ān dan al-Hadith dan tidak meragukannya.²¹⁶

3.6.3 Kebangkitan Kembali (*Al-Ba'th*)

Al-Ba'th atau hari kebangkitan bermaksud Allah membangkitkan atau menghidupkan semula semua makhluk, khasnya manusia selepas mati. Di mana mereka dibangkitkan daripada kubur dengan dikembalikan semula ruh untuk dihitung segala amalan dan di balas dengan seadil-adilnya.²¹⁷ Isu *al-ba'th* ini telah menjadi perbincangan dikalangan ulama tawhid. Para ulama tawhid menyatakan bahawa manusia akan dibangkitkan di alam mahshar. Akan tetapi yang menjadi isu dalam *ba'th* ini, apakah manusia dibangkitkan pada hari kiamat itu jasmani dan rohani sahaja.

Ahl al-Sunnah dalam kebangkitan kembali menyakini bahawa manusia akan dibangkitkan dari kubur adalah roh dan fisikal. Menurut al-Ghazālī bahawa kebangkitan semula merupakan suatu yang benar dan wajib diyakini juga beriman manusia akan dibangkitkan bersama ruh dan jasad mereka untuk menemui Allah juga menerima pembalasan.²¹⁸ Demikian juga sebagaimana dikemukakan oleh al-Bazdawī berpendapat bahawa yang dibangkitkan itu ruh dan jasad. Sedangkan yang berpegang kepada akal, yang dibangkitkan ialah ruh sahaja.²¹⁹

Pandangan LDII terhadap *al-ba'th* menyakini menerusi daripada al-Qur'ān dan al-Hadith. LDII meyakini bahawa manusia akan dibangkitkan dari kubur (*barzakh*) dengan ruh dan jasad. Keyakinan LDII terhadap kebangkitkan ruh dan jasad, kerana Allah Maha Kuasa untuk menciptakan manusia dengan ruh dan jasad di dunia demikian

²¹⁶ LDII (t.t.), *Kitab al-Ṣifat al-Janah wa al-Nār*, LDII, h. 2

²¹⁷ Qaṭan 'Abd al-Rahmān al-Duri dan Rusyidin Muhammad 'Ilyan, *op.cit.*, h. 386

²¹⁸ Muhammad al-Ghazālī (t.th), *Aqīdah al-Muslim*, Kaheerah: Mustāfā al-Bābī al-Halabi, h. 23

²¹⁹ Al-Bazdawī, *op.cit.*, h. 210

pula membangkitkan manusia di akhirat dengan ruh dan jasad. Keyakinan LDII sebagaimana penghabaran al-Qur'an:

وَهُوَ الَّذِي يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ ۗ وَلَهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ فِي
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Ertinya: “Dan Dia lah yang memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian ia mengembalikannya (hidup semula sesudah mereka mati), sedang perlaksanaan yang demikian amatlah mudah baginya. dan bahagiNyalah jua sifat yang tertinggi di langit dan di bumi, dan Dia lah jua yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”.

Sūrah ar-Rūm (30): 27

وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَإِذَا هُمْ مِنَ الْأَجْدَاثِ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يَنْسِلُونَ ﴿٢٧﴾

Ertinya: “Dan sudah tentu akan ditiupkan sangkakala (menghidupkan orang-orang yang telah mati; apabila berlaku yang demikian) maka semuanya segera bangkit keluar dari kubur masing-masing (untuk) mengadap Tuhannya”.

Sūrah Yasīn (36):51

Dalam memperkuat kefahaman *Ba'th* (kebangkitan kembali), LDII berasas dari hadith yang diriwayatkan Mahmūd ibn Ghailān sebagai berikut:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ غَيْلَانَ حَدَّثَنَا أَبُو دَاوُدَ قَالَ أَنْبَأَنَا شُعْبَةُ عَنْ مَنْصُورٍ عَنْ رَبِيعِ بْنِ حِرَاشٍ عَنْ عَلِيِّ
قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- « لَا يُؤْمِنُ عَبْدٌ حَتَّىٰ يُؤْمِنَ بِأَرْبَعٍ يَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا
اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ بَعَثَنِي بِالْحَقِّ وَيُؤْمِنُ بِالْمَوْتِ وَبِالْبَعْثِ بَعْدَ الْمَوْتِ وَيُؤْمِنُ بِالْقَدَرِ ۚ²²⁰

Ertinya: “Dikatakan Maḥmud ibn Ghailān, Abu Dāwūd berkata: Disampaikan Shu'bah Maṣṣūr dari Rib'iy ibn Hīrash dari ‘Ali berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Tidak beriman seseorang sehingga dia beriman sekurang-kurangnya pada empat perkara, iaitu mengetahui dan menyakini tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan saya; Muhammad utusan Allah, yang mengutus saya membawa kebenaran, percayakan mati yang ditetapkan ajalnya, percayakan kebangkitan hidup semula sesudah

²²⁰ Al-ī, *op.cit.*, Hadith No. 2145 h.1867

mati serta percayakan ketentuan takdir yang ditentukan oleh Allah”

Berdasarkan dalil-dalil di atas LDII mempercayai bahawa kebangkitan semula merupakan bahagian yang tidak terpisahkan dari tawhid. Daripada hadith tersebut difahami tawhid yang sempurna merangkumi persaksikan bahawa Tiada Tuhan melainkan Allah, Muhammad Rasul Allah, kematian, kebangkitan semula dan qadar.

Menganalisis kefahaman LDII tersebut mempunyai persamaan kefahaman dengan Salafiyah yang mengembalikan keyakinan terhadap perkara tersebut kepada nas al-Qur’ān dan al-Hadith. Pandangan salafiyah secara implisit bertentangan dengan kumpulan yang menggunakan manhaj akal seperti; kaum Mu’tazilah yang mengatakan bahawa kebangkitan di akhirat itu ruh sahaja.

3.6.4 Perhitungan (*Hisāb*)

Berdasarkan terminologi *al-Hisāb* dalah dibangkitkannya kembali manusia dari alam kubur (*barzakh*) menuju Mahsyar. Di sana segala amalan manusia akan dibentangkan kepada Allah untuk di *hisāb*. Pengertian ini sebagaimana firman Allah:

يَوْمَئِذٍ تُعْرَضُونَ لَا تَخْفَىٰ مِنْكُمْ حَافِيَةٌ ﴿١٨﴾

Ertinya: “Pada hari itu, kamu semua dihadapkan (untuk hitungan amal); tidak ada sesuatu pun yang tersembunyi (kepada Allah) dari perkara-perkara kamu yang tersembunyi.”

Sūrah al-Haqqah (69):18

وَعُرْضُوا عَلَىٰ رَبِّكَ صَفًّا لَّقَدْ جِئْتُمُونَا كَمَا خَلَقْنَاكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ ۚ

Ertinya: “Dan mereka tetap akan dibawa mengadap Tuhanmu dengan berbaris teratur, (sambil dikatakan kepada mereka): "Kamu sekarang telah datang kepada Kami - (berseorangan) sebagaimana Kami telah jadikan kamu pada mulanya;... ”.

Perbincangan tentang *ḥisāb* terdapat dua pandangan yang berbeza iaitu *pertama* bahagi ulama yang berpegang teguh kepada al-Qur’ān dan al-Hadith mereka mempercayai *ḥisāb* seperti yang dikhabarkan oleh al-Qur’ān dan al-hadith. Sedangkan bahagi kaum yang mendahulukan akal mereka mengatakan bahawa *al-Ḥisāb*, *al-Ṣiraṭ* dan *al-Mizān* diertikan dengan makna yang lain.²²¹

Bahagi LDII mempercayai keberadaan *al-ḥisāb* menerusi pengkhabaran al-Qur’ān dan Hadith²²², bahawa perhitungan (*al-ḥisāb*) yang dijalankan pada hari kiamat adalah berdasarkan isi kandungan dalam buku-buku catitan amalan yang diberikan Allah s.w.t kepada setiap individu yang berhimpun di Mahsyar. Asas LDII dalam mempercayai *al-Ḥisāb* adalah firman Allah:

أَلْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٥﴾

Ertinya: “Pada waktu itu Kami meteraikan mulut mereka (sejurus); dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan”.

Sūrah Yasīn (36): 65

يَوْمَئِذٍ يَصْدُرُ النَّاسُ أَشْتَاتًا لِّيُرَوْا أَعْمَالَهُمْ ﴿١﴾ فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٢﴾
وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٣﴾

Ertinya: “Pada hari itu manusia akan keluar berselerak (dari kubur masing-masing) untuk diperlihatkan kepada mereka (balasan) amal-amal mereka. Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam sūrah amalnya)! Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam sūrah amalnya)!”

Sūrah al-Zalzalah (99):6-8

²²¹ Al-‘Asy’ari (t.t.), *op. cit.*, h. 48-49

²²² LDII, *Khutbah*, *op. cit.*, h. 78-80

Merujuk daripada dalil di atas LDII mempercayai segala proses yang terjadi pada pelaksanaan *Hisāb*, seperti; pemberian buku catatan amal lalu membacanya sendiri, soaljawab (interogasi) terhadap setiap amalannya yang kecil dan yang besar. Demikian pula mempercayai gambaran yang ditayangkan oleh Allah S.W.T kepadanya amal perbuatan yang telah dikerjakan selama hidup di dunia. Terhadap interogasi terhadap amalan pada saat *al-Hisāb* LDII mengemukakan dalil daripada al-hadith Abi Barzah al-Aslami dalam rekod al-Tirmidhī:

عَنْ أَبِي بَرْزَةَ الْأَسْلَمِيِّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَزُولُ قَدَمَا عَبْدٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ عُمْرِهِ فِيمَا أَفْتَاهُ وَعَنْ عِلْمِهِ فِيمَا فَعَلَ وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيمَا أَنْفَقَهُ وَعَنْ جِسْمِهِ فِيمَا أَبْلَاهُ²²³

Ertinya: “Dari Abī Barzah al-Aslamiy berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: “Tidak akan berganjak dua kaki anak-anak Adam dari sisi Tuhannya pada hari Kiamat nanti sehingga ia akan ditanya mengenai lima perkara: Tentang usianya, untuk apa dihabiskan, zaman mudanya untuk kepentingan apa ia gunakan, hartanya darimana diperolehi dan untuk apa ia belanjakan dan ilmunya untuk apa ia gunakan”.

Selanjutnya untuk memperkuat pandangan keyakinan terhadap *al-Hisāb* LDII mengemukakan Hadith daripada Syadda Ibn Aus:

عَنْ شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْكَيْسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا وَتَمَتَّى عَلَى اللَّهِ²²⁴

Ertinya: “Dari Syaddid ibn Aus dari Nabi s.a.w bersabda: “Orang cerdas adalah orang memaksa dirinya untuk beramal kebaikan setelah mati dan orang yang lemah adalah orang yang mengikuti hawa nafsunya tetapi berharap kepada Allah dengan beberapa harapan.”

²²³ Al-Tirmidhī, *op.cit.*, Juz.9 Hadith No. 2602 h.268

²²⁴ *Ibid*, Juz 9, Hadith No.2647 h.337

Mempercayai *Hisāb* bahagi LDII melaksanakan sebagaimana kefahaman para sahabat yang menyarankan supaya menghitung dan menghisab diri sebelum tiba hari *Hisāb*.²²⁵ Dalam hal ini LDII mengemukakan kata-kata ‘Umar Ibn Khattab:

وَيُرَوَّى عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ قَالَ حَاسِبُوا أَنْفُسَكُمْ قَبْلَ أَنْ تُحَاسَبُوا²²⁶

Ertinya: “Diriwayatkan dari ‘Umar ibn Khattab berkata: Hisāblah diri kamu sebelum kamu di hisāb”

Menganalisis kefahaman LDII tentang perkara *al-Hisāb*, mereka menyakini sebagaimana pandangan salafiyah. Bahawa perkara yang terjadi pada saat *hisāb* seperti; pemberian buku catitan amal, soal jawab, dan menyaksikan segala perbuatan yang dilakukan semasa hidup di dunia menerusi pengkhabar al-Qur’ān dan hadith ialah benar.

3.6.5 Timbangan (*Al-Mizān*)

Dari sudut bahasa *al-Mizān* bererti ukuran sesuatu yang ditentukan dengan adil.²²⁷ Menurut al-Raghib, *al-mizān* merujuk kepada alat untuk menghitung (*al-muhāsib*).²²⁸

Berdasarkan daripada firman Allah SWT yang bermaksud:

وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَامَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا^ص

Ertinya: “Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk pada) hari kiamat; maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikitpun”

Sūrah al-Anbiya’ (21):47

Perkataan *al-Mizān* dalam al-Qur’ān disebut sebanyak 9 kali manakala bentuk jama’ *al-mawāzīn* sebanyak 7 kali. Diantaranya ialah al-An’am (6): 152²²⁹, al-Rahman

²²⁵ LDII, Sifat al-Jannah, *op. cit.*, h. 55

²²⁶ Al-Tirmidhī, *op. cit.*, h.

²²⁷ Al-Qur’ān Sūrah al-Syu’arā (26): 182

²²⁸ Al-Raghib, Mufradat, *op. cit.*, h. 869

²²⁹ Ertinya: "Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri); dan sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil".

(55): 7 ²³⁰ Sedangkan dari sudut istilah yang disepakati ulama ialah suatu alat yang dijadikan Allah untuk menimbang atau sebagai neraca timbangan amalan manusia sama ada baik dan buruk.

Menurut LDII bahawa semua amalan manusia akan ditimbang di akhirat setelah melalui proses *al-hisāb*. Menurut LDII mizan adalah untuk membuktikan bahawa Allah Maha Adil terhadap makhluknya (manusia). Sehingga tidak ada seorangpun yang dirugikan. Dalam pandangan ini LDII mengajukan firman Allah:

﴿فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ﴾ ﴿وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ﴾

Ertinya: “Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam sūrah amalnya)!, Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam sūrah amalnya)!”

Sūrah al-Zalzalah (99): 7-8

﴿فَأَمَّا مَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ﴾ ﴿فَهُوَ فِي عِيشَةٍ رَاضِيَةٍ﴾ ﴿وَأَمَّا مَنْ خَفَّتْ مَوَازِينُهُ﴾ ﴿فَأُمُّهُ هَاوِيَةٌ﴾

Ertinya: “Setelah berlaku demikian, maka (manusia diberikan tempat menurut amal masing-masing); adapun orang yang berat timbangan amal baiknya, Maka ia berada Dalam kehidupan yang senang lenang. Sebaliknya orang yang ringan timbangan amal baiknya, Maka tempat kembalinya ialah "Hāwiyah"

Sūrah al-Qāri’ah (101):6-9

Berdasarkan dalil nas yang dikemukakan, LDII menyakini dan tidak meragui sekutipun tentang *Mizān* sebagai timbangan terhadap amal manusia. Merujuk daripada kefahaman *Mizān* ini LDII mempunyai persamaan pendapat dengan ulama yang

²³⁰ Ertinya: “Dan langit dijadikannya (bumbung) tinggi, serta ia mengadakan undang-undang dan peraturan neraca keadilan

mengasaskan tawhid kepada al-Qur'ān dan al-Hadit iaitu Salaf, Salafiyah dan ahl al-Sunnah wal Jamaah (al-'Asy'āriyah dan al-Māturīdīah).

Bahagi kalangan Mu'tazilah *al-Mizān* dipahami secara metafora yang merujuk kepada bentuk pengadilan.²³¹ Mereka menafikan *al-Mizān* kerana perbuatan dikatakan 'arad yang tidak mungkin dapat ditimbang kerana ia tidak mempunyai ringan atau berat.²³² Menurut Abd al-Jabbār, ia merujuk kepada keadilan (*al-'adl*) berdasarkan perluasan (*al-tawassu'*) dan perlembagaan (*majazi*). *Kalam* Allah dikatakan suatu reality dan tidak harus dianggap *majāz*²³³

Dikalangan al-Asha'irah, al-Ijī mengatakan semua perkara yang disebutkan oleh syarak termasuk *al-Mizān* adalah benar.²³⁴ Demikian juga dengan pandangan al-Baghdadi yang menjelaskan timbangan berlaku kepada suhuf-suhuf yang dituliskan segala perbuatan manusia di dalamnya, ataupun Allah menimbang perbuatan manusia sama ada baik atau buruk dengan alat timbangan.²³⁵

3.6.6 Titian *Al-Şirāt*

Permasalahan *al-Sam'iyyat* seterusnya ialah *al-Şirāt*. *Al-Şirāt* dari segi istilah bermaksud jalan (*al-ṭarīq* atau *al-sabīl*). *Al-Tāriq* biasanya merujuk kepada jalan yang membawa manusia kepada kebaikan. *Al-Şirāt* berbeza dengan perkataan *al-sabīl* kerana ia meliputi semua jalan yang dilalui oleh manusia sama ada baik mahupun buruk. Oleh itu, *al-Şirāt* disebut sebagai *al-ṭarīq* dalam pengertian jalan yang dilalui segala sesuatu yang wujud sama ada benda, tumbuh-tumbuhan, binatang, manusia dan termasuk perkara yang *mumkin* yang dapat menyampaikan kesempurnaan kepadanya tanpa sebarang perbezaan.

²³¹ Tritton, A. S. (Arthur Stanley), (1947) *Muslim Theology*, London: Pub. for the Royal Asiatic Society by Luzac, h. 88-89

²³² Al-Ash'ari, *Maqālāt*, *op.cit.*, Juz. II, h. 147

²³³ Abd al-Jabbār, *op.cit.*, II, h. 735

²³⁴ Al-Bazdawī., *op.cit.*, , h. 20

²³⁵ Lihat al-Rāzī, *op.cit.*, h. 117 Al-Baghdadi, *op.cit.*, h. 245-246

Menurut istilah *al-Ṣirāṭ*²³⁶ bererti jelas dan terang. Pengertian ini sebagaimana firman Allah:

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ فَاتَّبِعُوهُ^ط

Ertinya: “Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (ugama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya”.

Sūrah al-An’ām (6):153

وَإِنْ مِنْكُمْ إِلَّا وَارِدُهَا كَانَ عَلَى رَبِّكَ حَتْمًا مَقْضِيًّا ﴿٧١﴾ ثُمَّ نُنَجِّي الَّذِينَ اتَّقَوْا وَنَذَرُ
الظَّالِمِينَ فِيهَا جِثْيًا ﴿٧٢﴾

Ertinya: “Dan tiada seorangpun di antara kamu melainkan akan sampai kepadanya; (yang demikian) adalah satu perkara yang mesti (berlaku) yang telah ditetapkan oleh Tuhanmu. Kemudian Kami akan selamatkan orang-orang yang bertaqwa, dan Kami akan biarkan orang-orang yang zalim (dengan kekufurannya dan maksiatnya) tinggal berlutut di dalam neraka itu.”

Sūrah Maryam (19): 71-72

Menurut perspektif hadith Nabi s.a.w ialah titian yang terbentang memanjang merintanggi neraka Jahanam. Ia akan dilalui oleh semua manusia terdahulu dan terkemudian. Kesemua mereka melalui berdasarkan amalannya, sebagaimana hadith yang diriwayatkan Abi Hurairah.²³⁷

Dalam persoalan *al-Ṣirāṭ*, Mu’tazilah umumnya menolak²³⁸, tetapi Basyr al-Mu’tamir berpendapat ia mungkin benar tetapi tidaklah dapat dipastikan. Abd al-Jabbār, sebaliknya mengatakan *al-Ṣirāṭ* merujuk daipada jalan di antara syurga dan neraka yang

²³⁶ Dalam al-Qur’an, *al-Ṣirāṭ* disebutkan sebanyak 44 kali.

²³⁷ Bukhari, *op. cit.*, Juz. 3 Hadith Nombor 806 h. 360

²³⁸ Al-Bazdawī, *op. cit.*, h.245

diluaskan kepada penghuni syurga dan disempitkan kepada penghuni neraka apabila mereka meretasinya.²³⁹

Dikalangan al-‘Ash’airah, menjelaskan terdapat dua pendapat mengenainya. *Pertama*; Jalan (*al-ṭariq*) ke Syurga dan ke Neraka yang disifatkan lebih halus daripada Seurat rambut dan lebih tajam daripada mata pedang. Hanya orang yang dikehendaki Allah dapat melepaskannya. *Kedua*; jalan (*al-ṭariq*) tetapi mereka berbeza pendapat mengenainya sifatnya. Mereka menafikan demikian kerana tidak mungkin manusia dapat melaluinya.²⁴⁰ Al-Ijī berpendapat *al-ṣirat* adalah jambatan (*jisr*) yang terbentang dalam neraka jahanam yang dilalui oleh orang mukmin dan bukan mu’min.²⁴¹

Bahagi LDII yang merujuk daripada al-Qur’ān dan al-Hadith ialah mempunyai persamaan pandangan dengan al-‘Ash’airah dan al-Ījī titian atau jambatan yang merentangi pintu neraka untuk sampai ke syurga yang disifatkan lebih halus dari Seurat rambut dan lebih tajam daripada mata pedang.²⁴²

Kembali kepada kefahaman LDII tentang *al-Ṣirat*. LDII tetap mempercayai bahawa *al-Ṣirat* ialah jalan yang diletakkan atas punggung api neraka Jahanam, yang akan dilalui oleh semua orang yang dahulu dan orang yang datang belakangan, yakni kembalinya mereka dari tempat pemberhentian di alam Makhsyar. Ahli syurga akan melewati dengan selamat sampai ke hujung yang terakhirnya. Mereka menuju ke sana untuk meneruskan perjalanannya ke surga. Sedangkan ahli neraka, maka di saat mereka melewatinya jatuh kebawah yang bererti masuk ke dalam api neraka.²⁴³

Kefahaman terhadap *al-Ṣirat* LDII mendasari daripada hadith Nabi s.a.w:

²³⁹ Abd al-Jabbār, *op.cit.*, Jilid II h. 737

²⁴⁰ Al-Asy’irah, *Maqalat, op.cit.*, II h. 146

²⁴¹ ‘Adud al-Din ‘Abd al-Rahmān ibn Ahmad al-Ījī, (t.th) *al-Mawāqif fi ‘Ilm al-Kalām*, Beirut: Alam al-Al-Kutub h. 383-384

²⁴² Lihat LDII, *Ṣifat al-Jannah wa al-Nar, op.cit.* h. 28-29

²⁴³ LDII, Khutbah, *op.cit.*, h.79 Lihat LDII, *Ṣifat al-Jannah, loc.cit.*

حدثنا موسى بن عيسى بن المنذر ، وأبو زرعة الدمشقي ، قالوا : ثنا أبو اليمان ، أخبرنا شعيب بن أبي حمزة ، عن الزهري ، أخبرني سعيد بن المسيب ، وعطاء بن يزيد الليثي ، أن أبا هريرة ، أخبرهما أن الناس قالوا : ... فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم : « ويضرب الصراط بين ظهري جهنم ، فأكون أول من يجيز من الرسل بأمتي ، ولا يتكلم يومئذ إلا الرسل ، ودعوة الرسل يومئذ ؛ اللهم سلم سلم²⁴⁴ »

Ertinya: “Dikatakan Mūsā ibn ‘Īsa ibn al-Mandur, dan Abū Zar’ah al-Dimasqī, berkata Abū al-Yamāni, telah dikhabarkan Syu’aib ibn Abī Hamzah dari al-Zuhrī, dikhabarkan kepadaku Sa’id ibn Musaib, ‘Ata’ ibn Zayid al-Laithī, bahawa Abā Hurairah, telah mengkhabarkan kepada... manusia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Diletakkan sirat di atas neraka Jahanam. Saya (Muhammad) menjadi orang yang pertama dikalangan para rasul yang menyeberangi bersama umat masing-masing. Setia rasul pada hari itu berdoa, ‘Wahai Tuhanku, selamatkanlah, selamatkanlah”

Merujuk daripada hadith di atas, menjadi asas LDII dalam mengimani bahawa di akhirat, manusia menjalani *Ṣirat*. Kembali daripada kefahaman LDII dalam memahami permasalahan hal yang ghaib (*Ṣirat*), tidak memberi kefahaman lebih lanjut kerana dikhawatiri menyalahi daripada konsep tawhid. Hanya sahaja keberadaan *al-Ṣirat* wajib dipercayai oleh setiap muslim. Selanjutnya bagaimana hakikat *al-Ṣirat* diserahkan sahaja kepada Allah.

3.6.7 Shurga (*Al-Jannah*)

Perkataan *al-Jannah* biasanya merujuk kepada taman (*bustān*), atau kebun (*hadiqah*) yang dipenuhi atau ditutupi dengan pokok-pokok di dunia.²⁴⁵ Keterangan ini berdasarkan ayat al-Qur’an:

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ جَنَّاتٍ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ

²⁴⁴ Al-Ṭabranī, *Musnad al-Sāmiyyin li Ṭabranī*, Juz. 8 Hadith No. 2999 h. 456

²⁴⁵ Edward William Lane, (1955-56) *An Arabic-English lexicon*, II, F. Ungar E.W. h. 463

Ertinya: “Demi sesungguhnya, adalah bahagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka)”

Menurut Ibn Manẓūr, perkataan *al-Jannah* atau *Jinnān* merujuk kepada tanaman (*al-hadiqah*) yang mempunyai pokok-pokok seperti kurma, anggur, dan lain-lain menurut percakapan orang Arab. Sekiranya tiada pokok-pokok tersebut, ia hanya dikenali sebagai kebun (*al-hadiqah*) sahaja.²⁴⁶ Perkataan *Jannah* yang disertai *al* merujuk kepada syurga sebagai tempat pembalasan baik kerana terdapat pelbagai ganjaran disediakan untuk manusia yang disembunyikan pada masa kini.²⁴⁷

Selanjutnya menurut Ibn Manẓūr, perkataan *al-Jannah* dalam *al-Qur'ān* dan *al-hadith* dikatakan merujuk kepada suatu tempat yang penuh kenikmatan di alam akhirat dengan pokok-pokok yang tebal, lebat dan dahan-dahan yang berjuntai.²⁴⁸ Menurut istilah dalam *al-Qur'ān* perkataan *al-Jannah* sebanyak 145 kali.²⁴⁹ Iaitu diantaranya ialah Sūrah *al-Taubah* (9): 111²⁵⁰, *al-Baqarah* (2): 82²⁵¹, *al-Rahman* (55): 46²⁵², dan *al-Bayyinah* (98):8²⁵³

Persoalan syurga turut menjadi perbincangan dikalangan ulama Islam, di antaranya tentang samaada syurga itu suatu realiti (*haq*) atau *majazi*, diciptakan (*makhlūq*) atau bukan *makhlūq* dan kekal atau binasa. Menurut kalangan ahli Sunnah daripada *al-Rāzī*

²⁴⁶ Ibn Manzur, *Lisān al-'Arab*, XIII, h. 100

²⁴⁷ E.W. Lane *op.cit.*, h. 463

²⁴⁸ Ibn Manẓūr, *op.cit.*, h. 100 *loc.cit.*

²⁴⁹ Abd Bāqī, *al-Mu'jam*, h. 180-182

²⁵⁰ Ertinya: "Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh. (balasan syurga yang demikian ialah) sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah di dalam (Kitab-kitab) Taurat dan Injil serta Al-Quran; dan siapakah lagi yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual-belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual-beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar."

²⁵¹ Ertinya: "Dan orang-orang yang beriman serta beramal soleh, merekalah ahli syurga, mereka kekal di dalamnya"

²⁵² Ertinya: "Dan orang yang takut akan keadaan dirinya di mahkamah Tuhannya (untuk dihitung amalannya), disediakan baginya dua syurga"

²⁵³ Ertinya: "Balasan mereka di sisi Tuhannya ialah syurga Adn (tempat tinggal yang tetap), yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; kekalah mereka di dalamnya selama-lamanya"

²⁵³ *Al-Rāzī*, *Uṣul al-Dīn*, *op. cit.*, h. 119-120

²⁵³ A.S. Tritton, *Muslim Theology*, *op.cit.*, h. 98

²⁵³ *Ibid.* h. 181

berpendapat bahawa mendasarkan kepada reality al-Qur'an.²⁵⁴ Seterusnya apakah syurga diciptakan (makhlūq) atau bukan *makhlūq*. Menurut sebahagian Mu'tazilah dikatakan *makhlūq*, demikian juga pendapat daripada *al-Dirāriyyah* dan *Jahmiyyah*. Alasan mereka kerana Adam dikatakan berada di syurga yang merupakan taman-taman dunia, manakala al-Ka'bi sendiri berpendapat ia makhlūq dan bukan makhlūq. Sekiranya ia makhlūq, bererti ia harus binasa dan dikemalikan pada Hari Kiamat. Namun begitu, ia tidak harus binasa selepas dihuni penghuninya.²⁵⁵

Menurut al-'Ash'āirah pada umumnya, syurga ciptaan Allah dan telahpun diciptakan kerana Adam telah dikeluarkan daripadanya.²⁵⁶ Sedangkan bahagi kekalnya syurga termasuk nikmat dan azab kepada penghuninya.²⁵⁷ Dan bahagi Jahm kalangan Jahmiyyah, shurga akan binasa termasuk penghuninya, tiada yang kekal melainkan Allah.²⁵⁸

Keyakinan LDII tentang syurga mengambil sumber firman Allah dan hadith Rasulullah s.a.w. di yang dikumpulkan dalam "*Kitab Şifat al-Jannah wa al-Nār*". Berdasarkan ayat dan hadith mereka fahamkan bahawa syurga merupakan tempat balasan orang-orang beriman yang telah melaksanakan perintah Allah wajib mahupun sunah serta menegah dari perbuatan keji dan maksiat dengan pelbagai kenikmatan yang berperingkat sesuai dengan amal perbuatannya di dunia.²⁵⁹ Selanjutnya keyakinan terhadap surga ini dijadikan motto setiap dakwah pembinaan jemaah, di antara firman Allah yang dijadikan dalil iaitu:

²⁵⁴ Al-Rāzī, *Uşul al-Dīn*, *op.cit.*, h. 119-120

²⁵⁵ A.S. Tritton, *Muslim Theology*, *op.cit.*, h. 98

²⁵⁶ *Ibid.* h. 181

²⁵⁷ Al-Ash'āri, *Maqālat*, *op. cit.*, II, h. 148

²⁵⁸ *Ibid*

²⁵⁹ LDII, *Kitab Şifat al-Jannah*, *op. cit.*, h 1-3

إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَبْلٍ لَهُمُ الْجَنَّةَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعَدًّا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالْقُرْآنِ وَمَنْ أَوْفَى بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ فَاسْتَبْشِرُوا بِبَيْعِكُمُ الَّذِي بَايَعْتُمْ بِهِ ۚ وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Ertinya: “Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh. (balasan Syurga ang demikian ialah) sebagai janji ang benar yang ditetapkan oleh Allah di dalam (Kitab-kitab) Taurat dan Injil serta Al-Qur’an; dan siapakah lagi yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual-belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual-beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar”.

Sūrah al-Taubah (9):111

وَعَدَ اللَّهُ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَمَسْكِنٍ طَيِّبَةٍ فِي جَنَّاتٍ عَدْنٍ وَرِضْوَانٍ مِّنَ اللَّهِ أَكْبَرَ ۚ ذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Ertinya: “Allah menjanjikan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, (akan beroleh) syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka kekal di dalamnya dan beroleh tempat-tempat yang baik di dalam "Syurga Adn" serta keredaan dari Allah yang lebih besar kemuliaannya; (balasan) yang demikian itulah kejayaan yang besar”.

Sūrah al-Taubah (9):72

Selanjutnya dalam menyakini nikmat syurga, LDII juga menyakini terhadap nikmat-nikmat yang diterima para hamba Allah SWT yang beramal salih seperti; sungai daripada susu arak, manisan dan lain sebagainya.²⁶⁰ Demikian juga dengan kenikmatan buah-buahan pelbagai jenis serta bertukar rasanya walaupun rupanya sama juga daging

²⁶⁰ Sūrah Muḥammad 47: 15

burung yang lezat.²⁶¹ LDII juga mengimani bahawa segala bekas makanan dan minuman semua terbuat daripada emas dan perak dan berbagai permata yang indah.²⁶²

Keyakinan terhadap surga juga merangkumi kewujudannya menerusi hadith-hadith mutawatir. Keyakinan dalam aspek ini merangkumi antara lain; bahawa dalam syurga terdapat 100 tingkat, di antara setiap dua tingkat 100 tahun perjalanan,²⁶³ terdapat beberapa pintu, di antaranya: *Bāb al-Ṣabr*, *Bāb al-Syukr*, *Bāb al-Ālam*, *Bāb al-Akbar*, *Bāb Rayyan* yang hanya di masuki oleh orang-orang yang berpuasa,²⁶⁴ adanya sebatang pokok penunggang kendaraan yang berjalan di bawah naungannya selama 100 tahun serta sifat-sifat kewujudan yang diterangkan dalam al-Qur'ān lainnya.

Selanjutnya disyurga dikatakan tidak ada mengandungi unsur kebencian kebencian, permusuhan, kedengkian, dan perbalahan kerana setiap penghuni syurga merasai kegembiraan yang tidak terhingga, meredai, segala pemberian Allah dan tidak pula mengingini kediaman yang lain. Penghuni syurga pula tidak merasai kebosanan dan keletihan, sebaliknya mereka mendapat segala yang dihajati dan kekal di dalamnya untuk selama-lamanya kerana Allah menjadikan syurga untuk orang-orang yang mengetahui dan menyembahNya.

Di dalam shurga juga, tidak ada najis dan bahan buangan, kerana apa yang dimakan dan minum akan dikeluarkan daripada tubuh mereka dalam bentuk peluh yang mengeluarkan bau harum dan wangi. Bahagi golongan wanita pula, mereka dikatakan bebas daripada haid, mengandung dan kesukaran-kesukaran yang lain.

Selain daripada keyakinan terhadap kewujudan dan nikmat yang terdapat dalam surga LDII juga mengimani nama-nama syurga sebagaimana ketetapan al-Qur'ān iaitu;

²⁶¹ Sūrah al-Wāqī'ah 56: 20-21

²⁶² Sūrah al-Insān 76: 15-16

²⁶³ Tirmidhī, Hadith Nombor. 2448

²⁶⁴ Al-Bukhari, *op. cit.*, Nombor Hadith 3107; Tirmidhī, *op.cit.*, Nombor Hadith 2528

*Jannah Firdaus*²⁶⁵, *Jannah Ma'wā*²⁶⁶, *Jannah 'Adnin*²⁶⁷, *Jannah Khuldi*²⁶⁸, *Jannah Na'am*²⁶⁹. Disamping itu mempunyai perkataan yang mempunyai maksud yang sama iaitu; *Dār al-Salam*²⁷⁰, *Dār al-Qarar*²⁷¹, *Dār al-Akhirah*²⁷² dan *Dār al-Maqamah*²⁷³

Pandangan LDII sebagaimana di atas, memiliki pemahaman Ahlussunah wal Jamaah dan salafiyah yang menyakini kewujudan shurga al-Qur'an dan hadith Nabi s.a.w. baik dalam kewujudan mahupun sifat dan peringkat shurga.

3.6.8 Neraka (*al-Nār*)

Perkataan *al-Nār* bermaksud sesuatu yang membakar dan ia merujuk kepada api yang menyala-nyala (*lahib*) dan dapat diperhatikan oleh panca indera manusia berdasarkan keterangan al-Qur'an Sūrah al-Wāqī'ah yang bermaksud:

أَفَرَأَيْتُمُ النَّارَ الَّتِي تُورُونَ

Ertinya: “Akhirnya, tidakkah kamu melihat api yang kamu nyalakan (dengan cara digesek)?”

Sūrah al-Wāqī'ah (56): 71

Selain bermakna api yang menyala-nyala bermakna kepada kepanasan (*al-harārah*) sebagaimana firman Allah:

فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ

²⁶⁵ Sūrah al-Kahfi 18: 107

²⁶⁶ Sūrah al-Najm 53:15

²⁶⁷ Sūrah Nahl 16:31

²⁶⁸ Sūrah al-Furqān 25:15

²⁶⁹ Sūrah al-Shu'arā 26:58

²⁷⁰ Sūrah al-An'am 6:127

²⁷¹ Sūrah al-Mu'min 40:39

²⁷² Sūrah al-Baqarah (2):94, al-An-An'am (6): 32 al-A'raf (7) 169

²⁷³ Sūrah al-Fātir (35): 35

Ertinya: “Maka peliharalah diri kamu dari api neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu-batu (berhala), (iaitu neraka) yang disediakan untuk orang-orang kafir.”²⁷⁴

Sūrah al-Baqarah (2): 24

Menurut pengertian terminologi *al-Nār* ialah tempat penyiksaan di akhirat yang dipersiapkan oleh Allah *Ta’ala* untuk orang-orang kafir dan orang-orang yang berbuat maksiat.²⁷⁵

Perkara neraka ini juga terjadi perbezaan pendapat dari segi realiti atau majazi, diciptakan atau bukan diciptakan. Abu Hanifah dan al-‘Ash’airah dan juga al-Rāzī berpendapat bahawa neraka merupakan suatu realiti menerusi al-Qur’ān.²⁷⁶ Bahagi al-Dirāriyyah, al-Jahmiyyah dan sebahagian Mu’tazilah neraka adalah *makhlūq*. Al-Ka’bī berpendapat ia adalah *makhlūq* dan bukan *makhlūq*. Sekiranya ia *makhlūq*, bererti ia harus binasa dan dikembalikan pada Hari Kiamat. Namun begitu selepas dihuni penghuninya.²⁷⁷

Demikian juga seperti pendapat dikalangan Mu’tazilah Bisyr al-Mu’tamir²⁷⁸, al-Jubbā’i dan Abū Husayn al-Basri berpendapat bahawa neraka diciptakan, manakala Abū Hasyim, ‘Abd Jabbār dan kebanyakannya mengakui ia belum diciptakan dan hanya akan diciptakan pada hari Akhirat.²⁷⁹ Golongan Khawārij, sebahagian al-Zaidiyyah, al-Dirāriyyah dan al-Jahmiyyah dikatakan bersependapat dengan mereka.²⁸⁰

Dalam soal neraka kekal atau binasa, Al-‘Ash’airah amnya berpendapat bahawa neraka akan kekal termasuk azab kepada para penghuninya.²⁸¹ Dikalangan Mu’tazilah,

²⁷⁴ Lihat juga sūrah al-Hajj (22): 72, sūrah al-Humazah (104):6 dan sūrah Yunus (10): 9-10

²⁷⁵ Muhammad bin Ibrahim bin ‘Abdullah al-Tuwaijiri (2007), *Ensiklopedi Islam al-Kamil*, (terj) Achmad Munir Bajeber dkk. Jakarta: Darus Sunnah, h.240

²⁷⁶ Al-Rāzī, *Usul al-Din*, h. 119-120

²⁷⁷ ‘Abd al-Qahir Ibn Tahir al-Baghdādi, (1981), *Kitab Uṣul al-Din*, Beirut : Dār al-Afaq al-Jadidah, , h. 237-238

²⁷⁸ A.S. Triton, *op. cit.*, h. 98

²⁷⁹ Al-Baghdādi, *op. cit.*, h. 237

²⁸⁰ Al-Taftazani, *Syarh al-Maqasid*, II, h. 218

²⁸¹ Al-Baghdādi, *op. cit.*, h.

Abū al-Hudhayl berpendapat nereka akan kekal, begitu juga penghuninya.²⁸² Bahagi Jahm dan al-Jahmiyyah, neraka akan binasa termasuk penghuninya, tiada yang kekal melainkan Allah²⁸³

Neraka juga merupakan bahagian yang harus diyakini dalam akidah Islam. Neraka merupakan tempat yang diperuntukan bahagi orang yang derhaka kepada Allah. Kewujudan akan neraka dalam pandangan ulama terdapat dua pandangan iaitu ulama ahl al-Sunnah sepakat bahawa neraka telah ada. Sedangkan puak yang belum menyakini kewujudan neraka ialah Darāriyah, segolongan Qadariyyah, dan Jahmiyyah.

Pandangan ahli Sunnah berkeyakinan neraka telah tersedia berdasarkan daripada dalil *naqli* baik dari al-Qur’ān mahupun hadith Nabi s.a.w. Adapun dalil yang berkait dengan Mi’raj Nabi s.a.w. Dimana Bahaginda s.a.w di tunjukkan tentang bagaimana siksaan yang dialami oleh ahli neraka.

Akidah LDII selanjutnya menyakini bahawa neraka telah wujud. Pandangan ini terlihat dalam dalam satu buku panduan iaitu ‘*al-Jannah wa al-Nār*’ yang mengambil dalil daripada ayat-ayat al-Qur’ān dan al-Hadith Nabi s.a.w. Dalil tersebut sebagai berikut:

وَأَسْتَفْتَحُوا وَخَابَ كُلُّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿١٥﴾ مِّنْ وَرَائِهِ جَهَنَّمُ وَيُسْقَىٰ مِنْ مَّاءٍ
صَدِيدٍ ﴿١٦﴾ يَتَجَرَّعُهُ وَلَا يَكَادُ يُسِيغُهُ وَيَأْتِيهِ الْمَوْتُ مِنْ كُلِّ مَكَانٍ وَمَا هُوَ
بِمَيِّتٍ وَمِنْ وَرَائِهِ عَذَابٌ غَلِيظٌ ﴿١٧﴾

Ertinya: “Dan (Rasul-rasul serta umatnya yang beriman) memohon pertolongan (kepada Allah, untuk mendapat kemenangan); dan terkecewalah tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi bersikap degil (dalam keingkarannya). Di belakangnya disediakan neraka

²⁸² *Ibid.*, al-’Ash’ari, Maqalat, *op.cit.*, II h. 148

²⁸³ Al-Baghdādi, *Ibid.*, h. 238, Al-’Ash’ari, *op. cit.*, h. 148

Jahannam, dan ia akan diberi minum dari air danur (yang keluar dari tubuh ahli neraka). Ia meminumnya dengan terpaksa dan hampir-hampir tidak dapat diterima oleh tekaknya (kerana busuknya), dan ia didatangi (pen deritaan) maut dari Segala arah, sedang ia tidak pula mati (supaya terlepas dari azab seksa itu); dan selain dari itu, ada lagi azab seksa yang lebih berat”.

Sūrah Ibrāhim (14): 15-17

إِنَّ جَهَنَّمَ كَانَتْ مِرْصَادًا ﴿١٥﴾ لِلطَّغْيِينِ مَغَابًا ﴿١٦﴾ لِّبِئْسَ فِيهَا أَحْقَابًا ﴿١٧﴾
لَا يَذُوقُونَ فِيهَا بَرْدًا وَلَا شَرَابًا ﴿٢٤﴾ إِلَّا حَمِيمًا وَغَسَاقًا ﴿٢٥﴾

Ertinya: “Sesungguhnya neraka jahannam adalah disediakan. Untuk orang-orang yang melampaui batas hukum tuhan, sebagai tempat kembalinya. Mereka tinggal di dalamnya berkurun-kurun lamanya. Mereka tidak dapat merasai udara yang sejuk di dalamnya, dan tidak pula sebarang minuman. Kecuali air panas yang menggelegak, dan air danur yang mengalir”

Sūrah al-Naba’ (78): 31-35

وَتَرَى الْمُجْرِمِينَ يَوْمَئِذٍ مُّقْرَّنِينَ فِي الْأَصْفَادِ ﴿٤١﴾ سَرَابِيلُهُمْ مِّن قَطْرِانٍ وَتَغْشَىٰ
وُجُوهُهُمُ النَّارُ ﴿٥١﴾

Ertinya: “Dan Engkau akan melihat orang-orang yang berdosa pada ketika itu diberkas dengan belunggu. Pakaian mereka dari belangkin (minyak tar), dan muka (serta seluruh badan) mereka diliputi oleh jilatan api neraka.”

Sūrah Ibrahim (14): 49-50

Selanjutnya LDII menyakini bahawa neraka mempunyai peringkat-peringkat sebagaimana dalam al-Qur’ān dan hadith seperti; *An-Nār*²⁸⁴, *Hāwiyah*²⁸⁵, *Laẓa*²⁸⁶, *Sa’ir*²⁸⁷, *Saqar*²⁸⁸, *Hutamah*²⁸⁹, *Jahannam*²⁹⁰, *Jahim*²⁹¹ dan *Dār al-Bawar*.²⁹² Demikian

²⁸⁴ Sūrah al-Nisā (4): 14

²⁸⁵ Sūrah al-Qāri’ah (101): 8-9

²⁸⁶ Sūrah al-Ma’ārij (70): 15

²⁸⁷ Sūrah al-Mulk (67): 5

²⁸⁸ Sūrah al-Muddatṭir (74): 26

²⁸⁹ Sūrah al-Ḥumazah (104): 5-6

²⁹⁰ Sūrah al-Taubaḥ (9): 63

²⁹¹ Sūrah al-Ṣāffāt (37): 68

²⁹² Sūrah Ibrāhim (14) 28-29

LDII menyakini bahawa kehidupan neraka merupakan tempat keperitan dan azab dari Allah SWT sehingga yang disediakan bahagi penghuninya sesuatu yang tidak memberi nikmat, seperti; makanan yang disediakan adalah buah Zakum yang pahit rasanya, busuk baunya dan berduri rupanya²⁹³ minumannya air panas²⁹⁴, hamparan panas sebagai tempat tidur²⁹⁵, dan api neraka yang berbanding 69 kali ganda daripada kepanasan api yang dipergunakan di dunia.²⁹⁶

Merujuk daripada faham LDII tentang neraka, mereka mempunyai persamaan pandangan dengan salaf dan Ahlussunnah wa al-Jamaah, yakni menyakini bahawa neraka sebagai tempat penyiksaan telah tersedia dan harus diyakini oleh orang-orang yang beriman. Demikian keyakinan terhadap peringkat-peringkat neraka sebagai tempat azab sesuai dengan dosa-dosa yang telah diperbuatnya selama hidup dunia.

3.6.9 *Shafā'ah* Rasulullah

Dari sudut istilah bahasa *shafaat* berasal dari kata *al-shafā'ah* yang bererti atau permohonan orang yang memohon kepada yang memiliki permohonan untuk disampaikan hajat yang dimintanya atau sebahagian.²⁹⁷ Kata *shafaat* juga sering dipergunakan ketika seseorang mengajukan permohonan kepada raja, membantu orang yang berhutang,²⁹⁸ dan permohonan ampunan dalam proses hukum.²⁹⁹ Menurut Ibrahim Unais ertinya meminta atau memohon sesuatu melalui perantaraan (seseorang).³⁰⁰ Menurut Muhammad bin Salih al-'Utsaimin, syafaat ialah perantara bahagi pihak orang lain dengan tujuan mengambil manfaat atau menolak bahaya.³⁰¹ Jadi takrif menurut

²⁹³ Sūrah Qāf (50):30

²⁹⁴ Sūrah al-Kahfi (18): 29

²⁹⁵ Sūrah al-Zumar (39): 16

²⁹⁶ Imam Al-Bukhari, *op. cit.*, Juz. 11, h. 413

²⁹⁷ Ibn Manzur, *op. cit.*, h.50. Lihat *Al-Mausu'ah al-'Arabiyah al-Maisarah*, Cet. 29 Beirut: Dār al-Masyriq, h. 395

²⁹⁸ *Ibid.* h. 395

²⁹⁹ Ertinya: "Sesiapa yang memberikan syafaat yang baik nescaya ia akan memperoleh bahagian (pahala) daripadanya; dan sesiapa yang memberikan syafaat yang buruk, nescaya ia akan mendapat bahagian (dosa) daripadanya".

³⁰⁰ Ibrāhīm Unais, et.al., (t.t.) *Mu'jam al-Wasit*, Dar al-Fikr, h. 487

³⁰¹ Muḥammad Ṣāliḥ bin al-'Utsaimin, *op.cit.*, h. 128

bahasa syafaat diertikan meminta atau memohon pertolongan dari seseorang perantara tertentu untuk memberikan pertolongan kepadanya dengan menyampaikan hajat yang dimintanya.

Menurut takrif terminologi *shafā'ah* bererti memohon pertolongan Allah, sebagaimana dalam firman Allah sebagai berikut:

وَيَوْمَ يَقُولُ نَادُوا شُرَكَاءِيَ الَّذِينَ زَعَمْتُمْ فَدَعَوْهُمْ فَلَمْ يَسْتَجِيبُوا لَهُمْ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمْ مَوْبِقًا ﴿٥٢﴾

Ertinya: “Dan (ingatkanlah) masa Allah berfirman: "Panggilah sekutu-sekutuKu yang kamu katakan itu (untuk menolong kamu); lalu mereka memanggilnya, tetapi sia-sia sahaja, kerana makhluk-makhluk itu tidak menyahut seruan mereka: dan Kami jadikan untuk mereka bersama sebuah tempat azab yang membinasakan.”

Sūrah al-Kahfi (18): 52

وَلَا تَنْفَعُ الشَّفَعَةُ عِنْدَهُ إِلَّا لِمَنْ أَذِنَ لَهُ ﴿٢٣﴾

Ertinya: “Dan tidak berfaedah syafaat di sisi Allah kecuali bahagi orang yang telah diizinkan Allah, (maka orang-orang yang hendak memohon syafaat terpaksa menunggu izin itu dengan penuh perasaan takut dan bimbang)”

Sūrah Saba (34): 23

مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ ﴿٢٥٥﴾

Ertinya: “...tiada yang dapat memberi syafa'at di sisi Allah tanpa izin-Nya?”

Surah al-Baqarah, 2: 255

Berdasarkan ayat-ayat di atas difahami bahawa *shafā'ah* ialah memohon atau meminta pertolongan Allah yang diberikan kepada hamba-Nya di akhirat kelak dari

dosa yang telah dilakukan semasa hidupnya di dunia. *Shafā'ah* (pertolongan) Allah yang diyakini adanya secara amnya oleh majoriti ulama dari pelbagai mazhab dan aliran dalam Islam. Demikian juga tentang syafa'ah dapat diberikan oleh tiga kategori iaitu (1) Syafaat Rasul dan Nabi³⁰² (2) Syafaat para Malaikat³⁰³ dan (3) Syafaat orang salih³⁰⁴. Syafa'at Rasulullah s.a.w meliputi; *pertama Ash-syafa'atul 'uzhma* iaitu syafaat yang diberikan oleh Nabi s.a.w kepada umat manusia di Mauqif, ketika manusia seluruhnya dikumpulkan Allah di padang Mahsyar,³⁰⁵ *Kedua*, syafaat Nabi s.a.w. yang diberikan kepada ahli Surga untuk memasuki Surga³⁰⁶ dan *ketiga*, ialah syafaat Nabi yang berikan kepada orang-orang yang berhak masuk Neraka. Syafaat peringkat ketiga ini untuk Nabi s.a.w, para Nabi, para shiddiqin, dan yang lain dari kaum muslimin.

Walau bagaimanapun inti perkaranya ialah syafaat bahagi pelaku dosa besar terdapat perselisihan pendapat. Bahagi aliran akidah yang berpegang terhadap al-Qur'an dan al-Hadith (Salaf dan Salafiyah) mereka mempercayai adanya *shafā'ah* Rasulullah s.a.w. Mereka berpendapat bahawa *shafā'ah* Rasulullah s.a.w terhadap pelaku dosa besar itu ada.³⁰⁷ Menurut al-Khumays *shafā'ah* ini telah ditetapkan di dalam al-Qur'an, hadith serta Ijmak ulama.³⁰⁸ Adapun hadith yang dimajukan sebagai dalil ialah:

حَدَّثَنَا الْعَبَّاسُ الْعَنْبَرِيُّ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّزَّاقِ عَنْ مَعْمَرٍ عَنْ ثَابِتٍ عَنْ أَنَسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَفَاعَتِي لِأَهْلِ الْكِبَائِرِ مِنْ أُمَّتِي³⁰⁹

Ertinya: “Al-Abbas al-‘Anbari, al--Razzāq dari Ma’mar dari Thāsbit dari Anas berkata; Rasulullah s.a.w. bersabda: “Aku memberi *shafā'ah* kepada umatku yang melakukan dosa besar”.

³⁰² Muslim, *op. cit.*, Juz.2 Nombor Hadith 472, Lihat Ahmad, *Musnad Ahmad*, Juz. 25. Nombor Hadith 12221, h. 253

³⁰³ *Ibid*

³⁰⁴ Abī Dāwud, *op. cit.*, Juz. 7 Hadith Nombor 2524, h. 409

³⁰⁵ Al- Bukhari, *op.cit.*, hadith no. 4712, Lihat Muslim, *op.cit.*, hadith no.194,

³⁰⁶ Khalil Hiras, *Syarh al-‘Aqīdah al-Wāsiṭiyyah*, h. 217

³⁰⁷ Al-‘Ash‘ārī (1954), *op. cit.*, h. 288

³⁰⁸ Muhammad Ibn ‘Abd al-Rahman al-Khumays, *op.cit.*, h. 83

³⁰⁹ Al-Tirmidhī, *op. cit.*, Juz 9 Hadith No.2622, h. 298

³⁰⁹ ‘Abd al-Jabbār, (1965), *op.cit.*, h. 331

Bahagi Mu'tazilah mereka menolak adanya *shafā'ah* Rasulullah s.a.w. bahagi pelaku dosa besar.³¹⁰ ‘Abd al-Jabbār mengatakan bahawa *shafā'ah* hanyalah untuk orang yang bertaubat dan mukmin, tidak untuk mereka yang melakukan dosa besar. Golongan Mu'tazilah berasal mustahil Rasulullah s.a.w memberi *shafā'ah* kepada orang yang berdosa atau fasik dan dimurkai Allah, kerana secara logik seseorang itu hanya akan memberi *shafā'ah* kepada orang yang disukai dan diredai sahaja.³¹¹ Sebagai dalil dalam menolak adalah firman Allah dalam Sūrah al-Baqarah (2):48³¹² dan al-Mu'minin (40):18).³¹³ Berdasarkan dalil tersebut, golongan pelaku dosa besar dikira orang dimurkai Allah dan akan kekal di dalam neraka, sedangkan shafa'at hanya diperuntukan orang yang diredai Allah.

Kembali kepada kefahaman akidah LDII, mereka mempercayai adanya *shafā'ah* baik *shafā'ah* Nabi dan Rasul, *shafā'ah* Malaikat serta *shafā'ah* orang salih. LDII mengimani kesemua *shafā'ah* Rasulullah s.a.w. baik am mahupun yang khas iaitu seperti shafaat pelaku dosa besar. Pendapat LDII sebagaimana firman Allah dan hadith daripada Anas dalam rekod al-Tirmidhī. Dalam memahami syafaat LDII mendahulukan nas, kerana itu ia berpendapat bahawa Rasulullah mendapat izin daripada Allah untuk memberi shafaat kepada umatnya di hari Kiamat. LDII juga menyakini bahawa tidak semua Rasulullah boleh memberikan *shafā'ah* untuk semua ahli maksiat dari kalangan ahli Tawhid.³¹⁴

Adapun hadith yang dijadikan dasar oleh LDII sebagai berikut:

³¹⁰ *Ibid.*, h. 208

³¹¹ ‘Abd al-Jabbār, *op. cit.*, h. 208

³¹² Ertinya: Dan peliharalah diri kamu dari (azab sengsara) hari (akhirat), yang padanya seseorang tidak dapat melepaskan orang lain (yang berdosa) sedikitpun (dari balasan azab), dan tidak diterima syafaat daripadanya, dan tidak pula diambil daripadanya sebarang tebusan; dan mereka (yang bersalah itu) tidak akan diberi sebarang pertolongan.”

³¹³ Ertinya: “Dan berilah amaran (Wahai Muhammad) kepada mereka tentang (hari kiamat) yang dekat (Masa datangnya), iaitu ketika hati seseorang merasa resah gelisah, kerana cemas takut, sambil masing-masing menahan perasaannya itu. (pada saat itu) orang-orang yang zalim tidak akan mendapat seorang sahabatpun yang boleh membelanya, dan tidak akan mendapat pemberi syafaat yang diterima pertolonganNya.”

³¹⁴ LDII, al-Şifat al-Jannah, *op. cit.*, h.

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الصَّبَّاحِ الْهَاشِمِيُّ حَدَّثَنَا بَدَلُ بْنُ الْمُحَرَّرِ حَدَّثَنَا حَرْبُ بْنُ مَيْمُونِ الْأَنْصَارِيُّ أَبُو
الْحَطَّابِ حَدَّثَنَا النَّضْرُ بْنُ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ عَنْ أَبِيهِ قَالَ سَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَشْفَعَ لِي
يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَقَالَ أَنَا فَاعِلٌ قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَأَيَّنَ أَطْلُبُكَ قَالَ أَطْلُبُنِي أَوَّلَ مَا تَطْلُبُنِي عَلَى
الصِّرَاطِ قَالَ قُلْتُ فَإِنْ لَمْ أَلْقَكَ عَلَى الصِّرَاطِ قَالَ فَاطْلُبْنِي عِنْدَ الْمِيزَانِ قُلْتُ فَإِنْ لَمْ أَلْقَكَ عِنْدَ
الْمِيزَانِ قَالَ فَاطْلُبْنِي عِنْدَ الْحَوْضِ فَإِنِّي لَا أُحْطِي هَذِهِ الثَّلَاثِ الْمَوَاطِنِ³¹⁵

Ertinya: "Telah menceritakan kepada kami Abd Allāh bin al-Ṣabbah al-Hasyimī telah menceritakan kepada kami Badal bin al-Muhabbir telah menceritakan kepada kami Harb bin Maimun al-Anṣārī Abu al-Khaṭṭab telah menceritakan kepada kami al-Nadlir bin Anas bin Mālik dari ayahnya berkata: Aku meminta Nabi s.a.w. agar memberiku syafaat pada hari kiamat, beliau bersabda: "Aku akan melakukannya." Ia bertanya: Wahai Rasulullah, ke mana aku mencari bahaginda? Beliau menjawab: "Carilah aku pada saat pertama kali kau mencari di atas shirath." Ia bertanya: Bila aku tidak bertemu dengan bahaginda di atas shirath? Beliau menjawab: "Carilah aku di dekat mizan." Ia bertanya: Bila aku tidak bertemu dengan bahaginda di dekat mizan? Beliau menjawab: "Carilah aku di dekat telaga, kerana aku tidak luput dari tiga tempat itu."

حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ عَرَفَةَ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ عَبَّاسٍ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ زِيَادِ الْأَهْلَبِيِّ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا أَمَامَةَ يَقُولُ
سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ وَعَدَدِي رَبِّي أَنْ يَدْخُلَ الْجَنَّةَ مِنْ أُمَّتِي سَبْعِينَ أَلْفًا لَا
حِسَابَ عَلَيْهِمْ وَلَا عَذَابَ مَعَ كُلِّ أَلْفٍ سَبْعُونَ أَلْفًا وَثَلَاثَ حَتِيَّاتٍ مِنْ حَتِيَّاتِهِ³¹⁶

Ertinya: "Telah menceritakan kepada kami al-Ḥasan bin 'Arafah telah menceritakan kepada kami Isma'īl bin 'Ayyāsh dari Muḥammad bin Ziyād al-Alhāni berkata: Aku mendengar Abu Umāmah berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Rabbku berjanji padaku untuk memasukkan tujuh puluh ribu orang dari umatku tanpa hisab dan adzab, setiap seribunya bersama tujuh puluh ribu dan tiga tangkup (mengambil dengan dua telapak tangan) dari tangkupan (tangan) Nya."

Merujuk daripada hadith yang dijadikan dalil oleh LDII, mereka menyakini bahawa Rasullullah memberikan syafaat juga kepada umatnya tanpa terlebih dulu melalui hisab dan azab sebanyak tujuh puluh ribu orang. Berdasarkan azas dan pandangan LDII dalam syafaat ini, terdapat persamaan pendapat dengan golongan salaf dan ahl al-Sunnah wal Jamaah.

³¹⁵ Al-Tirmidhī, *op. cit.*, Juz. 9 Hadith No. 2620 h. 294 dan pada Juz. 4 hadith no. 2433 h. 621

³¹⁶ Al-Tirmidhī, *Ibid.* Juz. 9 Hadith No. 2361h. 301

